



DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

L.

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Bukan  
Jawab Lisan [Bertulis] Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian-Kementerian**

**8 MAC 2011 HINGGA 7 APRIL 2011 SO  
ALAN NO: 401 HINGGA SO ALAN NO: 488**

NO SOALAN : 401

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN  
DARIPADA                TUAN HEE LOY SIAN  
                            (PETALING JAYA SELATAN)

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan

- (a) berapakah kos perbelanjaan untuk Anggota Tentera Laut yang beroperasi di Teluk Aden pada 2 tahun lepas; dan
- (b) adakah syarikat Petronas yang ada kepentingan sendiri juga menanggung kos rondaan Anggota Tentera Laut di Teluk Aden.

**JAWAPAN:**

Perbelanjaan bagi anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mengawasi keselamatan perairan Teluk Aden adalah ditanggung oleh MISC Berhad yang merupakan anak syarikat Petronas.

|

<sup>^0 X</sup>

**SOALAN N0.4§S=**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**      **BUKAN LISAN**

**DARI PAD A**            **TUAN HEE LOY SIAN**  
**[PETALING JAYA SELATAN]**

**SOALAN**

**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakan jumlah peruntukan pembangunan yang telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan pada 5 tahun yang lepas dan sebutkan jenis projek yang dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM208.3** juta bagi melaksanakan projek pembangunan RMKe9 di bawah parlimen Petaling Jaya Selatan, Selangor. Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai pelaksanaan projek seperti berikut:

- 1) Fizikal Binaan dan Infrastruktur- 25 Projek
- 2) Kajian dan Penyelidikan - 1 Projek
- 3) Kemudahan Awam - Air - 1 Projek
- 4) Pembangunan Masyarakat - 1 Projek

- 5) Pembangunan Taman - 2 Projek
- 6) Pembelian dan Kelengkapan - 13 projek NO.AUM : 4&€
- 7) Pembinaan Institut Pengajian Tinggi - 1 Projek
- 8) Pembinaan Jambatan - 1 Projek
- 9) Pembinaan Pejabat Am Dan Lain-lain Pembinaan - 1 Projek
- 10) Pembinaan Sekolah - 3 Projek
- 11) Pembinaan Tadika - 12 Projek NO.AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BUKAN LISAN**

**DARI PAD A                  TUAN HEELOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN                  3526**

**SOALAN:**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang telah dijalankan untuk mengatasi masalah kes jenayah terutama kes ragut yang kerap berlaku di Seksyen 17 dan Bandar Lama Seksyen 1,2,3 & 4 di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

**JAWAPAN**

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, antara usaha yang dijalankan oleh pihak polis bagi mencegah jenayah termasuk kes ragut adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan konsep “*Community Policing*” yang bertujuan untuk mendekatkan polis dengan masyarakat setempat serta memberi peluang kepada mereka untuk bekerjasama dengan pihak polis dalam membanteras jenayah melalui penyaluran maklumat berhubung sesuatu kejadian jenayah di persekitaran kawasan kediaman;
- (ii) Mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan melaksanakan tindakan ‘*stop and talk*’. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan-kawasan yang strategik bersesuaian dengan konsep “*Police Omnipresence*” bertujuan bagi menghalang berlakunya sesuatu jenayah;

Melaksanakan operasi bersepadu melibatkan PDRM dan agensi-agensi penguatkuasa serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membanteras jenayah;

Mempertingkatkan operasi rondaan kereta peronda (MPV) terutama di kawasan yang kerap berlaku jenayah;

Melalui peranan “Rakan Cop” di mana orang awam boleh menghubungi polis untuk memberi maklumat berkaitan sebarang kejadian jenayah dengan menyalurkan maklumat melalui SMS atau panggilan ke talian *Hotline* 9999 supaya tindakan serta merta dapat diselaraskan; dan

Mengadakan perjumpaan di antara pihak polis dan masyarakat setempat sebagai ‘*platform*’ untuk memberi peluang kepada mereka untuk bertemu polis dan berbincang mengenai masalah-masalah yang dihadapi berkaitan jenayah serta menyalurkan maklumat mengenai kejadian jenayah di kawasan mereka.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARI PAD A : TUAN HEE LOY SIAN**

**NO. SOALAN : 404**

**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**SOALAN** :

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) berapa kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk YAB Perdana Menteri menghantar SMS ucapan Tahun Baru Cina kepada masyarakat Tiong Hua; dan
- (b) dari sumber manakah YAB Perdana Menteri mendapat nombor telefon sms ini sedangkan telefon bimbit merupakan hak rahsia seseorang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Inisiatif penyampaian mesej perayaan Tahun Baru Cina YAB Perdana Menteri pada tahun ini kepada rakyat Malaysia yang menyambut perayaan tersebut menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas SMS & e-mel adalah sebahagian dari usaha berterusan pentadbiran ini bagi mengukuhkan perpaduan nasional serta memelihara hubungan rapat rakyat dan kerajaan selaras dengan gagasan pemandu “1 Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Inisiatif ini membolehkan ini telah membolehkan beliau selaku Ketua Kerajaan dapat secara langsung berkongsi kegembiraan dengan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum yang meraikan perayaan masing-masing dengan menggunakan perantaraan media yang bersifat popular dan meluas.

### **1. Perantara dan Pengkalan Data**

#### **(a)SMS**

Ucapan ringkas peribadi YAB Perdana Menteri telah dihantar kepada empat juta (4,000,000) rakyat Malaysia dengan kerjasama daripada tiga (3) syarikat telekomunikasi utama seperti yang berikut:

- (i) Digi.Com Berhad
- (ii) Maxis Berhad
- (iii) Celcom Berhad

Tiada sebarang kos yang dikenakan oleh ketiga-tiga syarikat yang tersebut diatas. Ucapan YAB Perdana Menteri disebarluaskan dalam rangka memenuhi tanggungjawab sosial syarikat.

Mesej yang telah dirangka telah dihantar terus kepada ketiga-tiga

syarikat telekomunikasi untuk sebaran. Pihak Pejabat Perdana Menteri telah memastikan prinsip perlindungan maklumat peribadi dipatuhi tanpa kecuali disamping terma dan syarat syarikat telekomunikasi dihormati sepenuhnya, ingin ditegaskan bahawa pada sebarang masa dan pada setiap tahap proses penghantaran mesej ini Pejabat Perdana Menteri tidak sesekali pernah mempunyai akses kepada sebarang maklumat yang bersifat peribadi kepada penerima.

(b) Email

Ucapan peribadi YAB Perdana telah dihantar kepada sejuta dua ratus lima puluh lima ribu lima ratus dua puluh lapan (1,255,528) penerima rakyat Malaysia. Alamat email ini telah dikumpulkan melalui tiga (3) pengkalan data seperti yang tersebut dibawah :

- (i) Media Prima Berhad
- (ii) Kementerian Pengajian Tinggi
- (iii) Laman web peribadi YAB Perdana Menteri www. 1 Malaysia, com .my

Kos yang dikenakan adalah berjumlah Ringgit Malaysia Lima Sen (RM0.05) setiap satu email. Dengan kos yang begitu minima menggunakan cara ini YAB Perdana Menteri telah dapat mendekati lebih sejuta rakyat Malaysia dari pelbagai kaum dan agama. Ucapan

ini adalah sama seperti ucapan yang dihantar melalui kad ucapan konvensional.

Bagi menghormati prinsip perlindungan maklumat peribadi dan terma

dan syarat ketiga-tiga pengkalan data, YAB Perdana Menteri tidak mempunyai akses kepada data-data peribadi. Kesemua email telah dihantar setelah kesemua syarat dan terma diteliti dengan sepenuhnya dari ketiga-tiga pengkalan data untuk memastikan prinsip perlindungan peribadi tidak dilanggar.

Dibawah adalah syarat “Berkongsi Data Dengan Pihak Ketiga” untuk pengkalan data bagi Media Prima Berhad:

- Data peribadi tidak boleh dijual, disewa atau dikongsikan dengan pihak ketiga selain yang tertera di dalam Polisi Privasi ◦ Media Prima Berhad Berhak , jika perlu, menggunakan data peribadi (termasuk alamat email dan nombor telefon) untuk berkongsi maklumat yang berkenaan dengan produk, servis atau promosi dari pihak Media Prima Berhad dan pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu

Adalah jelas seperti yang tersebut diatas, ucapan Selamat Tahun baru Cina YAB Perdana Menteri tidak melanggar sebarang Polisi Privasi syarikat. Didalam konteks ini, YAB Perdana Menteri telah diklasifikasikan sebagai “pihak ketiga yang mungkin menarik minat dan perhatian individu”

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN · BUKAN LISAN**

DARI PAD A TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]

**SOALAN :**

**TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah nilai peruntukan pembangunan dalam RMKe-10 yang dilaksanakan di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

**JAWAPAN**

Sehingga 4 Mac 2011, sebanyak **RM13.126 juta** diperuntukkan untuk membiayai projek di bawah RMKeIO bagi kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

No: 406

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**SOALAN BUKAN JAWAB LISAN**

DARI PADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN (TANJONG MANIS)

SOALAN 406

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta MENTERI  
PENGANGKUTAN

menyatakan pengubahan suaian kenderaan seperti menukar warna lampu isyarat, menyalakan lampu kabus sepanjang masa, penggunaan cermin gelap dan berbagai jenis lampu mengelirukan pemandu lain dan mengakibatkan kemalangan, apakah tindakan Kementerian untuk membendung gejala ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan mengubahsuai teknikal kenderaan adalah tertakluk di bawah Kaedah 94, Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959. Kaedah ini menyatakan bahawa sesuatu kenderaan bermotor dan aksesori yang digunakan hendaklah tidak menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang di atas kenderaan atau di atas jalan. Pengubahsuaian kenderaan ini termasuklah pemasangan aksesori yang melibih had-had yang ditetapkan dan penukaran warna lampu isyarat. Selain daripada itu, penggunaan cermin gelap dan amalan menyalakan lampu kabus sepanjang masa juga membahayakan pemandu lain sekaligus boleh mengakibatkan kemalangan.

Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini melalui pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memastikan kenderaan yang digunakan di atas jalan raya tidak diubahsuai adalah dengan menjalankan aktiviti penguatkuasaan melalui operasi sekatan jalan raya yang dilakukan dari masa ke semasa. Sekiranya pemilik kenderaan tersebut didapati bersalah mengubahsuai kenderaannya, maka Notis PG1 akan dikeluarkan kerana melakukan pengubahsuaian yang tidak dibenarkan. Apabila terbukti bersalah, pemilik kenderaan yang telah melakukan kesalahan ini boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara bagi tempoh tidak lebih 6 bulan seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 119(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



M<sup>l</sup> -x

**PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT. MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>BERTULIS</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>ABDUL RAHMAN TANJONG</b>
	<b>MANIS</b>
<b>NO. SOALAN</b>	<b>407</b>

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Man Is] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan harga pasaran Ringgit telah menunjukkan haiuan positif berbanding dengan Dollar Amerika iaitu USD 3.0415 pada 10 Februari 2011, apakah kesan jangka panjang ke atas daya saing pengeksport kita yang berdagang dengan dollar Amerika.

**JAWAPAN**

- Walaupun Ringgit Malaysia teiahan mengukuh sebanyak 8.5% pada tahun 2010 (USD1 : RM3.22) berbanding dengan tahun 2009 (USD1 : RM3.52), perdagangan negara telah meningkat sebanyak 18.3% kepada RM1,168.6 bilion berbanding RM988.2 bilion pada

tahun 2009. Pada tahun 2010, eksport negara pula telah meningkat sebanyak 15.6% kepada RM693.4 bilion berbanding dengan RM553.3 bilion pada tahun 2009. Jumlah perdagangan pada tahun 2010 yang berjumlah RM1,168.6 billion merupakan pencapaian yang menghampiri jumlah perdagangan tertinggi sebanyak RM1,182.8 bilion yang direkodkan pada tahun 2008.

Data-data perdagangan dan eksport ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pengukuhan Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika, nilai perdagangan dan eksport negara tetap menunjukkan peningkatan dan ini membuktikan daya sairiig perdagangan dan eksport negara tidak terjejas. Ini adalah bertentangan dengan pendapat yang menyatakan pengukuhan Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika akan menyebabkan daya saing pengeksport tempatari akan turut terjejas.

Kesan jangka panjang daya saing eksport negara adalah sukar untuk ditentukan memandangkan kadar tukaran wang asing berubah-ubah dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, adalah dijangka

permintaan terhadap eksport negara tidak akan terjejas berdasarkan faktor-faktor berikut:

- pengukuhan Ringgit Malaysia menyebabkan barang pengantara (*intermediate*) serta barang modal (*capital goods*) yang diimpirl; bagi tujuan perkilangan dan pembuatan akan menjadi murah dan akan

memberi kesan dari segi penjimatan kos kepada penghasilain barang siap yang akan dieksport. Pada tahun

2010, barangang pengantara ini menyumbariig 68.6% dari import keseluruhan negara manakala import barangang modal menyumbang 14.4%.

- kualiti tinggi barangang yang dieksport juga turut menyumbang kepada permintaan yang berterusan terhadap barangang-barangan buatan Malaysia dan seterusnya peningkatan pengeksportan negara. Ini menunjukkan walaupun harga barangang keluaran negara mungkin meningkat berlkutan pengukuhan Ringgit Malaysia, eksport negara tetap meningkat hasil daripada faktor kualiti dan bukannya harga semata-mata.

- promosi eksport yang berterusan yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensi terutamanya Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) turut menyumbang kepada peningkatan eksport negara dan usaha-usaha ini akan terus dipergiatkan lagi bagi memastikan eksport negara terus meningkat.



SOALAN NO : 408

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'  
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN                    BUKAN LISAN  
DARI PADA :                DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
                                  [TANJONG MANIS]

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bahawa National Suicide Registry Malaysia menganggarkan setiap hari dua orang membunuh diri dan menurut kajian UKM kadar bunuh diri di Malaysia sama tinggi dengan Amerika Syarikat. Apakah tindakan Kementerian untuk membendung masalah ini.

TUAN YANG DIPERTUA,

Untuk makluman, *National Suicide Registry Malaysia* adalah satu registri pendaftaran data bunuh diri yang telah ditubuhkan pada tahun 2007 bagi mendapatkan anggaran data tentang kadar bunuh diri di Malaysia. Kadar bunuh diri di Malaysia yang dilaporkan melalui *National Suicide Registry Malaysia* adalah dianggarkan sebanyak 1.3 per 100,000 penduduk. Anggaran kadar ini adalah berdasarkan data yang dikumpulkan semenjak tahun 2007 di mana jumlah kes bunuh diri adalah sebanyak 290 kes dalam tahun 2008, 328 kes dalam tahun 2009 dan 340 kes dalam tahun 2010.

Kajian yang dilaksanakan oleh UKM seperti Yang Berhormat maksudkan merupakan satu kajian yang telah dilaksanakan oleh pakar psikiatri di UKM antara tahun 1990 dan 2000 (*Morris and Maniam, 2002*) di mana kajian melihat kepada kes-kes yang disyaki membunuh diri dan kajian menyimpulkan bahawa kadar bunuh diri dalam jangka masa sepuluh tahun pada masa tersebut adalah dianggarkan di antara 10-13 per 100,000 penduduk dan pada masa itu dianggarkan mencapai kadar bunuh diri bagi Amerika

Syarikat iaitu 14.5 per 100,000 penduduk. Perlu diingatkan bahawa kajian yang dijalankan itu melihat kepada kes-kes dilaporkan sebagai bunuh diri dan kes-kes disyaki bunuh diri.

Oleh itu, data dari National Suicide Registry adalah lebih sahih memandangkan ia merupakan hasil autopsi kes-kes dilaporkan sebagai bunuh diri dari hospital-hospital KKM. Saya ingin nyatakan bahawa Kementerian akan terus melaksanakan usaha bagi mendapatkan anggaran data yang lebih tepat dari tahun ke tahun untuk kadar bunuh diri.

Bagi membendung masalah ini, Kementerian mengambil tindakan dan langkah-langkah pencegahan dan rawatan seperti berikut:

- (a) Kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental seperti pemerkasaan komuniti yang memfokuskan kepada memberi kemahiran kepada komuniti menangani stres, forum awam, seminar, ceramah di media massa, penulisan artikel di media cetak bagi meningkatkan kesedaran awam. Aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia dan Hari Pencegahan Bunuh Diri Sedunia.
- (b) Bahan bahan pendidikan kesihatan / IEC\_(Information, Education and Communication) dalam bentuk risalah-risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental dan pencegahan bunuh diri juga diterbitkan dan diedarkan bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental. Info tentang kesihatan mental, tanda-tanda awal penyakit mental dan pencegahan bunuh diri boleh juga didapati di laman sesawang kementerian di [www.moh.gov.mv](http://www.moh.gov.mv) atau [www.mvhealth.gov.mv](http://www.mvhealth.gov.mv)

Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dengan sokongan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Persatuan Antarabangsa Pencegahan Bunuh Diri (*International Association for Suicide Prevention, IASP*) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*). Pelan ini sedang di dalam peringkat kelulusan pengurusan atasan Kementerian.

Perkhidmatan psikiatri disediakan di empat (4) buah institusi mental dan 42 hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia untuk merawat pesakit mental manakala di peringkat kesihatan primer, sebanyak 671 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan telah juga dimulakan secara berperingkat di klinik-klinik kesihatan dan mereka yang dikenalpasti akan diberi intervensi berpatutan.

Latihan kepada anggota kesihatan primer dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan, masalah mental atau keinginan untuk membunuh diri akan terus dipertingkatkan. Sehingga Disember 2010, seramai 856 anggota kesihatan telah dilatih menggunakan Modul Latihan “CPG Management of Major Depressive Disorders”.

#### Garispanduan Pelaporan Media tentang Bunuh Diri di Malaysia (*Guidelines for Media Reporting on Suicide in Malaysia*)

Garispanduan ini telah dibentuk pada tahun 2005 dengan tujuan untuk memberi panduan kepada pihak media cara bagaimana untuk melaporkan kejadian bunuh diri. Di antaranya adalah kejadian bunuh diri tidak seharusnya dilaporkan di bahagian muka hadapan surat khabar kerana ini akan mempengaruhi berlakunya ‘copycat suicide’.

SOALAN NO: 409

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	Bertulis
DARI PADA	Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
SOALAN	[Tanjong Manis]
	Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan bilakah jangkaan Malaysia akan mencapai status mampu diri dari segi pembekalan makanan kerana ketika ini bil import makanan sudah mencecah RM15 bilion setahun dan kita kerugian besar akibat aliran keluaran tukaran wang asing yang tinggi dan memandangkan negeri Sarawak mempunyai tanah yang luas yang masih dapat digunakan untuk mengurangkan import dan memberi jaminan makanan ( <i>food security</i> ).
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN

SOALAN NO: 410

INDUSTRI ASAS TANI



Jumlah yang diperlukan negara bagi tempoh Januari - Disember 2010 adalah RM30.2billion. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengeluaran bagi bahan makanan dan tahap sara diri komoditi makanan utama negara supaya negara tidak terus bergantung kepada bahan makanan yang diimport. Walau bagaimanapun, beberapa jenis komoditi yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara disebabkan oleh ketidaksesuaian iklim, kos pengeluaran yang tinggi dan tidak ekonomik tetap akan diimport bagi menampung keperluan bahan makanan negara. Pelbagai langkah drastik dalam menjamin bekalan makanan dalam Negara telah dilaksanakan oleh Kerajaan seperti:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Projek Berimpak Besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah NKEA Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- (ii) Membangunkan tanah pertanian akan secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai di kawasan tanaman semula kelapa sawit dan integrasi kelapa sawit dengan ternakan;
- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan bagi menghubungkan pengeluaran dengan permintaan pasaran;
- (iv) Menumpukan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan

akuakultur, bioteknologi seperti teknologi '-omics' dan *bioproses*, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau;

- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta akan menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi. Pihak swasta juga digalakkan untuk menujuhkan konsortium atau syarikat peneraju bagi mengendalikan pengeluaran dan pemasaran untuk kumpulan sasar melalui ladang kontrak dan pakatan strategik; dan
- (vi) Membenarkan pelabur swasta untuk membuat pelaburan di luar negara secara timbal balik (*reverse investment*) bagi pengeluaran komoditi utama makanan yang dikenal pasti. Pelaburan timbal balik ini akan membantu meningkatkan sekuriti bekalan makanan dalam negara khususnya dalam menghadapi situasi krisis makanan yang mana hasil keluaran pertanian dibawa balik secara langsung atau sebagai produk akhir untuk kegunaan tempatan.

Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10, MOA telah meluluskan 44 projek pertanian dengan siling berjumlah RM 69.5 juta khusus untuk negeri Sarawak. Kementerian juga telah menimbangkan kelulusan beberapa projek-projek baru di Negeri Sarawak di bawah *Rolling Plan* Ke-2 bagi tujuan pengeluaran bahan makanan utama. Oleh itu, kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dalam menyediakan kawasan pertanian yang secukupnya amat dialu-alukan.

**SOALAN NO: 410**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN BU KAN LIS  
AN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARI PADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [  
TANJONG MANIS ]

**SOALAN**

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan bahawa 6,000 nyamuk aedes aegypti "Perubahan Genetik" telah dilepaskan di Bentong pada Disember 2010 dan orang ramai diberitahu pada 26hb Januari 2011, kenapakah perkara penting seperti ini boleh berlaku memandangkan eksperimen genetik tiada sebarang jaminan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang kajian sains yang dilakukan tidak ada jaminan sepenuhnya malah kajian-kajian yang diluluskan adalah kajian-kajian yang mempunyai risiko yang minimum. Begitulah halnya dengan kajian nyamuk transgenik.

Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan (LBK) pada 5 Oktober 2010 telah meluluskan permohonan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) untuk menjalankan kajian lapangan nyamuk transgenik di mana 6,000 ekor nyamuk

## **SOALAN NO: 411**

transgenik telah dilepaskan. Uji kaji lapangan ini merupakan pelepasan secara



terhad sahaja bagi maksud mengkaji jarak penerbangan serta kepanjangan usia nyamuk tersebut.

Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC), yang memberikan nasihat saintifik dan teknikal kepada pihak LBK, telah meneliti permohonan ini dengan membuat analisa risiko secara terperinci. Berdasarkan analisa ini, GMAC mendapati risiko untuk pelepasan terhad nyamuk transgenik ini amat rendah dan tidak mendatangkan bahaya kepada alam sekitar, kesihatan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan apabila strategi pengurusan risiko yang ditetapkan dalam syarat kelulusan dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 411

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN      BUKAN

JAWAB LISAN

DARI PADA                            YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[SIBUTI]

TARIKH                                8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan secara terperinci berapakah jumlah bantuan kebajikan di bawah jabatan dan agensi Kementerian disalurkan ke kawasan Parlimen Sibuti. Bagaimanakah pihak pentadbiran menyalurkan bantuan berdasarkan persempadanan Parlimen atau daerah. Maklumat penerimaan bantuan haruslah mengikut kategori-kategori.

## JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan bantuan berjumlah RM625.469 kepada seramai 230 orang penerima bantuan di kawasan Parlimen Sibuti bagi tahun 2010.

Penyaluran bantuan ini dilaksanakan berdasarkan kepada persempadanan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Residen Negeri Sarawak. Urusan bayaran bantuan secara bulanan dilaksanakan melalui beberapa kaedah seperti berikut:

- i. Bayaran tunai terus kepada penerima di pusat-pusat bayaran yang ditetapkan, di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan di rumah klien bagi penerima yang uzur; dan
- ii. Bayaran melalui bank kepada penerima yang sesuai dan mempunyai perkhidmatan bank yang berdekatan dengan rumah klien.

Pecahan penerima bantuan kewangan JKM bagi kawasan Parlimen Sibuti mengikut kategori skim bantuan bagi tahun 2010 adalah seperti berikut:

**PENERIMA BANTUAN KEWANGAN JKM BAGI KAWASAN PARLIMEN SIBUTI**

**MENGIKUT KATEGORI SKIM BANTUAN BAGI TAHUN 2010**

Skim Bantuan	Bil. Penerima Bantuan	Perbelanjaan (RM)
Bantuan Kanak-kanak	37	132,600
Bantuan Orang Tua	81	291,600
Elaun Pekerja Cacat	9	32,400
Bantuan Am	60	78,540
Bantuan Penjagaan (OKU) Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar (BPT)	10	36,000
Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	24	43,200
Bantuan Bencana	7	10,908
Bantuan Sekolah	2	221
Jumlah	230	625,469

SOALAN NO: 5F

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARI PADA**

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[ SIBUTI ]**

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah pihak Kerajaan ada memperuntukkan dana untuk tujuan memindahkan bahan-bahan arkib ke dalam bentuk digital dan adakah proses digital sumber dan karya-karya Agung Negara telah dimulakan.

**JAWAPAN:**

Yang Berhormat,

Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja pendigitalan bahan arkib mulai pada tahun 1997 melalui Projek Peralihan Data. Melalui peruntukan yang diberikan kerja-kerja pendigitalan sejumlah 93,714 gambar bersejarah boleh dicapai secara dalam talian. Selain itu, kemasukan data bagi bahan-bahan arkib seperti fail, terbitan dan lain-lain berjumlah 1,660,883 ke dalam sistem juga telah dilaksanakan.

Arkib Negara Malaysia (ANM) telah memperolehi bajet di bawah projek NKEA untuk pendigitalan bahan arkib bagi tahun 2011 - 2012. Melalui

SOALAN NO: 415

projek ini, kerja-kerja pendigitalan akan dilaksanakan ke atas bahan arkib yang terpilih di ANM iaitu bahan pandang dengar dan rekod-rekod yang terdapat dalam simpanan ANM.

Bagi proses digital sumber dan karya-karya Agung Negara pula, Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah melaksanakan Projek Pendigitalan Koleksi Negara sebagaimana yang dipraktikkan perpustakaan-perpustakaan negara lain. Pada peringkat permulaan, Projek Pendigitalan Koleksi Negara telah dimulakan dengan mendigitalkan manuskrip Melayu yang telah diiktiraf sebagai karya agung negara iaitu Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat an-Nafis dan karya kenegaraan seperti Adab Raja-Raja, Taj al-Salatin, Bustan al-Salatin, Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Projek ini juga turut merangkumi bahan nadir (bahan langka) yang dikenalpasti tidak mempunyai hak cipta.

Pada tahun 2011, PNM sebagai pusat simpanan dan rujukan Koleksi Malaysiana akan bekerjasama dengan penerbit untuk mendapat kebenaran hak cipta bagi mendigitalkan Koleksi Malaysiana yang terdapat di PNM secara berperingkat-peringkat.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**SOALAN :**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah bentuk bantuan dan dana yang boleh diperolehi oleh masyarakat luar bandar dari pihak Kementerian.

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) ada menyediakan bantuan dan dana sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui program/projek KKLW atau pun melalui agensi di bawahnya kepada masyarakat luar bandar seperti berikut:

- a. Majlis Amanah Rakyat (MARA), menyediakan biasiswa untuk pelajar tajaan MARA, bantuan pendidikan untuk pelajar di Maktab Rendah Sains Mara dan pelajar di bawah Kementerian Pelajaran serta peserta-peserta di Pusat Giat Mara. Di samping itu, MARA juga ada menyediakan bantuan

pinjaman di bawah program Pembiayaan Perniagaan;

- b. Jabatan Kemajuan Orang Asli, menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar Orang Asli di bawah Skim Galakan Pendidikan dan bantuan perubatan di bawah Skim Klinik Bergerak;
- c. Manakala di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) pula, menyediakan kemudahan dan bantuan kewangan bagi melaksanakan aktiviti pembangunan dan perkhidmatan sosial kepada penduduk luar bandar di bawah Projek Mobilisasi dan Perkhidmatan Sosial. Selain itu, bantuan atas peningkatan pendapatan untuk pertanian, ternakan dan perniagaan di bawah Projek Pembangunan Semula Kawasan.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pula, KKLW memberikan bantuan dengan tumpuan terhadap 4 bidang infrastruktur luar bandar, iaitu;

- i. menghubungkan masyarakat di luar bandar kepada pusat-pusat sosial dan ekonomi melalui pembinaan/naik taraf Jalan Luar Bandar (JALB);
- ii. menyalurkan air bersih atau yang dirawat di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB);

- iii. membekalkan tenaga elektrik di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB); dan
- iv. membina/membaik pulih rumah bagi golongan miskin dan miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR)

**Tuan Yang di Pertua,**

Di samping bantuan dengan melaksanakan program/projek seperti di atas, KKLW juga bekerjasama

dengan dua buah bank iaitu Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) bagi melaksanakan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) di bawah Program Ekonomi Desa. Melalui program ini, pembiayaan dalam bentuk pinjaman disediakan oleh kedua-dua buah bank berkenaan bagi membantu usahawan luar bandar meningkatkan pendapatan mereka. BPIMB menyediakan dana pembiayaan kepada usahawan dalam industri pembuatan perkhidmatan dan pelancongan desa manakala Bank Rakyat pula menyediakan pembiayaan bagi industri pembuatan, perkhidmatan, pertanian dan pelancongan desa.

SOALAN NO. ( 414 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN                            BERTULIS

DARI PADA                            Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
    [SIBUTI ]

SOALAN

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah alternatif Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan memadam kebakaran di kawasan luar bandar seperti di kawasan Niah / Suai dalam Parlimen Sibuti yang tiada kemudahan balai bomba dan buat masa ini Kerajaan juga tiada memberi lampu hijau untuk membina balai bomba walaupun tapak sudah diluluskan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kawasan Sibuti mendapat perlindungan perkhidmatan kebombaan daripada Balai Bomba dan Penyelamat

Miri (Jarak perjalanan 82km) dan Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu, Sarawak (Jarak perjalanan 150km). Bagi membolehkan pembinaan sesebuah Balai Bomba baru di sesuatu kawasan, ia adalah tertakluk kepada beberapa kriteria, iaitu tahap risiko kebakaran, perkembangan pembangunan industri, kepadatan penduduk, keluasan kawasan jagaan, faktor geografi, keperluan strategik negara dan jarak dari balai terdekat. Disebabkan peruntukan yang terhad, keutamaan untuk membina sesebuah balai baru adalah berdasarkan kawasan yang mempunyai risiko kebakaran yang tertinggi.

Namun bagi membolehkan tindakan serta-merta sekiranya insiden kebakaran berlaku di kawasan-kawasan seperti Niah/Suai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedia memberi kerjasama, latihan dan nasihat berhubung dengan penubuhan Pasukan Bomba Sukarela kepada komuniti penduduk di kawasan ini.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

RT  
441  
No.  
415

#### JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[ SIBUTI ]

#### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

## PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah tiada pertambahan sekolah berasrama penuh (SBP) ditambah bagi negeri Sarawak. Dan mengapakah pihak Kementerian terburu-buru mengeluarkan surat arahan mengosongkan Sekolah Sains Miri atas arahan YAB Timbalan Perdana Menteri dan kemudian menarik balik keputusan tersebut.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menambah bilangan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Sarawak, iaitu Sekolah Menengah Sains Kuching Utara sedang dalam pembinaan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) dan tarikh jangka siap pada Jun 2011 dengan jumlah SBP di Sarawak adalah sebanyak 3 buah.

Mengenai isu kerosakan Sekolah Menengah Sains (SMS) Miri, hasil lawatan dan laporan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Miri telah memaklumkan bahawa keadaan fizikal bangunan-bangunan di SMS Miri adalah tidak selamat. Oleh itu, KPM telah bersetuju untuk memindahkan murid-murid dan guru-guru ke mana-mana sekolah baru yang berdekatan. Langkah awal tersebut diambil atas dasar prihatin kepada faktor keselamatan untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku ke atas murid dan guru.



Walau bagaimanapun, setelah pihak pengurusan mengadakan dialog dengan para ibu bapa, didapati sebahagian besar daripada ibu bapa tidak bersedia untuk membenarkan anak mereka berpindah. Oleh yang demikian, KPM telah memutuskan untuk merujuk isu kerosakan sekolah ini kepada Bahagian Forensik, Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi menjalankan kajain dan pemeriksaan terperinci di semua bangunan-bangunan sekolah di SMS Miri. Hasil lawatan pemeriksaan Bahagian Forensik JKR, Ibu Pejabat JKR Malaysia melaporkan bahawa hanya 3 blok bangunan sahaja yang sah tidak selamat diduduki. Bahagian Forensik JKR Malaysia turut melaporkan bahawa kesemua bangunan lain masih boleh digunakan dan sebagai langkah keselamatan, semua bangunan yang mengalami masalah *concrete spalling* perlu dilindungi jejaring keselamatan untuk mengelakkan serpihan konkrit yang berbahaya kepada murid dan guru. Memandangkan masih terdapat beberapa blok bangunan SMS Miri masih boleh digunakan, KPM telah memutuskan untuk membatalkan perpindahan murid-murid dan guru-guru tertakluk kepada pelaksanaan segera ujian-ujian bangunan dan kerja-kerja pembaikan seperti mana disyorkan oleh Bahagian Forensik JKR Malaysia. KPM menyediakan peruntukan sebanyak RM2,000,000 bagi kerja-kerja merangkumi ujian-ujian bangunan yang berkaitan (*Materail Testing*, Ujian Geoteknikal dan pemeriksaan serangan-anai-anai) serta kerja-kerja pembinaan bangunan kilat/kabin bagi menggantikan blok-blok bangunan yang telah diisyiharkan tidak selamat.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB BUKAN LISAN**

**DARI PADA**

**DATO' ISMAIL BIN KASIM [ ARAU ]**

**SOALAN:**

Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah Kementerian ada strategi untuk menghadkan kemasukan rancangan-rancangan hiburan dari luar negara memandangkan sejak kebelakangan ini rancangan-rancangan dari luar negara semakin popular dan sama ada

**SOALAN NO: 416**

ianya akan menjadi penghalang kepada pembangunan rancangan terbitan tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

RTM sentiasa memberikan keutamaan dalam rancangan-rancangan tempatan malah RTM turut membuat penerbitan dalaman untuk rancangan-rancangan hiburan dalam mengetengahkan artis tempatan dan bakat baharu. Untuk tujuan mendokong industri tempatan, RTM juga mengambil tindakan berikut:

- a) Mengurangkan Rancangan Luar Negara pada tahun 2011 dari 24.4% ke 18.45%. Pengurangan adalah sebanyak 5.95% untuk tahun 2011 berbanding tahun 2010.
- b) Meningkatkan Rancangan Tempatan pada tahun 2011 dari 75.60% ke 81.55%. Peningkatan sebanyak 5.95% untuk tahun 2011 berbanding tahun 2010.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARI PADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM**  
**SOALAN : NO.417**

**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah kriteria yang digunakan Kementerian untuk memastikan ijazah atau kelulusan yang diberikan oleh institusi pendidikan luar negara kepada pelajar Malaysia adalah sah dan diperakui oleh Lembaga Akreditasi Negara bagi mengelak sebarang**

penipuan kepada pelajar dan rakyat Malaysia yang mendambakan pendidikan luar negara yang berkualiti.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency*, MQA) yang dahulunya dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara (LAN) mengeluarkan perakuan akreditasi bagi program pengajian di institusi pengajian tinggi dalam negara yang telah mencapai tahap standard kualiti yang ditetapkan.

Buat masa ini, skop perakuan akreditasi MQA tidak termasuk program pengajian di universiti luar negara. Kebiasaan perakuan akreditasi

bagi program pengajian di universiti luar negara dijalankan oleh badan-badan akreditasi di negara berkenaan.

MQA ada menjalinkan kerjasama dengan beberapa badan jaminan kualiti luar negara dalam aspek pertukaran makumat, perkongsian kepakaran, pembangunan kapasiti kakitangan, kajian untuk kepentingan bersama serta usaha sama di dalam bidang lain yang berkaitan dengan jaminan kualiti yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Pada masa ini, orang ramai boleh membuat semakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pengiktirafan kelayakan/program pengajian dari institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' ISMAIL KASIM [ ARAU ]**

**NO. SOALAN**

**[418] PR-000-T42000**

**SOALAN**

Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah tahap keselamatan rakyat Malaysia di luar negara dapat dijamin pada ketika ini memandangkan terdapat pelbagai pergolakan yang sedang berlaku di seluruh dunia, apakah Kementerian ada mengeluarkan amaran perjalanan kepada mereka yang ingin ke negara-negara terbabit dan bagaimana keselamatan rakyat Malaysia dapat ditentukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan keselamatan rakyat Malaysia di luar negara. Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara bertanggungjawab memantau perkembangan di negara tuan rumah dan memastikan keselamatan rakyat Malaysia sentiasa terjamin.

2. Di antara lain, langkah yang diambil ialah memastikan hubungan yang mesra antara pemimpin dan pegawai-pegawai negara tuan rumah samada di Kementerian Luar ataupun pihak berkuasa tempatan. Ini akan memudahkan sebarang usaha untuk mendapatkan bantuan atau kerjasama pihak-pihak yang berkenaan di negara-negara yang terbabit.
3. Kementerian Luar Negeri mengeluarkan amaran perjalanan sebelum situasi menjadi kritikal di negara-negara yang berlaku krisis bagi mengelakkan rakyat Malaysia menghadapi masalah jika mereka pergi ke negara-negara tersebut. Amaran perjalanan ini disiarkan di media tempatan serta laman web Kementerian Luar Negeri.
4. Dalam usaha memastikan keselamatan rakyat Malaysia di luar negara, dari masa ke semasa Perwakilan-perwakilan Malaysia menghubungi rakyat Malaysia yang berdaftar dengan pejabat Perwakilan. Masalah atau kesukaran yang mereka hadapi akan ditangani secepat mungkin oleh pegawai-pegawai di Perwakilan.



Oleh kerana tidak semua rakyat Malaysia berdaftar, Perwakilan-perwakilan Malaysia diarahkan untuk menggalakkan rakyat Malaysia mendaftarkan diri mereka agar mereka boleh dihubungi untuk dibantu semasa krisis berlaku. Kemudahan mendaftarkan diri secara atas talian melalui sistem 'e-Konsular' juga disediakan bagi memudahkan rakyat Malaysia di luar negara mendaftarkan diri mereka. Adalah juga dipohon agar rakyat kita di Malaysia memperingatkan ahli keluarga mereka yang berada di luar negara supaya mendaftarkan diri di Perwakilan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN                            BUKAN LISAN  
DARI PADA :                         DATO' ISMAIL BIN KASIM  
    [ARAU]  
SOALAN

Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapakah jumlah pakar bedah yang ada di negara ini buat masa kini mengikut negeri dan apakah strategi Kementerian untuk menambahkan bilangan pakar bedah di negeri-negeri yang kekurangan. Apakah Kementerian juga ada hasrat untuk menambah bilangan pakar bedah di hospital-hospital daerah bagi mengurangkan pergantungan kepada hospital-hospital besar.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM prihatin akan kekurangan Pakar pelbagai bidang yang dihadapi oleh negara termasuklah Pakar Bedah. Antara usaha utama yang telah dan sedang dilaksanakan ialah meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan untuk mengikuti

latihan kepakaran daripada 450 orang kepada 600 orang setahun. KKM juga melantik Pegawai Perubatan Pakar Kontrak dikalangan Pegawai Perubatan 419 Pakar yang telah bersara dan juga dikalangan bukan warganegara. Adalah menjadi hasrat KKM untuk memastikan semua hospital berpakar KKM mempunyai fasiliti yang lengkap dan tenaga manusia yang mencukupi.

Sehingga 1 Mac 2011, jumlah Pegawai Perubatan Pakar (Bedah Umum) yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seramai 219 orang. Jumlah ini termasuk 32 orang Pegawai Perubatan Pakar Lantikan Kontrak yang

terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara. Manakala, kedudukan bilangan Pegawai Perubatan Pakar (Bedah Umum) mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah
1	Perlis	2
2	Kedah	18
3	Pulau Pinang	21
4	Perak	10
5	Selangor	50
6	WP Kuala Lumpur	8
7	Negeri Sembilan	10
8	Melaka	6
9	Johor	19
10	Pahang	7
11	Terengganu	7
12	Kelantan	15
13	Sarawak	12
14	Sabah	6
15	W.P. Labuan	0
16	HKL	28
Jumlah Keseluruhan		219

Pelbagai langkah yang telah dan sedang diambil bagi meningkatkan lagi bilangan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan seperti berikut:

- i. Pengambilan Pegawai Perubatan Pakar warganegara asing secara kontrak.
- ii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan Pakar KKM yang telah bersara secara kontrak.
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara sessional.
- iv. Menggalakkan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.
- v. Penambahan bilangan Pakar yang dihasilkan sejajar dengan peningkatan slot tajaan kerajaan bagi mengikuti program saijana kepakaran dari 450 slot kepada 600 mulai sesi 2008/2009 dan 800 slot mulai sesi 2011/2012. KKM bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan universiti tempatan supaya lebih banyak lagi slot latihan kepakaran bedah am dapat dipertingkatkan di universiti tempatan.

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB

SOALAN:

**Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttaib [ Maran ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran mengikut negeri sepanjang 5 tahun kebelakangan ini dan apakah strategi Kerajaan untuk mengurangkan jumlah pengangguran tersebut.

PR-000-T42016

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kadar peratus pengangguran mengikut negeri sepanjang 5 tahun kebelakangan ini adalah seperti rajah 1 :

**Rajah 1: Kadar Peratus Pengangguran Mengikut Negeri - negeri di Malaysia dari tahun 2006 hingga suku tahun keempat 2010.**

Negeri	2006	2007	2008	2009	Q4 2010
Perlis	3.2	3.0	2.9	3.3	3.8
Kedah	3.8	3.3	3.8	4.2	3.8
Pulau Pinang	1.7	2.1	2.0	2.5	2.1
Perak	3.5	2.9	3.8	3.5	2.8
Kelantan	2.4	2.7	2.9	2.4	3.1
Terengganu	3.6	2.6	3.4	3.8	3.7
Pahang	2.4	3.2	2.6	3.0	2.6
Selangor <sup>1</sup>	3.2	3.0	3.1	3.6	2.7
N. Sembilan	4.0	3.6	3.1	3.9	3.4
Melaka	1.3	2.1	1.1	2.4	1.0
Johor	2.1	2.0	2.2	3.2	2.4
Sarawak	4.1	4.3	5.3	4.6	4.0
Sabah <sup>2</sup>	5.7	5.5	4.9	5.5	5.2
W.P Kuala Lumpur	2.8	2.9	2.7	2.9	2.4
W.P Labuan	9.4	4.5	5.6	5.6	-
W.P Putrajaya	-	-	-	-	-
<b>Jumlah (%)</b>	<b>3.3</b>	<b>3.2</b>	<b>3.3</b>	<b>3.7</b>	<b>3.2</b>

*Sumber: Laporan Penyisatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia*



2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dan membantu pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan. KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bertanggungjawab untuk membantu rakyat Malaysia mendapatkan pekerjaan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

**a. Mewujudkan portal *JobsMalaysia***

Melalui portal *JobsMalaysia* pencari kerja boleh mendaftar dan membuat carian pekerjaan secara atas talian. Bagi majikan pula mereka boleh mendaftarkan kekosongan jawatan. Sistem ini berupaya membuat padanan antara kelayakan yang dimiliki pencari kerja dan keperluan majikan. Secara ringkasnya sistem ini membolehkan pencari kerja dan majikan berkomunikasi secara maya. Bagi tahun 2010, sebanyak 282,158 pencari kerja telah mendaftar dalam *JobsMalaysia* dan majikan pula telah mendaftarkan kekosongan sebanyak 184,134. Sebanyak 110,239 pekerja dapat ditempatkan;

**b. *JobsMalaysia Centre (JMC) & JobsMalaysia Point (JMP)***

Sebanyak 12 JMC dan 99 JMP telah diwujudkan bagi membantu pencari kerja mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan dan membolehkan majikan mendapatkan calon-calon pekerja melaluinya. Terdapat 12 JMC yang terletak di Cyberjaya, Pelabuhan Klang, Kelana Jaya, Kota Bharu, Ipoh, Georgetown, Sg. Petani, Kuala Terengganu, Kuching, Kota Kinabalu, Segamat dan Johor Bahru. Manakala 99 JMP pula terletak di semua Pejabat JTK dan Institut Latihan di bawah KSM. Sejak ditubuhkan pada 2010 JMC dan JMP telah memberi bantuan kepada seramai 28,894 pencari kerja;

**c. *Program Penempatan Pekerjaan (3P)***

Program Penempatan Pekerjaan diadakan di sekitar kawasan perindustrian, dan kawasan penempatan di mana terdapat bakal-bakal pekerja dan majikan semasa program tersebut diadakan. Pada tahun 2010 sebanyak 178 program telah diadakan dan telah berjaya menempatkan 39681 orang pencari kerja;

**d. *Program mengesan bakal pekerja***

Program mengesan bakal pekerja dari kalangan *homeless* dan rakyat miskin diadakan di mana mereka akan didaftarkan dalam *JobsMalaysia* bagi membantu

golongan ini mendapatkan pekerjaan. Seramai 3945 orang *homeless* dan rakyat miskin telah ditemui dan 528 telah dibuat penempatan.

e. ***Latent Workforce***

Ini adalah usaha terkini Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang digiatkan untuk menarik rakyat tempatan dari kalangan *latent workforce* seperti suri rumah, pesara, belia dan pelajar untuk memasuki pasaran tenaga kerja secara separuh masa. Untuk ini Kerajaan telah mengwujudkan Peraturan-Peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010.

f. **Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing / Pendatang Tanpa Izin (JKKPA/PATI) dan Task Force on Foreign Workers (PEMUDAH TF)**

Menerusi mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing / Pendatang Tanpa Izin (JKKPA/PATI) dan *Task Force on Foreign Workers* (PEMUDAH TF), Kerajaan berhasrat untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dari kalangan rakyat Malaysia. Kerajaan sentiasa mengutamakan kepentingan pekerjaan untuk pekerja tempatan dan telah mengambil langkah tertentu mengurangkan kebergantungan pekerja asing ; dan

g. **Makmal Pengurusan Warga Asing**

KSM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menubuhkan **Makmal Pengurusan Warga Asing** bagi menentukan sektor, negara sumber dan bilangan sebenar pekerja asing yang diperlukan. Langkah ini bagi memastikan majikan mengutamakan pekerja tempatan dan juga bertujuan bagi membendung kesan sosial dan ekonomi akibat kemasukan pekerja asing.

h. **Latihan kepada siswazah menganggur**

Program latihan kepada siswazah menganggur yang dikendalikan oleh agensi kerajaan adalah seperti berikut:

- i. pelaksanaan *Graduate Training Program* dan *Specilised Training and Advanced Recruitment Programme (STAR)* anjuran Pembangunan Sumber Manusia Berhad;
- ii. *Graduate Employabiliti Management Scheme (GEMS)* oleh Khazanah Nasional

- iii. *Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP)* oleh Mdec
- iv. Program Perantisan Tunas Mekar di mana siswazah ditempatkan di Perindustrian Kecil dan Sederhana yang terpilih selama setahun disamping kursus keusahawanan selama 3 hari oleh UiTM, dan
- v. Program Siswazah industri Pembinaan oleh CIDB di mana graduan dalam bidang yang berkaitan yang belum bekerja di beri latihan.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            BERTULIS**

**DARI PADA :            YB. DATO<sup>7</sup> IBRAHIM BIN ALI**

**KAWASAN :            PASIR MAS**

### **SOALAN:**

**YB. DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah projek-projek jalan JKR yang akan dilaksanakan di dalam kawasan Parlimen Pasir Mas bagi tahun 2011 dan 2012 dan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 serta jumlah anggaran peruntukannya.

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 2 projek di bawah butiran Kementerian Kerja Raya yang telah diiluluskan dalam

Tempoh Separuh Pertama RMKe-10 (2011 - 2012) di kawasan

Pasir Mas, Kelantan, iaitu seperti berikut:

(1) Projek Membina Jalan  
Pintas Pasir Mas (*Pasir Mas By-*

*Pass*), Kelantan (Fasa 1). Anggaran kos projek ini ialah sebanyak RM60 juta. Sehingga 31 Mac 2011, kemajuan di tapak adalah 39% berbanding 44% mengikut jadual. Projek ini dijangka siap pada 20 Februari 2012; dan

(2) Projek Membina Jalan  
Pintas Pasir Mas (*Pasir Mas By-*

*Pass*), Kelantan (Fasa 2). Peruntukan yang diuluskan dalam Tempoh Separuh Pertama RMKe-10 ialah sebanyak RM10 juta sahaja, iaitu bagi tujuan pengambilan balik tanah dan melaksanakan kerja-kerja awalan. Pembinaan fizikal dijangka akan dimulakan pada bulan Mac 2013.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana turut terlibat dalam melaksanakan projek-projek Agensi Pelanggan seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan di kawasan Pasir Mas, Kelantan. Sehingga kini terdapat 112 bilangan projek Agensi Pelanggan di Pasir Mas, Kelantan yang telah didaftarkan di bawah JKR dalam RMKe~10, melibatkan pelbagai peringkat

pelaksanaan projek.

Sekian. Terima kasih.

**SJ.B/( TULIS )/21**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                    DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]**

**PERTANYAAN :            BERTULIS**

**TARIKH                    07.03.2011 - 07.04.2011**

Dato' Ibrahim Bin Ali [ Pasir Mas ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menjelaskan kenapa selepas 22 hari Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK) hanya terdapat 18 permohonan Bumiputera yang hanya bernilai 7.89 juta manakala SJMK bukan Bumiputera mencapai angka 312 dengan nilai 175 juta. Apakah usaha pihak Kementerian untuk menentukan supaya wujudnya imbalan sama rata antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sedia maklum mengenai kurangnya permohonan Bumiputera terhadap SJMK dan antaranya disebabkan kurangnya kesedaran di kalangan Usahawan Bumiputera. Oleh itu, beberapa usaha telah dilaksanakan bagi

meningkatkan kesedaran dan membantu usahawan Bumiputera dalam skim ini antaranya promosi melalui media cetak dan media elektronik. Selain itu, promosi secara ‘turun padang’ juga dilaksanakan oleh kakitangan Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad dengan menganjurkan siri taklimat dan penerangan kepada usahawan-usahawan Bumiputera sama ada melalui Dewan Perniagaan Melayu atau Persatuan-Persatuan Bumiputera yang lain seperti Persatuan Kontraktor Bumiputera.

2. Bagi memastikan wujudnyaimbangan sama rata antara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera, Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 telah menambah peruntukan bagi SJMK sebanyak RM3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.5 bilion atau separuh daripadanya diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2011 DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :                    BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    :                    DATO' IBRAHIM BIN ALI  
(PASIR MAS)**

**TARIKH :**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan** memberi penjelasan bilakah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang dirancang untuk diwujudkan di Pasir Mas, yang mana tapak sudah diperolehi dan dikenalpasti. Apakah mungkin ianya dilaksanakan pada tahun 2011 ataupun 2012.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat berterima kasih dan menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat Pasir Mas terhadap pendidikan pelajar-pelajar di Parlimen Pasir Mas dengan mengajukan soalan ini beberapa kali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pasir Mas yang dicadang untuk dilaksanakan di dalam RMKe-9 telah dibatalkan pelaksanaannya. Sebagai gantinya, MARA telah bercadang untuk membina Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) di kawasan tersebut.

Ini berikutan keperluan yang lebih mendesak untuk menyediakan kampus KPTM cawangan di negeri Kelantan. Pada masa ini terdapat 3 kampus sementara yang disewa iaitu di Pengkalan Chepa, Kemumin dan Kota Bharu. Langkah untuk membina sebuah KPTM di Pasir Mas diambil bagi membolehkan pentadbiran KPTM cawangan

Kelantan beroperasi di bawah satu pengurusan di samping menyediakan infrastruktur yang lebih baik kepada para pelajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI

[ PASIR MAS ]

SOALAN

Dato<sup>1</sup> Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah beliau meneliti sendiri secara terperinci mereka yang dilantik menganggotai Majlis Penasihat Ekonomi Negara ataupun ianya cadangan daripada Tan Sri Amirsham, Pengurus Majlis Penasihat Ekonomi Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

MPEN adalah merupakan satu badan penasihat kapada YAB Perdana Menteri. Ahli-ahli dari dalam dan luar negara dipilih dan dilantik oleh YAB Perdana Menteri daripada pelbagai latar belakang berdasarkan kepakaran,

pengalaman dan kedudukan didalam bidang profesi masing-masing. Ini termasuklah pakar ekonomi dari institusi terkemuka dalam Negara dan luar Negara, ahli korporat dan ahli akademik dari pelbagai institusi yang mempunyai pengetahuan mendalam mengenai Malaysia dan negara-negara lain yang mempunyai pengalaman yang sama dengan Malaysia dalam usaha pembangunan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.425

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN      BUKAN

JAWAB LISAN

DARIPADA :            YB DATO' IBRAHIM BIN ALI ( PASIR MAS )

TARIKH                :        8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Ibrahim bin Ali (Pasir Mas) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah beliau sedar sering berlaku di awal setiap tahun penerima-penerima bantuan golongan OKU menerima elaun bulanan ke hujung bulanan. Kenapakah perkara ini berlaku. Ini mengakibatkan golongan OKU menghadapi masalah dan tekanan kehidupan.

JAWAPAN

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berusaha untuk menambahbaik sistem

penyampaian bantuan kewangan kepada penerima-penerima bantuan JKM termasuk golongan OKU bagi memastikan masalah kelewatan bayaran bantuan pada awal tahun dapat diatasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembayaran wang bantuan kebajikan telah ditetapkan pada 1 hari bulan setiap bulan melalui Surat Arahan Ketua Setiausaha KPWKM berkuat kuasa 31 Julai 2009. Bagi pembayaran melalui bank, tarikh pembayaran adalah mematuhi ketetapan berkenaan. Bagi pembayaran tunai sama ada di pejabat, di rumah atau di pusat bayaran setempat ia dilaksanakan mulai 15 hari bulan sehingga 1 hari bulan berikutnya bergantung kepada jadual yang telah ditetapkan.

Berhubung kelewatan bayaran bantuan, lazimnya situasi ini berlaku di hujung dan awal tahun berikutan terdapatnya masalah dalam penurunan waran peruntukan tambahan. Walau bagaimanapun, masalah ini telah dapat diatasi dengan pewujudan Tabung Bantuan Segera yang berkuat kuasa pada 24 April 2008 dan penggunaan Wang Amanah di bawah Jabatan Akaun Negara bagi mengelakkan kelewatan bayaran pada awal tahun.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

### **RAKYAT PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HJ. MAHFUZ BIN OMAR**

**KAWASAN : POKOK SENA**

SOALAN NO.: ^2^

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' H). MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)**  
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah bilangan projek serta kos setiap satu projek yang dilaksanakan oleh JKR secara rundingan terus dalam RMKe-9.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 297 projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya telah diberikan kelulusan secara rundingan terus (reka dan bina, atau konvensional) dalam RMKe-9. Jumlah tersebut secara relatif perbandingannya masih lagi kecil, iaitu 4.8% atau RM22 bilion

berbanding keseluruhan projek Kerajaan yang dilaksanakan JKR, iaitu sebanyak 6,7124 bilangan projek dengan nilai keseluruhan projek sebanyak RM119 bilion. Antara projek-projek berskala besar melebihi RM200 juta yang telah ditawarkan secara rundingan terus dalam RMKe-9 ialah seperti berikut:

1. *Integrated Customs, Immigration and Quarantine Complex* Johor Bahru (RM1.266 bilion);
2. Projek Membina Istana Negara Baru, Jalan Duta, Kuala Lumpur (RM 797 juta);
3. Projek Membina Hospital Serdang (RM771.9 juta);
4. Projek Membina Institut Kanser Negara (RM 699.3 juta);
5. Hospital Shah Alam, Selangor (RM482.6 juta);
6. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak (Fasa 1A) - Pakej 2: Kerja Bangunan (RM419.25 juta);
7. Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, Ulu Kinta, Perak (RM366.6 juta)
8. Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur (166 Katil) - Pakej 2: Cadangan Bangunan Utama Hospital, Rumah Kediaman dan lain-lain Bangunan Sokongan (RM341.9 juta);
9. Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu: Pakej 4(B): Penambakan Laut dan Kawalan Hakisan Pantai (RM330 juta);
10. Bangunan Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) di Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan (RM310.8 juta)
11. Penjara Baru Sungai Udang, Melaka (RM305 juta);
12. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia - Perpustakaan, Dewan Kuliah Dan Infrastruktur, Fasa 1 (RM284.5 juta);
13. Membaikpulih Dan Menaiktaraf Jalan Alor Star - Kuala Nerang - Durian Burung, Kedah (RM280 juta);

14. Kerja-Kerja Infrastruktur Dan Bangunan Bagi Kolej Matrikulasi Selangor (RM271.6 juta);
15. Universiti Malaysia Sabah - Sekolah Perubatan (RM259 juta)
16. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia - Fakulti Kejuruteraan Awam Dan Alam Sekitar, Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Fakulti Teknologi Makiumat Dan Multimedia (RM258.6 juta)
17. Laluan Medium Term Link Dari Tambak Johor ke Kompleks CIQ baru di Bukit Cagar, Johor Bharu (RM253.7 juta);
18. Pembinaan Kompleks Penjara Baru Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (RM251.4 juta);
19. Merekabentuk, Membina Dan Menaik Taraf Blok Baru 8 Tingkat Di Hospital Kuala Lumpur: Ambulatory Care Centre (ACC) (RM245 juta);
20. Penjara Baru Bentong, Pahang (RM238 juta)
21. Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Johor Bahru (RM232 juta);
22. Universiti Malaysia Sabah - Sekolah Pertanian Lestari (RM230 juta);
23. Pusat Perubatan Nukleus, Hospital Pakar Likas Kota Kinabalu (SMC), Sabah (RM223.8 juta);
24. Bangunan Gunasama Persekutuan Melaka Tengah, Ayer Keroh, Melaka (RM212.2 juta);
25. Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu: Pakej 4(A): Pemanjangan Landasan ke Arah Laut dan Pembinaan Infrastruktur (RM202 juta);
26. Projek Jalan Raya Simpang Pulai - Lojing - Gua Musang - Kuala Berang, Pakej 6A : Dari Aring ke Sempadan Kelantan/Terengganu - Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai (RM200 juta) dan
27. Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu, Pakej 3 - *Runway Extension* (RM200 juta).

Sekian. Terima kasih.

SJ.B/ (TULIS)/(31)

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENA]

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 -07.04.2011

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah penjimatan subsidi Kerajaan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan bagi subsidi/insentif/bantuan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:

Jenis Pemberian Kerajaan	Perbelanjaan	
	2009	2010
Subsidi	RM11.21 bilion	RM14.22 bilion
Insentif	RM829.90 juta	RM543.60 juta
Bantuan	RM8.30 juta	RM8.36 juta
Jumlah	RM20.34 bilion	RM23.12 bilion

2. Meskipun Kerajaan telah mengambil langkah-langkah merasionalisasikan subsidi dalam tahun 2010, namun perbelanjaan subsidi bagi tahun 2010 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2009. Sebahagian besar daripada peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan pembiayaan sebanyak RM3.4 bilion bagi Subsidi Gas Cecair (LPG), Diesel dan Petrol berikutan daripada peningkatan harga minyak dunia pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.
3. Selain itu, dalam usaha memastikan subsidi dimanfaatkan dan disasarkan dengan lebih tepat kepada pengguna isi rumah, Kerajaan telah menguatkuasakan larangan kepada pengilang gula daripada menjual gula bersubsidi kepada syarikat/industri membuat makanan/minuman bagi tujuan eksport mulai 1 September 2009. Kerajaan juga telah bersetuju supaya 13 syarikat yang dikenal pasti menggunakan gula dalam skala besar dalam pengeluaran produk masing-masing dilarang daripada membeli gula pada harga bersubsidi.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, sungguhpun Kerajaan komited dengan usaha untuk merasionalisasikan subsidi bagi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan, namun kebijakan dan kepentingan rakyat tetap menjadi keutamaan Kerajaan. Oleh yang

demikian, sebarang langkah yang diambil dalam merasionalisasikan subsidi akan diperhalusi dengan teliti bagi mengimbangi kesejahteraan rakyat dengan keperluan menguruskan kedudukan kewangan negara.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

SOALAN NO: 428

PERTANYAAN	Bertulis
DARIPADA	Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]
SOALAN	Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:- jumlah import makanan negara dan nyatakan mengikut jenis, berat timbangan dan nilai dalam Ringgit Malaysia.
JAWAPAN	Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Di Pertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Malaysia telah mengimport sebelas (11) kumpulan komoditi bahan makanan yang terdiri daripada:
  - i. Binatang Hidup;
  - ii. Daging dan Sediaan Daging;
  - iii. Hasil Tenusu dan Telur Burung,
  - iv. Ikan, Krustasia, Moluska dan Sediaan;
  - v. Bijirin dan Sediaan Bijirin;
  - vi. Sayur-Sayuran;
  - vii. Buah-buahan;
  - viii. Gula, Sediaan Gula dan Madu;
  - ix. Kopi, Koko, Teh dan Rempah;
  - x. Bahan Makanan Untuk Haiwan; dan
  - xi. Bahan Makanan Lain.

2. Jumlah nilai import bahan makanan negara telah meningkat sebanyak

13.2% iaitu kepada RM30.19 bilion pada tahun 2010 berbanding RM26.68 bilion pada tahun 2009.

3. Antara lima (5) kumpulan komoditi yang menyumbang kepada peningkatan nilai import bahan makanan negara sepanjang tempoh 2009 hingga 2010 adalah hasil tenusu dan telur burung iaitu 29.5% daripada RM1.56 bilion (224 ribu tan metrik) kepada RM2.03 bilion pada tahun 2010, sayur-sayuran sebanyak 22.6% daripada RM2.27 bilion (1.30 juta tan metrik) kepada RM2.78 bilion pada tahun 2010, binatang hidup sebanyak 20.4% daripada RM197 juta (4.30 juta ekor) kepada RM237 juta, kopi, koko, teh dan rempah sebanyak 20.1% daripada RM4.16 bilion (489 ribu tan metrik) kepada RM5.0 bilion serta gula, sediaan gula dan madu daripada RM2.47 bilion (1.69 juta tan metrik) kepada RM2.95 bilion.

4. Sebahagian besar kadar peningkatan nilai import bahan makanan adalah daripada beberapa jenis komoditi yang tidak dapat dikeluarkan dalam negara disebabkan oleh ketidaksesuaian iklim, kos pengeluaran yang tinggi dan tidak ekonomik. Komoditi-komoditi ini termasuk gula dan sediaan gula (RM2.95 bilion), gandum dan meslin (RM1.05 bilion), bawang dan bawang putih (RM1.03 bilion) serta buah-buahan beriklim *temperate* (RM628 juta) bagi tahun 2010.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. DATO<sup>1</sup> HJ. MAHFUZ BIN OMAR**

**KAWASAN : POKOK SENA**

SOALAN NO.:

**SOALAN:**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> HJ. MAHFUZ BIN OMAR (POKOK SENA)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai kemajuan perlaksanaan projek secara IBS oleh JKR. Berapakah bilangan sistem *provider* yang telah dilantik dan perlaksanaan projek secara IBS terhadap tempoh masa,<sup>7</sup> kos dan kualiti dalam perlaksanaan projek.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Binaan Berindustri atau *Industrial Building System* (IBS) merupakan sistem atau kaedah pembinaan di mana komponen-komponen pembinaan dihasilkan dalam keadaan terkawal, iaitu di kilang atau di tapak bina, diangkut

dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak. Objektif pelaksanaan IBS ini ialah bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk, mempercepatkan tempoh pembinaan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam sektor pembinaan negara.

Dalam tempoh RMKe-9 yang lalu, terdapat sebanyak 124 bilangan projek telah dilaksanakan secara IBS melibatkan nilai kos projek keseluruhan sebanyak RM7.48 bilion. Manakala dalam RMKe-10 ini, iaitu untuk tahun 2010 sahaja, terdapat sebanyak 51 bilangan projek yang telah, sedang dan akan dilaksanakan secara IBS dengan nilai kos projek sebanyak RM1.82 bilion. Di samping itu, menerusi dokumen *blueprint* Roadmap IBS 2011-2015 yang disediakan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), pelbagai program telah dirangka bagi mengembangkan penggunaan IBS di kalangan pemain industri pembinaan. Antaranya ialah menerusi Skim Pembekal Sistem IBS Berdaftar (*Registered IBS System Provider - RISP*).

Menerusi skim ini, semua pembekal IBS perlu melepassi proses tapisan yang ketat sebelum dibenarkan mengambil bahagian sebagai pembekal komponen IBS dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Sehingga 31 Mac 2011 yang lalu, sebanyak 138 pengilang atau pembekal IBS telah didaftarkan dan diiktiraf sebagai Pembekal Sistem IBS Berdaftar di bawah akreditasi CIDB dan JKR. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat pada masa hadapan berikutan terdapat kecenderungan dan minat mendalam

yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat tempatan untuk menjadi Pembekal Sistem IBS Berdaftar. Tambahan pula, Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan bil. 7/2008 telah mewajibkan penggunaan 70% kandungan IBS dalam semua projek Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KE-4, PARLIMEN KE-12

PERTANYAAN                  BUKANJAWAB LISAN (BERTULIS)

SOALAN NO. M/S. 102

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN

menyatakan program-program yang telah dilaksanakan bagi mengatasi masalah penyakit sosial di kalangan remaja dan belia negara serta nyatakan jumlah kos perbelanjaan bagi setiap program.

JAWAPAN

Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan dan menyediakan perbagai program di seluruh negara untuk menggalakkan golongan belia mengamalkan kegiatan yang berfaedah sekali gus dapat mengelak dari terjebak dalam aktiviti tidak sihat. Pada tahun 2010, sebanyak 8,448 program telah dilaksanakan oleh KBS dengan kerjasama persatuan-persatuan belia dan persatuan-persatuan sukan serta NGO dengan jumlah peruntukan sebanyak RM57,798,791.9. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,974 program berkaitan pembangunan belia telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM46,208,791.9. Manaka sebanyak 5,513 program telah dilaksanakan meliputi aktiviti sukan, rekreasi, permotoran dan kecergasan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM11,590,000. Di antara program-program yang dilaksanakan adalah Program Integrasi Nasional 3S (Sabah, Sarawak, Semenanjung), Khemah Kerja Generasi Bebas Jenayah, Seminar Pemantapan Aqidah Generasi Muda, Program Pemimpin Belia Berkaliber, Latihan Skuad Muda Rela dan Aktiviti Crimes Awareness Team, Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional (PJKN) dan Program 3K Belia Bestari (Kepimpinan, Kemahiran, Keusahawanan).

*MD-.qSf*

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B(TULIS)/(32)

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA DATO<sup>5</sup> TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
[ BALING ]

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH 07.03.2011 -07.04.2011

Dato' Taib Azamuddin bin Md Taib [ Baling ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Kerajaan daripada kegiatan perjudian berlesen pada tahun 2006 hingga 2010. Senaraikan syarikat-syarikat yang diberikan lesen perjudian tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Kerajaan daripada operator-operator perjudian yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kutipan
2006	RM2,091,233,297.14
2007	RM2,206,403,247.52

2008	RM2,350,612,109.26
2009	RM2,405,966,942.49
2010	RM2,441,249,276.07

2. Manakala, senarai operator perjudian yang dibenarkan beroperasi adalah seperti berikut:

Bil.	-j -V'' " *v' * . !
1	Genting Malaysia Berhad
2	Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd.
3	Magnum Corporation Sdn. Bhd.
4	Diriwan Corporation Sdn. Bhd.
5	Sandakan Turf Club
6	Sarawak Turf and Equestrian Club
7	Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd.
8	Pan Malaysian Sweeps Sdn. Bhd.

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB

[ BALING ]

#### JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

#### BERTULIS

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [ BALING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan konsep pelajaran percuma yang pernah dimaklumkan sebelum ini tetapi telah menimbulkan kekeliruan terhadap ibu bapa yang masih membayar yuran persekolahan serta nyatakan perbelanjaan untuk memastikan pendidikan percuma yang berjaya dilaksanakan.

#### JAWAPAN

RT 46/  
No. 432

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Malaysia melalui pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan (2008) yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 7 September 2007 telah memansuhkan semua Yuran Khas di semua sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan berkuatkuasa pada 1 Januari 2008. Yuran Khas yang dimaksudkan adalah Yuran Khas yang dibayar oleh setiap ibu bapa sebanyak RM4.50 bagi setiap murid sekolah rendah dan RM9.00 bagi setiap murid sekolah menengah kepada sekolah setiap tahun sebelum ini.

Walau bagaimanapun, sekolah sebagai institusi pendidikan perlu merencana dan melaksanakan beberapa aktiviti penting serta menyediakan beberapa perkhidmatan



dan kemudahan tambahan kepada murid-murid. Pelaksanaan perkhidmatan dan kemudahan tambahan ini memerlukan peruntukan tambahan secara khusus. Sehubungan itu, ibu bapa juga mempunyai peranan untuk turut bersama melaksanakan tanggungjawab membantu sekolah melaksanakan program dan aktiviti tambahan bagi murid-murid dengan membayar bayaran tambahan lain sebagai tanda komitmen terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Behubung perkara ini, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2009 bertarikh 29 Oktober 2009 : BAYARAN-BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 14 Tahun 2010 bertarikh 27 Oktober 2010 : PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING IKHTISAS BAYARAN-BAYARAN TAMBAHAN PERSEKOLAHAN.

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB

[ BALING ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA PERTANYAAN

BERTULIS

Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [ BALING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rasional Kementerian mengurangkan peruntukan Rancangan Makanan Tambahan Sekolah Rendah (RMTS) kepada pelajar miskin. Nyatakan jumlah peruntukan RMTS bagi setiap negeri dan daerah PPD di Kedah.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

RT 46/  
No. 433

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

Kerajaan telah menggunakan data eKasih dalam pemberian RMT mulai tahun 2011 untuk mengelakkan berlakunya ketirisan bantuan dan bagi memastikan bantuan diagihkan kepada murid yang layak sahaja.

Walau bagaimanapun, setelah pemberian bantuan RMT tahun 2011 dilaksanakan, Kerajaan mendapati masih ramai murid miskin yang tidak mendapat bantuan RMT kerana nama mereka tidak tersenarai dalam sistem eKasih. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju supaya murid miskin yang namanya tidak tersenarai dalam sistem eKasih diberikan juga bantuan RMT dengan menggunakan data Sistem Maklumat Murid (SMM).

Berdasarkan data SMM, dianggarkan penerima RMT bagi seluruh negeri Kedah adalah seramai 61,829 murid dengan anggaran peruntukan sebanyak RM21.145 juta. Pecahan peruntukan mengikut Pejabat Pelajaran Daerah adalah seperti berikut:

Bil	Pejabat Pelajaran Daerah	Peruntukan
1	Kota Setar	3,937,446
2	Kuala Muda Yan	4,346,136
3	Baling Sik	4,093,398
4	Kulim Bandar Baharu	2,303,370
5	Pendang	2,184354
6	Kubang Pasu	1,785,582
7	Padang Terap	1,539,000
8	Langkawi	956,232



**INPUT PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

Pertanyaan

Daripada

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib  
[ Baling ]

Soalan

[No^3TT

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [ Baling ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan penetapan kuota bekalan minyak masak untuk penggunaan domestik dan eksport bagi tahun 2010 sehingga kini dan nyatakan syarikat pembekal minyak masak yang terlibat dengan aktiviti eksport minyak masak sepanjang tahun 2010 sehingga kini.

**JAWAPAN**

Kuota bekalan minyak masak bagi pasaran domestik untuk kegunaan isirumah sahaja telah ditetapkan melalui Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*Cooking Oil Subsidy Scheme - COSS*) di mana ia telah dilaksanakan sejak 1 Jun 2007. Buat masa ini, kuota bulanan di bawah COSS adalah sebanyak 70,323 metrik tan dan ianya adalah bagi bungkusan di bawah 5 kilogram. Kuota ini diagihkan kepada 221 buah syarikat pembungkus minyak masak tempatan dan 21 buah syarikat kilang penapis yang membekal minyak masak secara pukal kepada syarikat-syarikat pembungkus dan juga menjual minyak masak jenamanya sendiri dalam bungkusan di bawah 5 kilogram. Minyak masak bersubsidi ini hanyalah untuk kegunaan domestik dan bukan untuk tujuan eksport.

Walau bagaimanapun, penggunaan minyak masak di pasaran domestik untuk perusahaan Industri Kecil dan Sederhana, hotel, industri perkilangan makanan, industri makanan haiwan dan industri bukan makanan tidak layak untuk menggunakan kuota minyak bersubsidi ini. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat pengeluar minyak masak tempatan boleh menjual pada harga pasaran kepada para pengguna ini.

Kementerian tidak mengenakan sebarang kuota untuk tujuan eksport produk-produk sawit yang diproses termasuk minyak masak. Sehingga kini, terdapat sebanyak 196 syarikat yang mengeksport minyak masak berdasarkan sawit ke pasaran dunia.

SOALAN NO: 435

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN  
DARIPADA

BERTULIS

Dato' Taib Azamudden bin Md

SOALAN

Taib [ Baling]

Dato' Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI

menyatakan secara terperinci jenis-jenis subsidi  
kepada semua produk pertanian, insentif jaminan  
harga pertanian, insentif bencana alam serta  
insentif penyelidikan dan pembangunan pertanian  
dari tahun 2008 hingga sekarang.

JAWAPAN

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas telah menyediakan beberapa subsidi  
dan insentif kepada para petani untuk meneruskan kelangsungan aktiviti  
pertanian. Subsidi dan insentif yang diperkenalkan dari tahun 2008 hingga kini  
adalah:

1. Skim Baja Padi Kerajaan  
Persekutuan (SBPKP)

Di bawah skim ini, pesawah diberi baja sebatian pada kadar  
240kg/hektar (12 beg @ 20kg/beg) dan baja urea pada kadar  
80kg/hektar (4 beg @ 20kg/beg).

2.

SOALAN NO: 435  
Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)

Kadar yang diberikan adalah RM248.10 bagi 1 tan metrik berat bersih padi yang dijadual di kilang-kilang yang berdaftar dengan BERNAS.

### Subsidi Harga Beras

a) Semenanjung - Pembayaran sebanyak RM750 per tan metrik kepada pengilang beras yang mengeluarkan beras ST15% bagi memastikan bekalan beras ST15% mencukupi di pasaran.

### b) Sabah dan Sarawak

Harga borong per tan metrik diseragamkan pada RM2,100 bagi beras Super 5% dan RM1.350 bagi beras Super 15%; Pembayaran sebanyak RM600 per tan metrik dibayar kepada BERNAS bagi memastikan bekalan beras putih tempatan Sabah dan Sarawak dapat dijual di pasaran (subsidi ini telah tamat pada 31 September 2009).

### Subsidi Harga untuk Ternakan Lembu

- Penternak diberi potongan harga sebanyak 33.33% berbanding harga semasa lembu tenusu yang dibeli oleh pihak Jabatan. Bilangan lembu yang dijual dengan harga subsidi pada tahun 2009 adalah sebanyak 1,000 ekor lembu dara pada harga RM2.400 seekor manakala pada tahun 2010 pula, sebanyak 200 ekor lembu bunting dijual pada harga RM 5,000 seekor.

### Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan

- Subsidi diesel pada harga RM1.25 seliter kepada nelayan yang menggunakan vesel berjentera dalam dan Subsidi petrol pada harga RM1.25 seliter kepada nelayan yang menggunakan jentera sangkut.

### Insentif Peningkatan Hasil Padi

Bantuan RM650 bagi setiap tan metrik peningkat hasil padi dan bayaran minimum RM200 bagi pesawah yang layak dan mengusahakan sawah kurang 2 hektar. Disalurkan oleh Kerajaan kepada semua pesawah yang berdaftar yang mencapai sekurang-kurangnya 1 peratus peningkatan hasil untuk menggalakkan pesawah agar berusaha lebih bagi meningkatkan hasil dan pendapatan bagi setiap hektar dan sekali gus dapat meningkatkan pengeluaran beras negara.

### **Insentif Pengeluaran Padi**

#### **a) Bantuan Upah Bajak**

Bantuan RM100/hektar/musim diberikan kepada semua pemilik jentera yang berdaftar dengan Pertubuhan Peladang Kawasan atau petani yang mendapat khidmat pembajakan daripada pemilik jentera yang berdaftar dengan LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak.

#### **b) Baja Tambahan**

Bantuan RM140/hektar/musim bagi menggalakkan penggunaan baja organik dalam tanaman padi selain daripada baja kimia.

### **Insentif Benih Padi Sah**

Bantuan kewangan RM1.03/kg kepada pengeluar benih padi sah bagi menggalakkan penggunaan benih padi yang berkualiti dan tahan lasak.

### **Skim mekanisasi dan automasi ladang (di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan)**

Pembekalan jentera dan geran pemadanan untuk pemilikan jentera; Geran pemadanan diberikan kepada usahawan industri asas tani yang berada di Tahap 4 yang memperolehi jualan tahunan melebihi RM250.000 hingga RM1,000,000 dan usahawan yang berada di Tahap 5 yang memperolehi jualan tahunan melebihi RM1,000,000 hingga RM10,000,000; dan

Bantuan dalam bentuk geran pemadanan adalah seperti berikut:

Tahap	Bantuan Peralatan	Bantuan Naik Taraf Premis
4	Geran pemadanan maksima RM100,000.00 (70%:30%)	
5	Geran pemadanan maksima RM200,000.00 (50%:50%)	

**10. Program Insentif Pengeluaran**

Insentif pengeluaran disediakan kepada pengusaha tanaman, ternakan dan pengusaha akuakultur mengikut kadar yang ditetapkan mulai tahun 2008 hingga tahun 2010.

**H.Elaun Sara Hidup Nelayan**

Kadar pembayaran RM200 sebulan kepada pemegang lesen dan pekerja vesel warganegara Malaysia.

**12. Insentif Hasil Tangkapan**

Insentif Hasil Tangkapan diberi pada kadar RM0.10 bagi setiap kilogram ikan yang ditangkap dan diisyiharkan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

**13. Insentif Teknologi Amalan Pertanian Baik**

Bantuan diberi untuk pembangunan industri buah - buahan; sayuran dan tanaman; komoditi berpotensi; bunga - bungaan dan industri kopi.

**14. Program Bumi Hijau (bermula tahun 2008 hingga 2010)**

Bantuan diberi untuk melaksanakan projek tanaman, ternakan ayam/itik dan ternakan ikan dalam kanvas/sangkar.

**15. SKIM TRUST**

Skim TRUST (Skim Transformasi Usahawan Ternak) adalah skim bantuan ternakan yang diberikan kepada para penternak berupa induk lembu dan kambing bertujuan untuk meningkatkan jumlah ternakan. Bantuan maksimum bagi penternakan lembu adalah 100 ekor dan bagi penternakan kambing adalah 300 ekor.

**16. ScienceFund dan TechnoFund**

Dana ini bertujuan menjadikan penyelidikan dalam bidang pertanian dilaksanakan secara holistik dan sepanjang rantai nilai bagi mencapai matlamat pertanian negara;  
SciencFund adalah geran bagi melaksanakan penyelidikan dalam

bentuk *Applied Research* atau *Strategic Basic Research*; manakala TechnoFund adalah geran bagi perlaksanaan penyelidikan di peringkat pra-pengkomersialan, peningkatan skala dan perolehan IP yang memerlukan penglibatan pihak swasta secara aktif melalui sumbangan kewangan atau bukan kewangan pada tahap yang ditentukan.

Insentif bencana alam tidak diperuntukkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi bantuan wang ehsan disalurkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [  
BACHOK]

NO. SOALAN

[436] PR-000-T42982

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ]  
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan  
kos perpindahan pelajar dari Mesir ke  
Malaysia yang dianggarkan mencecah RM 50  
juta.



JAWAPAN:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas soalan yang dikemukakan.

2. Kos keseluruhan bagi operasi pemindahan rakyat Malaysia dari Mesir dijangka menjangkau RM50 juta. Ia, antara lain, merangkumi kos operasi tiga pesawat C-130 TUDM serta kos penyewaan pesawat khas Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia, tambang untuk pelajar Malaysia dari Jeddah dan tempat-tempat lain dengan menggunakan kapal terbang komersial dan juga pembiayaan makan minum dan tempat tinggal rakyat Malaysia di Jeddah dengan kerjasama pihak Tabung Haji.

Sekian, terima kasih.



NO. SOALAN: 437

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN

**DARIPADA** Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
[BACHOK]

**SOALAN :**

**TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian dan usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM dalam memantap, menyelaras dan menyeragam perundangan Islam antara negeri-negeri di Malaysia sepetimana yang termaktub dalam Pelan Strategik Ketiga JAKIM.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHRAM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah penyeragaman, penyelarasan dan pemantapan undang-undang Islam antara negeri-negeri di Malaysia sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Dalam melaksanakan usaha tersebut, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil pada tahun 1988 yang diurus setiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam

Malaysia (JAKIM) yang berfungsi, antara lain, untuk mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian seluruh negara.

Hasil daripada usaha Kerajaan Pusat untuk menyelaras dan menyeragamkan undang-undang Syariah di seluruh Malaysia, Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-176 pada 1 Ogos 1997 telah bersetuju untuk menerima pakai undang-undang model yang seragam untuk dikuatkuasakan di seluruh negara.

Berikutan daripada persetujuan itu, Jabatan Peguam Negara (JPN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membuat kajian mengenai ketidakselarasan dan ketidakseragaman undang-undang Syariah antara negeri dengan memberi tumpuan kepada enam undang-undang utama yang berkuatkuasa di negeri-negeri iaitu :

- (i) Undang-  
Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Undang-  
Undang Keluarga Islam;
- (iii) Undang-  
Undang Tatacara Mai Mahkamah Syariah;
- (iv) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (v) Undang-  
Undang Tatacara Jenayah Syariah; dan
- (vi) Undang-

Undang Kesalahan Jenayah Syariah.

Seterusnya, Majlis Raja-Raja dalam mesyuarat kali ke-188 pada 22 Mac 2001 telah memperkenankan lima model rang undang-undang seragam untuk digunakan di Negeri-Negeri. Undang-undang tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (b) Undang-Undang Keluarga Islam;
- (c) Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah;
- (d) Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah; dan

- (e) Undang-Undang Tatacara Mai Mahkamah Syariah.

Pada masa sekarang, sembilan (9) buah Negeri telah menerima undang-undang seragam sepenuhnya kelima-lima undang-undang seragam yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja, manakala lima (5) buah Negeri hanya menerima beberapa undang-undang seragam tertentu. Negeri-Negeri tersebut adalah seperti yang berikut:

- (i) Negeri Kelantan menerima undang-undang seragam kecuali Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (ii) Negeri Terengganu menerima undang-undang seragam kecuali Undang-Undang Keluarga Islam;

- (iii) Negeri Pahang menerima pakai empat (4) undang-undang seragam kecuali Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (iv) Wilayah Persekutuan menerima pakai empat (4) undang-undang seragam kecuali Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam;
- (v) Negeri Kedah menerima pakai dua (2) undang-undang seragam kecuali Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah, Undang- Undang Tatacara Mai Mahkamah Syariah dan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah; dan

Seterusnya, Kerajaan Pusat melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah mengadakan perbincangan dengan Negeri-Negeri bagi tujuan menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam antara Negeri-Negeri. Perbincangan tersebut dibuat menerusi Majlis Dialog Undang-Undang dan Persidangan Penyelarasaran Undang-Undang Syarak dan Sivil yang keahliannya terdiri daripada Mufti-Mufti, Ketua-Ketua Hakim Syarie, Penasihat Undang- undang Negeri-Negeri, Pengarah Jabatan Agama Negeri-Negeri dan Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri-Negeri seluruh Malaysia.

Walaupun Kerajaan Pusat berusaha untuk menyeragamkan undang-undang Syariah antara Negeri-Negeri, ia masih tertakluk kepada bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Butiran I, Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, hal-ehwal

berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah kuasa prerogatif DYMM Sultan/Raja-Raja Melayu yang diperuntukkan di bawah Perkara 3(2) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, DYMM Sultan/Raja-Raja Melayu dinasihati oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) sendiri. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan Negeri menerima undang-undang seragam tersebut. Perkara ini jelas diperuntukkan dalam Perkara 76(3) Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang berikut:

*“Tertakluk kepada Fasal (4), sesuatu undang-undang yang dibuat menurut perenggan (b) atau perenggan (c) Fasal (1) tidak boleh berkuatkuasa di mana-mana Negeri sehingga undang-undang itu telah diterimapakai melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu, dan selepas itu hendaklah disifatkan sebagai suatu undang-undang Negeri dan bukan suatu undang-undang Persekutuan, dan boleh dipinda atau dimansuhkan sewajarnya melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan itu.”*

Sekian, terima kasih.

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
[BACHOK]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA

#### PERTANYAAN BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [ BACHOK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan keputusan pihak Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di kawasan-kawasan tanah FELDA.

RT 47/  
No. 438

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada perancangan untuk menubuhkan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) khas untuk anak-anak FELDA. Murid-murid FELDA yang cemerlang dan memenuhi syarat dan kriteria kemasukan di Sekolah Berasrama Penuh akan diberi peluang untuk ditempatkan di SBP seluruh negara. Walau bagaimanapun, KPM telah membina sebuah SBP di kawasan FELDA, iaitu Sekolah Menengah Sains Bentong di FELDA Mempaga yang dijangka siap pada Jun 2011.

NO. SOALAN: 437

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN [BACHOK]

SOALAN :

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada bidang tugas pensijilan halal di Malaysia bertindih antara pihak JAKIM dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B) , MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah sebagai sebuah badan persijilan yang mengeluarkan sijil dan logo halal kepada pemegang Sijil Halal Malaysia. JAKIM bertanggungjawab untuk membuat pemantauan samada secara berkala atau aduan ke atas syarikat yang mendapat sijil halal JAKIM sahaja. Ketika

**NO. AUM : 440**

pemantauan dilakukan, dan didapati bahawa syarikat melanggar piawaian halal yang telah ditetapkan, maka JAKIM berhak untuk menggantung atau menarik balik sijil halal tersebut dan tidak boleh menggunakan logo.

Manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) pula adalah sebagai sebuah agensi penguatkuasaan. Oleh itu, penguatkuasaan sijil dan logo halal dilakukan oleh KPDKKK mengikut Akta Perihal Dagangan 1972. Walaubagaimanapun, untuk menyelaraskan tanggungjawab tersebut, maka JAKIM dengan kerjasama daripada KPDKKK melakukan pemantauan dan penguatkuasaan bersama untuk menangani penyalahgunaan sijil dan logo halal. Oleh yang demikian, tidak timbul isu pertindihan bidang tugas antara JAKIM dengan KPDKKK berkaitan pensijilan halal.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :            BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA**

[BACHOK]

TARIKH

RUJUKAN                  3527

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah suspek yang telah ditahan dan dikenakan hukuman atas kesalahan membuang bayi sejak tahun 2005.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bachok yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fenomena pembuangan bayi merupakan satu isu sosial yang semakin serius dan Kementerian memandang serius berhubung isu ini. Pihak PDRM khususnya telah menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan giat telah melancarkan beberapa tangkapan dan pertuduhan yang telah di bawa ke mahkamah.

Mengikut rekod PDRM sepanjang tahun 2005 sehingga Januari 2011, terdapat seramai 77 orang suspek telah ditahan untuk membantu siasatan kerana disyaki melakukan kesalahan pembuangan bayi. Bagi setiap kes yang dilaporkan, PDRM akan menjalankan siasatan rapi dan berpandukan kepada perangkaan kes sepanjang tahun 2005 hingga Januari 2011, terdapat sebanyak 18 kes telah dituduh di mahkamah dan 9 kes telahpun dijatuhkan hukuman.

Peruntukan undang-undang yang digunakan bagi kes pembuangan bayi adalah Kanun keseksaan, Akta Kanak-Kanak 2001 dan Undang- undang Syariah. Walaubagaimanapun, kebanyakan kes pembuangan bayi adalah disasat dibawah seksyen 317 Kanun Keseksaan ( Ibu bapa atau orang yang bertanggung menjaga kanak-kanak yang berumur kurang daripada 12 tahun mendedahkan dan membuang kanak-kanak itu) dan Seksyen 318

Kanun Keseksaan (Menyembunyikan kelahirkan dengan jalan membuang mayat dengan sulit).

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN :        BERTULIS  
DARIPADA            Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
                        [BAGAN]

TARIKH            :  
SOALAN            441

minta Menteri Sains, Teknologi & Inovasi menyatakan tahap penyediaan infrastruktur sistem amaran tsunami di Pulau Pinang. Adakah sistem tersebut masih berfungsi, berapakah kos pemasangan dan siapakah yang bertanggungjawab menyelenggaranya dari semasa ke semasa.

JAWAPAN:

Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah agensi pelaksananya, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) telah melaksanakan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) sejak tahun 2005 bertujuan bagi memantau kejadian gempa bumi dan tsunami, serta mengeluarkan maklumat gempa bumi dan amaran tsunami.

SAATNM terdiri dari tiga komponen utama iaitu,

- i. komponen pengumpulan data dan maklumat,
- ii. komponen pemprosesan, dan
- iii. komponen penyebaran.

Komponen penquumpulan data dan maklumat terdiri dari 28 buah stesen seismik, 17 buah stesen pasang surut, tiga pelampung tsunami, dan 18 buah kamera pantai. Selain itu, data seismik dan pasang surut luar negara turut diterima JMM. Operasi pemantauan gempa bumi dan tsunami ini dijalankan secara berterusan 24 jam setiap hari, 7 hari seminggu.

Komponen pemprosesan terdiri daripada perisian penentuan lokasi dan magnitud gempa bumi, dan masa ketibaan dan ketinggian ombak tsunami di perairan negara.

Komponen penvebaran pula terdiri daripada pelbagai kaedah iaitu SMS, telefon, crawler TV, talian *hotline*, faksimili, *Fixed Line Alert System* (FLAS), laman web dan sosial media internet *face book*. Siren amaran awal tsunami yang dipasang di 23 lokasi strategik akan diaktifkan sekiranya terdapat tsunami berlaku. Maklumat gempa bumi dan amaran awal tsunami dikeluarkan dalam tempoh masa 12 minit selepas setiap sesuatu kejadian gempa bumi.

Bagi negeri Pulau Pinang, kejadian gempa bumi dipantau melalui rangkaian stesen seismik SAATNM dan yang terdekat ialah di Kulim, Kedah. Manakala pemantauan kejadian tsunami pula dijalankan melalui stesen pasang surut yang terletak di Teluk Bahang, Pulau Pinang. Selain itu, pemantauan kejadian tsunami juga dicerap melalui pelampung tsunami dan tolok pasang surut

antarabangsa di Laut Andaman dan Lautan Hindi yang mampu memberikan maklumat awal tsunami, kira-kira dua jam sebelum ambak tsunami tersebut sampai di perairan Pulau Pinang. Di samping itu, terdapat dua buah kamera pantai yang terletak di Biro Tata Negara (BTN) Pasir Panjang dan

Park Royal Batu Feringgi bagi memantau kedatangan ombak tsunami. Sekiranya terdapat ancaman tsunami maka siren amaran tsunami tersebut akan diaktifkan. Terdapat empat buah siren amaran tsunami di Pulau Pinang iaitu di Biro Tata Negara (BTN) Pasir Panjang, Batu Feringgi, Teluk Bahang dan Tanjung Bungah.

Kos pemasangan bagi semua peralatan komponen SAATNM di Pulau Pinang ialah kira-kira RM550,000.00. Semua komponen SAATNM diselenggara oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) secara berkala dan didapati beroperasi dengan baik. Peraturan Tetap Operasi (PTO) gempa bumi dan tsunami juga telah disediakan oleh JMM bagi memastikan amaran awal tsunami dapat dikeluarkan dalam masa 12 minit yang telah ditetapkan.

Bagi meningkatkan aspek kesedaran awam mengenai risiko dan bahaya gempa bumi dan tsunami dikalangan komuniti setempat, sebanyak enam kempen kesedaran awam telah dijalankan di Pulau Pinang semenjak tahun 2008. Kempen kesedaran awam ini akan dijalankan secara berterusan.

PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI KEWANGAN

SJ.B/(38)

menyatakan bagaimana wang warisan RM20 juta milikan Pulau Pinang yang disalurkan kepada Khazanah Nasional - Think City digunakan dalam pemuliharaan Tapak Warisan George Town. Berikan senarai pihak yang memperolehi peruntukan dengan jumlahnya dan adakah jumlah peruntukan akan ditambah tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM7.83 juta daripada peruntukan sebanyak RM20 juta yang disalurkan kepada Khazanah Nasional - Think City untuk melaksanakan kerja pemuliharaan Tapak Warisan Dunia Pulau Pinang telah digunakan bagi melaksanakan projek-projek seperti di Lampiran A. Baki sebanyak RM12.17 juta akan digunakan untuk melaksanakan projek-projek yang akan dikenalpasti. Think City bekerjasama rapat dengan

pelbagai pemegang kepentingan termasuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Perancang Bandar & Daerah Penang, Pejabat Warisan Dunia, Jabatan Warisan Negara, masyarakat setempat dan pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan projek yang telah dikenalpasti.

Setakat ini Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk menyediakan peruntukan tambahan untuk tujuan tersebut.

#### LAMPIRAN A

#### Perbelanjaan Peruntukan Warisan Dunia Pulau Pinang Kedudukan Pada : 17 Mac 2011

Bil .	Jenis Kerja	Jumlah Dibelanjakan (RM)
1	Pembinaan	4,145,520.75
2	Penerbitan	717,600.00
3	Kajian	1,089,500.00
4	Bantuan Teknikal	811,000.00
5	Pendidikan	170,000.00
6	Pengurusan	901,587.11
	JUMLAH	7,835,207.86

SOALAN NO. 443

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN BUKAN

#### JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]

TARIKH : 8 MAC 2011 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah ibu tunggal mengikut pecahan negeri, bantuan yang diberikan setiap tahun sejak 1990. Mengapa maklumat golongan yang perlukan bantuan seperti e-Kasih tidak dikongsi bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN :

Bilangan atau statistik ibu tunggal di Malaysia yang digunakan oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah berdasarkan kepada statistik Ketua Isi Rumah (KIR) wanita yang dikumpulkan menerusi Banci Penduduk dan Perumahan Negara yang diadakan setiap sepuluh tahun oleh Jabatan Perangkaan.

Oleh yang demikian, statistik terkini ibu tunggal di negara ini adalah berdasarkan kepada Banci Penduduk dan Perumahan Negara yang dikeluarkan pada tahun 2000. Berdasarkan Banci tersebut, pada tahun 2000, bilangan ibu tunggal di Malaysia ialah seramai 126,810 orang atau 1.11 peratus daripada peratusan penduduk tempatan yang berjumlah kira-kira 23.2 juta orang.

Pecahan bilangan ibu tunggal mengikut negeri adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Jumlah Ibu Tunggal Mengikut Negeri, Tahun 2000**

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Ibu Tunggal</b>
1. Johor	14,790
2. Kedah	11,694
3. Kelantan	9,767
4. Melaka	4,638
5. Negeri Sembilan	5,521
6. Pahang	7,343
7. Perak	15,969
8. Perlis	1,332
9. Pulau Pinang	8,350
10. Sabah	7,126
11. Sarawak	7,929
12. Selangor	16,748
13. Terengganu	6,905
14. WP Kuala Lumpur	8,536
15. WPLabuan	162
<b>MALAYSIA</b>	<b>126,810</b>

Sumber : Band Penduduk dan Perumahan Negara Tahun 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia

Semenjak penubuhan KPWKM pada tahun 2001, bantuan dan program yang disediakan untuk ibu tunggal dan tanggungannya boleh dikategorikan seperti berikut:

Bantuan kebajikan;

Program peningkatan kemahiran dan pendapatan; dan Perkhidmatan

sokongan untuk kesejahteraan emosi ibu tunggal.

### **Bantuan kebajikan**

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kebajikan untuk golongan miskin termasuk ibu tunggal. Bantuan Am (BA) diberikan pada kadar antara RM80 seorang hingga maksimum RM350 sebulan sekeluarga bagi membantu menampung perbelanjaan harian mereka dan keluarga. Semenjak tahun 2005 sehingga 2010, **135,372 orang ibu tunggal telah menerima bantuan berjumlah RM218.02 juta.**

Bantuan Kanak-kanak (BKK) diberikan untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak dari keluarga miskin termasuk ibu tunggal untuk meringankan bebanan kewangan ibu tunggal serta mengelakkan anak-anak mereka daripada tercicir daripada mendapat pendidikan formal di sekolah. Bantuan yang diberikan adalah pada kadar RM150 untuk setiap kanak-kanak sehingga maksimum RM450 untuk setiap keluarga. Bermula pada tahun tahun 2005 sehingga 2010, **seramai 465,645 orang anak-anak ibu tunggal telah menerima BKK berjumlah RM374.68 juta.**

Selain itu, golongan ibu tunggal miskin juga digalakkan untuk berdikari dengan menjana pendapatan mereka sendiri. Untuk tujuan itu, JKM menyediakan skim Geran Pelancaran bagi membantu penerima bantuan yang berminat bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan. Semenjak tahun 2005, KPWKM telah menyalurkan geran berjumlah RM1.93 juta kepada **790 orang ibu tunggal sebagai modal permulaan bagi memulakan perniagaan.**

### **Program peningkatan kemahiran dan pendapatan**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan program-program peningkatan kapasiti bagi

membantu ibu-ibu tunggal mempertingkat pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan dan berdikari secara ekonomi. JPW telah menjalankan program kemahiran dan keusahawanan khusus untuk ibu tunggal iaitu program “Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal” atau I-KIT di seluruh negara. Melalui program ini, ibu-ibu tunggal diberikan latihan intensif dalam bidang kecantikan, jahitan, masakan, asuhan kanak-kanak, kraftangan dan pelancongan.

Selain latihan kemahiran, para peserta turut didedahkan dengan kemahiran ‘softskills’ seperti kemahiran bahasa, *interpersonal*, ketrampilan dan asas keusahawanan sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri.

Program I-KIT telah mula dijalankan semenjak tahun 2008 dan sehingga tahun 2010, seramai 1,699 orang ibu tunggal telah berjaya dilatih di mana 132 orang telah menjadi usahawan manakala peserta yang lainnya menjalankan perniagaan dari rumah atau berjaya mendapatkan pekerjaan berbekalkan kemahiran yang diperolehi.

JPW juga menjalankan kerjasama pintar dengan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk melaksanakan program-program pembangunan kapasiti

wanita dalam pelbagai bidang seperti peningkatan kemahiran, kesejahteraan emosi, literasi undang-undang dan sebagainya.

Sejak tahun 2003 hingga 2010, sejumlah RM1.9 juta telah diperuntukkan kepada NGO termasuk Persatuan Ibu Tunggal bagi menjalankan 147 program yang melibatkan penyertaan seramai 7,516 orang ibu tunggal. c) Perkhidmatan sokongan untuk kesejahteraan emosi ibu tunggal.

JPW juga menyediakan perkhidmatan kaunseling dan para kaunseling untuk wanita dan ibu tunggal. Perkhidmatan tersebut disediakan melalui Pejabat- Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara. Pada tahun 2009 hingga 2010, seramai 1,828 orang ibu tunggal mendapatkan perkhidmatan bimbingan kaunseling yang disediakan.

Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu memulih dan mempertingkat keyakinan ibu tunggal tersebut agar mereka lebih bermotivasi untuk merencana masa depan mereka dan anak-anak. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab juga akan membantu menyalurkan permohonan bantuan oleh ibu-ibu tunggal ini ke agensi-agensi yang berkaitan.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, data eKasih digunakan bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada golongan berpendapatan rendah. Maklumat mengenai senarai nama ketua isi rumah atau ahli isi rumah yang berdaftar di bawah sistem eKasih boleh didapati melalui laman web [www.ekasih.gov.my](http://www.ekasih.gov.my).

Bagi negeri Pulau Pinang, maklumat tersebut boleh diperolehi daripada Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang yang berperanan menyelaras segala maklumat berkaitan eKasih di peringkat negeri.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

### **PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA :** Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

**KAWASAN :** BAGAN

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan projek-projek jalan bam yang sedang berjalan dan dicadangkan di Pulau Pinang serta kosnya, tarikh disiapkan dan syarikat terbabit. Nyatakan juga projek jalan naik taraf atau pembinaan. Adakah tender terbuka dijalankan dan berapa peratus dan jumlahnya diberikan kepada kontraktor tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara projek-projek baru di bawah butiran Kementerian Kerja Raya yang dicadang untuk dilaksanakan di Pulau Pinang dalam RMKe-10 (selain dari projek pembinaan Jambatan Kedua Puiau Pinang) ialah seperti berikut:

- (1) Menaik Taraf Jalan P10 dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang. Kos projek: RM5 juta - untuk tujuan reka bentuk sahaja;

- (2) Membaik Pulih Jalan dari Pekan Genting ke Balik Pulau, Fasa 2 (RM12 juta);
- (3) Membina Jejambat Menghubungkan jalan Nangka - Jalan Perda Timur merentasi Jalan Padang Lalang / Jalan Permatang Rawa, Bukit Mertajam (RM100 juta);
- (4) Menaik Taraf Jalan Bayan Lepas Expressway dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang (RM10 juta - untuk tujuan kajian awalan dan reka bentuk sahaja); dan
- (5) Program Penggantian dan Membaik Pulih Jambatan Usang Pulau Pinang (RM2 juta).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perolehan bagi melaksanakan projek-projek RMKe-10 di atas akan dicadangkan menerusi kaedah tender terbuka, tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Kewangan. Sehubungan itu, memandangkan projek-projek berkenaan masih pada peringkat awal, maklumat mengenai nilai projek yang akan ditawarkan kepada kontraktor tempatan dari Pulau Pinang belum dapat untuk ditentukan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

## NO SOALAN: 446

DARIPADA

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

### SOALAN

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan projek-projek perparitan baru yang sedang berjalan dan dicadangkan di Pulau Pinang serta kosnya, tarikh disiapkan dan syarikat terbabit. Nyatakan juga projek perparitan naik taraf atau pembaikan. Adakah tender terbuka dijalankan dan berapa peratus dan jumlahnya diberikan kepada kontraktor tempatan.

### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan permohonan daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150,000 bagi melaksanakan projek menaiktaraf parit di Taman Sentosa. Pelaksanaan dan pengurusan tender bagi projek ini akan dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam tahun ini.

Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan

April 2011

PERTANYAAN: BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGS A MAJU ]

NO SOALAN: 446

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

SOALAN:

TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGS A MAJU ] minta PERDANA MENTERI menyatakan setelah lebih setahun berlalu selain daripada tuduhan di bawah Akta Anti-Money Laundering, apakah tindakan yang akan diambil oleh SPRM terhadap Encik Hasbie Satar, bekas Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan ke-2 yang lalu serta orang yang bersubahat dengannya yang melibatkan jutaan ringgit yang telah dijumpai di apartmentnya.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas Encik Hasbie Satar di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 masih lagi dijalankan. Namun begitu, sebagaimana Y.B. sedia maklum, tindakan siasatan yang dijalankan tidak boleh didedahkan kepada umum di atas kepentingan siasatan dan unsur kerahsiaan sebagaimana

NO SOALAN: 446

peruntukan Seksyen 29(4) akta yang sama.

Sekian, terima kasih.

**Wf**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WEE CHOO KEONG  
[WANGSA MAJU]**

**RUJUKAN : 24 [PR-000-T42691]**

**SOALAN :**

**Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan bahawa memandangkan Datuk Bandar telah bersetuju pada dasarnya untuk memindahkan lokasi pasar malam di Danau Kota, Wangsa Maju ke lokasi baru yang jauh dari kawasan perumahan, bilakah pasar malam ini akan dipindahkan ke lokasi baru untuk mengelakkan masalah sosial (*noise pollution* dan lain-lain) kepada penduduk-penduduk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah memutuskan atau mengeluarkan arahan untuk memindah atau menutup aktiviti Bazaria Larut Malam Danau Kota. DBKL hanya pernah memaklumkan akan mengkaji kesesuaian tapak lain dan akan menempatkan semula aktiviti ini ke tapak baru sekiranya terdapat tapak yang sesuai.

Bagi tujuan ini, beberapa kriteria perlu diambil kira sebelum pemindahan aktiviti dilakukan, iaitu:

- i) tapak mempunyai keluasan yang mencukupi untuk 300- 400 peniaga sedia ada;
- ii) terdapat kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi untuk peniaga dan pengunjung;
- iii) berhampiran Pusat Penjaja DBKL yang mana ia adalah strategi serampang dua mata untuk memajukan Pusat Penjaja DBKL;
- iv) kawasan komersial atau semi komersial seperti Danau Kota yang dikelilingi kawasan komersial seperti Platinum Walk dan beberapa

## **Tuan Yang di-Pertua, Human Kedai sedia ada; dan**

- v) mempunyai potensi untuk memajukan peniaga kecil yang terlibat dalam masa yang sama meningkatkan taraf ekonomi peniaga kecil tersebut.

Dalam masa sama, DBKL sentiasa memberi tumpuan agar masalah-masalah yang dihadapi penduduk sentiasa diambil perhatian seperti masalah sampah sarap, halangan kesesakan lalu lintas, bunyi bising dan masalah sosial.

Sebagai langkah kawalan, DBKL telah meminda waktu urus niaga bazaria tersebut kepada waktu baru iaitu dari jam 9.00 malam dan tamat seawal jam 2.00 pagi. Pihak penganjur juga telah mengambil langkah-langkah untuk menambahkan anggota kawalan lalu lintas dan kakitangan pembersihan bagi memastikan kebersihan dapat dikawal bukan sahaja di kawasan Bazaria malah meliputi kawasan-kawasan perumahan berhampiran.

Di samping itu, pihak penganjur juga mengambil tindakan meletakkan kon-kon di bahu jalan bagi mengelakkan orang awam meletakkan kenderaan sesuka hati yang boleh menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Selain itu, pihak penganjur telah mendapat kerjasama dari pihak Polis Sentul yang menyediakan Balai Bergerak berserta anggota yang ditempatkan di lokasi Bazaria Larut Malam pada setiap hari aktiviti bagi memastikan keselamatan orang awam dan kawasan perumahan berhampiran. Terdapat juga beberapa anggota polis bermotosikal yang ditugaskan untuk mengadakan kawalan secara rutin di kawasan perumahan dan sekitarnya.

Dalam pada itu, DBKL juga telah mengambil langkah terutama dalam membanteras peniaga-peniaga makanan yang banyak menyumbang kepada kewujudan sampah sarap. Dalam jangka masa terdekat, DBKL akan mendirikan 'guardril' disepanjang bahu jalan bagi mengelakkan peniaga-peniaga menyalahgunakan kawasan tersebut. DBKL sentiasa menjalankan tindakan dan operasi secara bersepadu serta mengadakan pemantauan dari semasa ke semasa terhadap penjaja-penjaja tanpa lesen.

NO.AUM V&r

VVR

NO.AUP :

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU ]

TARIKH

RUJUKAN 3529

**SOALAN:**

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil untuk menyekat kebanjiran pendatang haram daripada Indonesia, Bangladesh, Myanmar, Cambodia dan lain-lain, yang bebas menjalani perniagaan atau bekerja di Jalan Petaling, Pasar Basah Selayang, kedai-kedai IT di Plaza Low Yat dan lain-lain tempat di negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

SOALAN NO: 123

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa untuk menyekat kebanjiran pendatang asing tanpa izin dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar, Cambodia dan lain-lain negara di kawasan-kawasan seperti Jalan Petaling, Pasar Borong Selayang, Jalan Bukit Bintang dan lain-lain.

Sepanjang tahun 2010, Jabatan Imigresen Malaysia sahaja telah menjalankan sebanyak 1,175 operasi di negeri-negeri berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI  
LIOWTIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG  
[ WANGSA MAJU ]

SOALAN :

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan samada Kementerian bercadang nnenggubal peraturan baru terhadap semua doktor-doktor untuk hanya mengenakan caj konsultasi, diagnosis dan preskripsi sahaja manakala pesakit diberi pilihan sama ada untuk mendapatkan ubat-ubatan dari kaunter farmasi yang bertauliah seperti mana yang diamalkan di United Kingdom bagi mengelakkan dicajkan harga yang berlebihan. Jika tidak, kenapa tidak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang merangka strategi secara menyeluruh dalam usahanya untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Salah satu strategi ialah dengan melaksanakan penstrukturkan semula sistem kesihatan awam di Malaysia. Justeru itu, pelbagai polisi serta peraturan baru bakal diperkenalkan yang turut melibatkan pengurusan ubat-ubatan secara profesional bagi menggalakkan penggunaan ubat secara berkualiti oleh rakyat.

Pengurusan ubat-ubatan secara profesional merangkumi peranan doktor menjalankan fungsi mempreskrib manakala ahli farmasi membekal ubat dengan maklumat yang mencukupi kepada pesakit. Amnya, pengurusan ubat-ubatan secara profesional telah lama diamalkan oleh semua hospital dan klinik kesihatan kerajaan serta pusat-pusat perubatan swasta di seluruh Malaysia. Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan praktis ini secara tidak menyeluruh di mana hak ahli farmasi untuk membekal ubat diiktiraf tetapi pengamal perubatan turut mendapat hak yang sama.

Proses pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit adalah dikawal di bawah peruntukan Akta Racun 1952 dengan menetapkan kaedah-kaedah tertentu. Akta ini mewajibkan pengamal perubatan membekal sendiri ubat-ubatan kepada pesakit. Walau bagaimanapun, pembekalan ubat di klinik-klinik swasta pada masa sekarang masih dilaksanakan oleh pembantu klinik.

Pelaksanaan strategi ke arah pengurusan ubat-ubatan secara profesional haruslah dilaksanakan dengan berhati-hati dengan mengambil kira semua aspek terutama yang melibatkan kepentingan rakyat. Ini kerana pelaksanaan dasar ini bukan sahaja khusus untuk mengawal kos rawatan dan harga ubat di pasaran malah untuk mengoptimakan penggunaan ubat secara berkualiti di kalangan rakyat yang akhirnya menyumbang kepada pengurangan pembaziran ubat, menjadikan kos rawatan lebih efektif di samping menjamin keselamatan pesakit.

NO. AUP :

## Jawapan

**Tuan Yang Dipertua,**

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG  
[ WANGSA MAJU ]

TARIKH :

RUJUKAN : 3530

#### SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah peraturan khusus atau garis panduan yang disediakan oleh Kementerian kepada Lembaga Penasihat apabila berurusan tentang rayuan yang dibuat oleh orang- orang tahanan di kem- kem tahanan di Simpang Renggam atau di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (*Internal Security Act*).

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian tidak menyediakan peraturan khusus atau garis panduan kepada Lembaga Penasihat dalam membuat keputusan berhubung dengan rayuan orang-orang tahanan seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Sebenarnya Keputusan oleh Lembaga Penasihat itu adalah bebas dan tidak

## **Jawapan**

**Tuan Yang Dipertua,**

dipengaruhi oleh mana-mana pihak kerana Lembaga Penasihat mempunyai prosedurnya sendiri dalam membuat keputusan terhadap rayuan orang-orang tahanan.

**NO SOALAN: 451**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ]**

**SOALAN:**

DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) apakah garis-garis panduan baru bagi kakitangan awam berhubung amalan-amalan rasuah yang diumumkan SPRM baru-baru ini; dan
  
- (b) bagaimanakah SPRM dapat memantau amalan-amalan rasuah apabila SPRM sendiri telah menjadi sasaran terbesar yang kedua dari segi aduan orang ramai.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah mengambil pelbagai strategi dan pendekatan, khususnya dari aspek pentadbiran untuk membanteras jenayah rasuah di pelbagai peringkat di sektor awam. Komitmen dan keazaman berterusan Kerajaan untuk menangani jenayah ini telah terbukti dengan pelaksanaan program yang lebih berkesan bersesuaian dengan keadaan masa kini,

langkah-langkah yang diambil adalah:

- (i) Inisiatif Memantapkan dan Memperkuatkuhan Unit-unit Integriti (Pematuhan) (Compliance Unit) sedang giat dilaksanakan dan dimulakan dengan agensi-agensi penguat kuasa utama Negara iaitu Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kastam Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan seterusnya akan diperluaskan kepada agensi-agensi penguat kuasa yang lain.

Melaksanakan program latihan perintis bagi Program Pegawai Integriti Bertauliah atau *Certified Integrity Officer (CeIO)* (dengan izin) yang melibatkan peserta agensi penguat kuasa dari agensi sektor awam dan swasta yang akan bertanggung jawab bagi merancang, melaksanakan dan memantau program-program integriti di agensi masing-masing.

Sementara itu, bagi SPPRM pula, penubuhan Jawatankuasa Aduan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 adalah khusus untuk memantau mengenai aduan salah laku pegawai-pegawai SPRM yang tidak bersifat jenayah. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk mengenai pasti apa-apa kelemahan dalam tatacara kerja SPRM

yang mungkin menimbulkan aduan.

Kewujudan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) di kementerian, jabatan dan agensi sebagai mekanisme kawalan dalaman untuk memperbaiki sistem amalan kerja

sera mengurangkan kerentak birokrasi untuk menyekat

A

sebarang amalan rasuah daripada berleluasa.

(v) Pada 28 Februari 2010, satu Surat Arahan Perbendaharaan  
k

telah dikeluarkan yang meng^hendaki semua Agensi Kerajaan memasukkan klausa pencegahan rasuah dalam semua dokumen tender dan kontrak Kerajaan.

(vi) Inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang antara lainnya untuk mengurangkan secara berperingkat amalan surat sokongan yang kerap digunakan oleh ahli-ahli Politik untuk mempengaruhi dan memintasi dasar serta tatacara standard Kerajaan bagi mendapatkan kontrak sepelempatan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 8 Mac 2010.

(vii) Seterusnya pada 1 April 2010, Kerajaan telah mengeluarkan arahan

berhubung dengan pelaksanaan *Integrity Pact* (dengan izin) dalam semua perolehan Kerajaan. Pelaksanaan perjanjian integriti itu bertujuan untuk:

- a) mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;
- b) mengehendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan
- c) memastikan Kerajaan tidak menanggung *unnecessary costs* (dengan izin) dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan

(b) Untuk makluman Y.B. Tawau, isu yang dibangkitkan ini merupakan berkaitan laporan akhbar sebuah media berbahasa Mandarin yang telah tersilap lapor mengenai statistik tangkapan terdahulu. Statistik yang telah dirujuk oleh media berkenaan adalah berkaitan tangkapan terhadap pemberi rasuah yang merupakan kesalahan di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Statistik tersebut sebagaimana telah dilaporkan oleh kesemua media melainkan media berbahasa Mandarin berkaitan menunjukkan SPRM telah membuat tangkapan kedua terbanyak selepas PDRM terhadap individu yang cuba memberi sogokan.

Justeru itu, SPRM telah pun mengeluarkan surat kepada pengarang

**NO SOALAN: 451**

media berkenaan mengenai kekeliruan tersebut dan pihak berkenaan telah pun membuat kenyataan pembetulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**    **BUKAN LISAN**

**DARIPADA**    **YB. DATUK CHUA SOON BUI**  
  [TAWAU]

**SOALAN:**

YB. DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU] Minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan keluarga di Sabah dan Tawau masing-masing yang telah mendaftar dengan program eKasih pada 2010 dan apakah bilangan terperinci mengikut etnik; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian akan mengatasi halangan birokrasi politik dalam pendaftaran sebenar-benarnya keluarga-keluarga miskin di Sabah khususnya di Tawau.

**JAWAPAN:**

- (a) Bilangan keluarga yang berdaftar dengan eKasih pada tahun 2010 di Sabah adalah sebanyak 50,389 isi rumah dan daripada jumlah tersebut 2,030 isi rumah atau 45% adalah dari Daerah Tawau. Terdapat empat kategori makiumat kemiskinan boleh dijana dari eKasih iaitu, miskin tegar, miskin, mudah miskin dan “terkeluar”. Daripada jumlah tersebut di Tawau, hanya 89 isi rumah (4.3%) masih berada dalam kategori miskin tegar, 1,107 isi rumah (54%) kategori miskin, 682 isi rumah (33%) mudah miskin dan selebihnya telah “terkeluar” dan melepassi

*threshold*. Kategori-kategori ini menentukan pergerakan setiap is\$OALAN: 46&



rumah dari keadaan asal miskin tegar'kepada yang lebih baik dan apabila maklumat bantuan dan penyertaan projek dikemaskini, bilangan ini akan berubah.

Dari segi etnik pula majoriti iaitu, 14,537 isi rumah daripada 50,389 isi rumah (29%) di Sabah adalah Dusun, 10,881 isi rumah (22%) adalah Bajau dan selebihnya adalah dari Melayu, Murut, Orang Sungai, Kadazan dan sebagainya. Bilangan taburan ikut daerah yang terperinci mengikut etnik dan kategori adalah seperti di Lampiran,

- (b) Bagi mengelakkan birokrasi politik, kaedah kutipan data melalui bincian yang dilakukan oleh pembanci sambilan yang dilantik dan dilatih oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah lebih telus dan ianya dilakukan di tempat kediaman isi rumah berkenaan bukan pendaftaran di pejabat atau melalui borang permohonan. Setiap isi rumah atau individu yang merasakan dirinya miskin, layak untuk didaftarkan ringkas ke dalam eKasih dan boleh dilakukan melalui mekanisme pendaftaran terbuka melalui kaedah secara atas talian (*online*) atau boleh juga dilakukan oleh pelapor yang terdiri daripada ketua-ketua masyarakat, wakil rakyat, pegawai kerajaan atau sesiapa sahaja yang menjumpai insiden kemiskinan. Pembanci sambilan kemudiannya akan menjalankan verifikasi dengan membuat bincian untuk kutipan data yang lebih terperinci sebelum dibawa ke Mesyuarat *Focus Group* Peringkat Daerah untuk pengesahan dan dimasukkan di dalam eKasih. Ini adalah bagi mengelakkan keraguan dan hanya mendaftar isi rumah yang benar-benar layak.



**STATISTIK eKASIH DI NEGERI SABAH MENGIKUT DAERAH DAN ETNIK PADA 31 PIS 2010**

Liin-tein\* -Banjar, Iban, Ktfcym, Lun Bawang, Brunei, Cina, Ianum, Kayan, Slno-n rtivt, India, Pulau Kokos, Suhı, Mahan, Msianau, laiiviln ctnil

**SOALAN NO. 453**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                          BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                          :        YB DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)**

**TARIKH                                  8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB Datuk Chua Soon Bui (Tawau) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-**

- a) apakah pelan tindakan terhadap pengemis kanak-kanak di jalan-jalan di Sabah khususnya di Tawau; dan
  
- b) adakah Kementerian sedar bahawa sebilangan pengemis kanak-kanak membawa bayi-bayi berumur hanya beberapa bulan sahaja di jalan-jalan di Tawau untuk menarik simpati orang awam demi mendapatkan duit.

## **JAWAPAN**

- a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius terhadap isu pengemis kanak-kanak jalanan di negara ini.

Dalam membantu mengatasi masalah pengemis kanak-kanak di Sabah, KPWKM telah menjalin kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna Sabah melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas Sabah / Labuan bagi menangani isu ini. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil melalui pasukan ini adalah seperti berikut:

- i. Pasukan Petugas Khas dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia telah menjalankan operasi bersepadu bagi menyelamatkan kanak-kanak berkenaan. Mengikut jadual yang telah dirancang operasi perlu dijalankan sebanyak 12 kali setahun di seluruh Sabah termasuk Tawau. Melalui operasi ini seramai 55 orang kanak-kanak telah diselamatkan dari kancah pengemisan bagi tahun 2008, 75 orang kanak-kanak diselamatkan pada tahun 2009 dan 130 orang kanak-kanak telah diselamatkan sepanjang tahun 2010;
- ii. Mengguna pakai peruntukan di bawah Seksyen 17(1 )(k) Akta Kanak-Kanak 2001 dalam menyelamatkan kanak-kanak yang mengemis untuk memberi perlindungan kepada mereka. Kanak-kanak ini ditempatkan Rumah Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut seksyen 30(1) Akta Kanak-kanak

2001, atau dikembalikan kepada keluarga sekiranya mempunyai keluarga atau penjaga;

Mengguna pakai Dasar Perlindungan Kanak-Kanak dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak yang telah dilancarkan pada bulan Julai 2009. Ianya bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksloitasi. Dasar ini juga merupakan satu keperluan pada masa kini bagi memastikan setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat menyadari bahawa aspek melindungi kanak-kanak adalah tanggungjawab bersama;

Selain daripada itu, untuk meningkatkan keberkesanan membendung isu kanak-kanak, perkhidmatan Talian Nur 15999 telah diperkenalkan pada tahun 2007 bagi memberi kemudahan kepada masyarakat untuk membuat laporan jika mendapati kanak-kanak dalam keadaan yang mencurigakan atau tidak berada dalam pengawasan ibu bapa atau penjaga. Di sini tanggungjawab komuniti adalah penting untuk sentiasa prihatin kepada keselamatan dan perlindungan kanak-kanak; dan

Mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang bertujuan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Sehingga kini terdapat 15 buah Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak telah diwujudkan di Sabah.

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak turut menyediakan perkhidmatan sokongan membantu keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi melalui penubuhan dua (2) buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak. Antara program-program advokasi serta

intervensi yang diadakan seperti seminar, bengkel, ceramah, kursus, motivasi, bimbingan serta kaunseling.

- b) Kementerian juga menyedari bahawa terdapat pengemis kanak-kanak menjadikan bayi yang merupakan adik kandung sendiri setelah diminta oleh ibu bapa atau penjaga berbuat sedemikian dengan tujuan untuk meraih simpati orang awam untuk mendapatkan duit. Ini merupakan satu eksloitasi ke atas kanak-kanak yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga bagi tujuan mengemis atau ekonomi. Sehubungan dengan itu, Kementerian akan terus melaksanakan langkah-langkah seperti yang dinyatakan sebelum ini bagi memastikan kanak-kanak ini terbela selaras dengan Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN SOALAN NO. ( 454 )**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**                    **BERTULIS**

**DARI PAD A**                    **Y.B. DATUKCHUA SOON BUI [TAWAU ]**

**SOALAN**

**Y.B. DATUK CHUA SOON BUI [ TAWAU ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan

- (a) apakah cadangan-cadangan Kementerian untuk membuang lebih daripada 100 tan sampah terutama sekali bahan-bahan plastik di tepi laut dan sungai-sungai di Tawau kerana kebanyakan kawasan itu adalah di luar zon kutipan cukai Majlis Tempatan.; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian akan berusaha bersama dengan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu-isu pencemaran alam sekitar serius yang sedemikian itu di seluruh negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Usaha untuk membersihkan lebih dari 100 tan sisa pepejal yang terdapat di tepi laut dan sungai-sungai di kawasan Tawau sama ada di dalam atau di luar zon kutipan cukai Majlis adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Negeri iaitu di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Namun, Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia untuk membantu sekiranya terdapat permintaan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah. Sebagai contoh, Kementerian sedang membantu beberapa PBT di

Sabah untuk menaik taraf tapak pelupusan tidak sanitari mereka bagi menangani masalah *leachate* dan lain-lain pencemaran. Tapak-tapak tersebut adalah di Bukit

Gemuk, Tawau, di Beaufort, di Kayu Madang, Kota Kinabalu dan di Kota Marudu.

- b) Bagi menangani isu pencemaran alam sekitar di Negeri Sabah pula, jalinan kerjasama boleh dibentuk antara Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia dan Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah untuk sama-sama mencari penyelesaian terhadap isu pencemaran yang semakin serius.

Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan April 2011

*I Ut'ss'*

**SJ.B/(TULIS)/(33)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK CHUA SOON BU! ( TAWAU )**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**TARikh : 07.03.2011 - 07.04.2011**

**Datuk Chua Soon Bui ( Tawau ) minta Menteri Kewangan menyatakan**

- (a) berapa orang dan berapa jumlah ‘wang tidak dituntut’ sehingga**

akhir tahun 2010. Berapa jumlah wang tersebut ada disimpan di dalam ‘Akaun Amanah Konsolidasi’ dan ‘Akaun Pendapatan Konsolidasi’; dan

- (b) apakah tempoh yang terpanjang sekali dalam ‘Akaun Pendapatan Konsolidasi’. Adakah Kementerian akan mengambil langkah-langkah supaya memulangkan wang tersebut kepada pemilik-pemilik yang wajar.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Wang Tak Dituntut (WTD) dalam simpanan Pendaftar Wang Tak Dituntut (Pendaftar) sehingga akhir tahun 2010 ialah sebanyak RM4.53 billion. Berdasarkan anggaran pejabat Pendaftar, jumlah wang ini adalah terdiri daripada 30 juta rekod empunya WTD. Selaras dengan peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965, sebanyak WTD berjumlah RM 653 juta telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan dan selebihnya berjumlah RM3.88 billion adalah dalam simpanan Akaun Amanah Disatukan.

2. WTD yang telah dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan tersebut adalah terdiri daripada baki WTD belum dituntut semenjak tahun 1977 sehingga tahun 1996. Pendaftar, selaku pemegang amanah sentiasa bersedia membantu orang awam yang menghadapi masalah dalam semakan WTD di syarikat dan firma berkenaan. Orang awam boleh mengemukakan pertanyaan melalui kaunter pejabat Pendaftar atau secara bertulis. Di samping itu, semua rekod WTD yang diserahkan oleh syarikat

dan firma setiap tahun diwartakan untuk rujukan dan semakan orang awam.

3. Kerajaan pada awal tahun 2006 juga telah membangunkan sistem **GFMAS** (*Government Financial and Management Accounting System*) di bawah kawalan Jabatan Akauntan Negara untuk menyimpan rekod WTD yang diserahkan oleh syarikat dan firma mulai tahun itu. Pembangunan sistem ini telah berjaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan Kerajaan kerana sebarang pertanyaan dan semakan boleh dilakukan berdasarkan nama atau nombor kad pengenalan individu. Melaiui usaha berterusan yang dilakukan Kerajaan, jumlah WTD yang telah dibayar balik kepada empunya telah meningkat kepada RM101 juta berbanding RM15 juta pada tahun 2002.

**SJ.B/( TULIS )/(34)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA                    TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**

**[ KUALA KEDAH ]**

**PERTANYAAN :            BERTULIS**

**TARIKH                    07.03.2011 - 07.04.2011**

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Kerajaan menaikkan harga runcit barang petroleum sedangkan kenaikan harga minyak mentah dunia semakin tinggi dan memberi keuntungan kepada negara pengeksport minyak seperti Malaysia.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, faktor kesejahteraan rakyat dan keupayaan ekonomi negara merupakan asas pertimbangan Kerajaan dalam menentukan harga runcit barang petroleum. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin kebajikan rakyat sentiasa diutamakan. Sungguhpun harga minyak mentah dunia semakin meningkat, Kerajaan pada masa ini masih mengekalkan harga runcit bagi petrol RON95, diesel dan LPG. Manakala harga petrol RON97 akan ditentukan selaras dengan perubahan harga minyak di pasaran. Ini kerana harga runcit petrol RON97 telah diapungkan secara terkawal (*managed float*) mulai 16 Julai 2010.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**RAKYAT PERTANYAAN BUKAN LISAN****DARIPADA****Tuan Haji Ahmad bin Kassim ( Kuala Kedah )****SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad bin Kassim ( Kuala Kedah )** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peruntukan untuk memajukan pembangunan di sebelah Malaysia di pintu-pintu sempadan khususnya di sempadan Bukit Kayu Hitam dan Kota Putra di Kuala Nerang, Kedah Darul Aman serta apakah masalah yang dihadapi danjalan penyelesaiannya.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pembangunan yang sedang dirancang untuk dilaksanakan di pintu sempadan Bukit Kayu Hitam dan Kota Putra di Kuala Nerang, Kedah Darul Aman.

**Bukit Kayu Hitam : Bandar Sempadan Kota Perdana**

2.     Bukit Kayu Hitam bersempadan dengan Pekan Danok, di Wilayah Songkhla, Thailand dan bandar utama di Thailand yang berdekatan dengan pintu masuk ini ialah Bandar Haadyai iaitu 58 km dari sempadan Malaysia-Thailand.
3.     Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan yang sedang dirancang untuk dilaksanakan di Bukit Kayu Hitam ialah **Bandar Sempadan Kota Perdana** yang terletak di Daerah Kubang Pasu, Bukit Kayu Hitam, dengan jarak 48km dari Bandaraya Alor Setar dan dihubungkan dengan Lebuhraya Utara-Selatan. Bandar Sempadan Kota Perdana ini akan dibangunkan oleh pihak swasta di mana ianya akan melibatkan **pembangunan zon industri bebas dan pusat logistik** di kawasan seluas 2,100 ekar.
4.     Bagi pihak kerajaan pula, Kerajaan akan membangunkan semula kompleks Imigresen, Kastam, & Kuarantin sedia ada di Bukit Kayu Hitam. Ini adalah kerana kompleks sedia ada tidak dapat lagi menampung jumlah kenderaan yang melalui kompleks ini, terutamanya kenderaan berat semasa waktu puncak. Kompleks baru bersepadu yang dinamakan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin &

Keselamatan (ICQS) akan dibina melalui kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) oleh Syarikat Northern Gateway Infrastructure Sdn Bhd.

5. Projek Bandar Sempadan Kota Perdana, Bukit Kayu Hitam ini adalah projek penswastaan dan dikendalikan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. Buat masa ini, pihak UKAS sedang menyemak perjanjian konsesi dan aliran tunai yang dikemukakan oleh syarikat pelaksana projek iaitu Syarikat Northern Gateway Infrastructure Sdn Bhd. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pihak UKAS sedang dalam proses memuktamadkan rundingan dengan syarikat pelaksana iaitu Syarikat Northern Gateway Infrastructure Sdn Bhd. Sehingga kini, tiada sebarang masalah yang dikenalpasti dalam pelaksanaan projek tersebut. Dari segi peruntukan, memandangkan ianya adalah projek swasta, tiada sebarang peruntukan khusus disediakan terhadap projek pembangunan tersebut di bawah RMKe-10.

6. Pembinaan projek tersebut dijangka bermula pada **suku keempat tahun 2011** dengan **tempoh pembinaan selama 3 tahun**. Kompleks **ICQS** ini akan memudahkan pihak berkuasa untuk mengurus dan mengawal selia pergerakan kargo ‘masuk-keluar’ melalui pintu sempadan. Peningkatan perdagangan ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara amnya.

#### **Kota Putra: Bandar Sempadan Kota Putra**

7. Bandar Sempadan Kota Putra yang merupakan bandar sempadan kedua di Negeri Kedah Darul Aman, terletak di Durian Burung, Daerah Padang Terap dengan jarak 62km dari Bandaraya Alor Setar.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kota Putra telah diwartakan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 1 Mei 2003 sebagai Pos Kawalan Imigresen dan Pintu Masuk yang dibenarkan bagi maksud kemasukan ke Malaysia. Sebagai inisiatif memajukan kawasan tersebut, projek Bandar Sempadan Kota Putra yang berkonsepkan agro-pelancongan dan pertanian berskala besar ini sedang

2

dilaksanakan oleh syarikat swasta iaitu syarikat Northern Intergrated Agriculture Sdn Bhd, yang memiliki tanah seluas 2,400 ekar di Durian Burung, Kota Putra. Projek ini telah diterima sebagai satu projek 'Joint Development Strategy' Malaysia-Thailand pada Ogos 2004.

9. Sebagai maklumat tambahan Ahli Yang Berhormat juga, Kompleks Imigresen Kota Putra mula beroperasi pada 20 Januari 2010. Ianya merupakan

pintu masuk kedua ke Negeri Kedah Darul Aman dan bersempadan dengan Ban Pra Korb, Wilayah Songkhla, Thailand. Kompleks tersebut telah dibangunkan oleh Kerajaan dengan kos projek sebanyak RM95.3 juta di bawah kontrak '*Design & Build*' dengan kaedah pelaksanaan secara skim bayaran tertangguh (*deferred payment*). Kontrak tersebut juga termasuk komponen-komponen lain iaitu pembangunan kem tentera, balai polis, klinik kesihatan dan sistem infrastruktur.

10. Dari segi masalah pembangunan, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Dalam Negeri, terdapat masalah perparitan yang sedang berlaku di kawasan Bandar Sempadan Kota Putra, Durian Burung tersebut. Perkara ini telah diambil tindakan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan memaklumkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya. Selain itu, masalah pembinaan infrastruktur yang sedang dilaksanakan iaitu Jalan Alor Setar - Durian Burung, yang menghubungkan Bandaraya Alor Setar dan Bandar Sempadan Kota Putra mungkin menimbulkan kesulitan kepada pengguna. Jalan tersebut masih lagi dalam kerja-kerja menaiktaraf dan sehingga Mac 2011, projek tersebut telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 72.81%. Selain itu, projek Trans Eastern Uinterland yang menghubungkan Durian Burung sehingga ke Kupang juga masih belum siap sepenuhnya kerana terdapat dua segmen lagi yang masih dalam kerja-kerja pembinaan.



**SOALAN NO: 458**

**PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN DARIPADA	BERTULIS
	Tuan Haji Ahmad bin Kassim
SOALAN	[ Kuala Kedah ]
	Tuan Haji Ahmad bin Kassim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan status industri nanas di Malaysia serta apakah perancangan Kerajaan untuk memajukan industri bagi manfaat industri ini di peringkat desa khususnya yang melibatkan kawasan tanah terbiar.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah melaksanakan program - program pembangunan dan sokongan industri dengan memaju dan meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui tanaman berkelompok, pembangunan usahawan dan industri hiliran serta tanaman nanas secara integrasi.

Keluasan penanaman nanas di seluruh Malaysia bagi tahun 2010 adalah seluas 17,601 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 416,070 tan metrik. Fokus industri nanas pada masa kini adalah kepada pasaran segar iaitu 70% daripada pengeluaran nanas, 20% pengeluaran bagi pengkalengan dan 10% adalah bagi industri.

Bagi tujuan membangunkan tanah terbiar, pihak LPNM telah mewujudkan Projek Bantuan Penanaman bagi ladang di bawah 15 ekar dalam *Rolling Plan Pertama RMK-10* (2011-2012) sebagai program utama yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran nanas dengan cara memperluaskan kawasan tanaman nanas di kawasan baru yang berpotensi dan mengekalkan tanaman nanas di kawasan sedia ada.

Projek ini merangkumi penanaman di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Melalui projek ini, pekebun kecil nanas di bawah keluasan 15 ekar akan diberi bantuan dalam bentuk input pertanian termasuk benih, baja, racun dan hormon. Sambutan daripada pekebun kecil amat menggalakkan dan ini dapat dilihat daripada peningkatan keluasan penanaman dan bilangan pengusaha pada setiap tahun. Di samping itu, pihak LPNM telah menujuhkan pejabat cawangan di 10 buah negeri bagi memantapkan sistem penyampaian.

Bagi menambah nilai kepada hasilan nanas, LPNM juga telah merangka beberapa aktiviti seperti kursus pemprosesan produk, kursus keusahawanan dan menaiktaraf premis. Usahawan yang telah menjalankan aktiviti pemprosesan secara kecil - kecilan akan dipertimbangkan untuk program ini.

## **SOALAN NO: 459**

### **PEMBERIT AHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BERTULIS**

**DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**

**SOALAN:**

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan mengenai jumlah pekerja yang membayar PERKESO sedangkan jumlah pekerja mengikut populasi dalam negara berjumlah hampir 11 juta orang. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan nasib semua pekerja terbela dengan caruman ini.

PR-000-T42664

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 tidak terpakai kepada semua pekerja di Malaysia yang berjumlah 12,154,000 orang pada Januari 2011. Pekerja dalam kategori berikut dikecualikan dari liputan Akta sebagaimana Jadual Pertama AKSP 1969:

- a) Kakitangan kerajaan;
- b) Kakitangan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang perkhidmatan

- mereka tetap dan berpencen/jawatan tetap;
- c) Tentera dan polis;
  - d) Pekerja yang berkerja sendiri;
  - e) Pekerja yang bergaji melebihi RM3,000.00 sebulan yang pertama kali berkerja.
  - f) Tuan punya dan pasangan kepada syarikat perkongsian atau syarikat persendirian;
  - g) Pekerja asing, dan
  - h) Pekhidmat rumah tangga (Domestic Servant), pelayan, butler, orang jaga anak, valet, footman, pekebun dan pemandu yang bekerja semata-mata di rumah kediaman dan bukan kerja profesyen pembiagaan yang dijalankan oleh majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Atas sebab-sebab diatas, hanya 5,399,701 juta pada tahun 2010 sahaja pekerja di Malaysia yang mencarum kepada PERKESO.

3. Langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan nasib semua pekerja terbela diantaranya adalah seperti berikut:

- a) Melaksanakan pemeriksaan secara berjadual yang dijalankan di peringkat Pejabat Tempatan dan Negeri setiap masa bagi memastikan majikan mematuhi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969;
- b) Setiap tahun PERKESO akan mengadakan aktiviti Ops Kesan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada majikan yang masih belum berdaftar supaya mendaftarkan perusahaan mereka kepada PERKESO. Aktiviti

pengesanan ini dilaksanakan di 47 pejabat PERKESO seluruh negara iaitu 1(satu) ibu pejabat PERKESO, 13(tigabelas) pejabat Pengarah negeri dan 33(tiga puluh tiga) di pejabat tempatan.

- c) Mendapatkan maklumat majikan dan pekerja dengan menjalinkan kerjasama di antara PERKESO dan agensi-agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Kerja Raya, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kerjasama juga diadakan dengan pihak ADUN dan media dalam mendapatkan maklumat pekerja.
- d) Mengadakan hebahan melalui media elektronik dan media cetak berkenaan tentang kewajipan majikan untuk berdaftar dengan PERKESO; dan
- e) Menyediakan kemudahan aduan melalui SMS dan Web Portal PERKESO bagi memudahkan orang awam dan pekerja-pekerja membuat aduan berkenaan majikan dan caruman.

*m(mac-7April11)/lias...22.2.11/Mma<42664*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM  
[ KUALA KEDAH ]

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [ KUALA KEDAH ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan adakah kajian dibuat mengenai kesan kenaikan harga barang asas pengguna yang menyebabkan semua barang keperluan turut naik harga. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian bagi memastikan peniaga tidak sewenang-wenangnya memanipulasi harga untuk menekan pengguna.

#### JAWAPAN

#### **Tuan Yang Dipertua,**

Harga barang keperluan yang disubsidi oleh kerajaan seperti tepung gandum dan minyak masak adalah kekal pada tahun 2010, kecuali gula yang mengalami kenaikan harga sebanyak 20 sen sekilogram pada 4 November 2010. Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan mendapati bahawa kesan kenaikan harga gula terhadap makanan dan minuman adalah minima dan tidak ketara. Sebagai contoh, kenaikan harga gula sebanyak 20 sen sekilogram hanya akan menyebabkan kenaikan harga teh tarik sebanyak 0.8 sen segelas atau 0.6%, manakala sepiggan mi goreng hanya mengalami kenaikan sebanyak 0.5 sen atau 0.2% sahaja.

Menangani isu kenaikan harga barang adalah merupakan agenda utama Kerajaan. Melalui pemantauan oleh seramai 1900 Pegawai Penguatkuasa dan 1300 orang Pegawai Pemantau Harga di premis-premis perniagaan yang kerap tentunya akan membantutkan niat sesetengah peniaga yang tidak beretika dan cuba mengaut keuntungan berlebihan.

Selain itu, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan dilaksanakan setiap tahun bagi mengawal harga dan bekalan ke atas barang tertentu, bergantung kepada jenis

**SOALAN NO.: 461**

perayaan untuk tempoh masa yang tertentu dalam usaha untuk membantu rakyat menikmati harga barang pada paras yang ditetapkan. Tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas pemborong dan peruncit yang didapati ingkar.

**DEWAN RAKYAT  
MALAYSIA PERTANYAAN  
BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKANLISAN**

**DARIPADA :** DATO'JOHARI BINABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]

**SOALAN**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan

- (a) berapa tan dan berapa dalam nilai Ringgit Malaysia pasir yang telah diekspot ke Singapura dari tahun 2005 hingga 2009; dan
- (b) senaraikan nama syarikat yang mengekspot pasir ke Singapura dan kewarganegaraan pemilik syarikat-syarikat tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasir samada jenis pasir sungai, pasir laut dan pasir lombong tidak dibenarkan dieksport ke luar negara termasuk Singapura. Langkah ini diambil berikutan dengan keputusan Jemaah Menteri pada 15 Januari 1997 untuk tidak membenarkan pengeksportan pasir binaan ke luar negara bagi memastikan bekalan pasir dalam negara sentiasa mencukupi.

(b) Tiada ada syarikat yang mengekspot pasir ke Singapura kerana larangan pengeksportan pasir yang telah dikuatkuasakan berikutan keputusan Jemaah Menteri tersebut.

Sekian, terima kasih.

RT 48/  
No.  
462

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) b  
berapa unit Rumah Guru yang telah dibina di kawasan Parlimen Sg Petani; dan
- (b) berapa unit yang didiami dan berapa yang kosong. Apa cadangan Kementerian berhubung dengan unit-unit yang kosong ini kerana terdapat unit-unit yang tidak terurus dan rosak.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga Rancangan Malaysia Ke-9, bilangan rumah guru yang telah dibina di kawasan Parlimen Sungai Petani adalah sebanyak 318 unit, di mana dari jumlah tersebut hanya 85 unit rumah guru telah diisi dan 233 unit direkodkan masih tidak berpenghuni sehingga Februari 2011.

Sebagai langkah penyelesaian, KPM kini sedang melaksanakan satu *Task Force* bagi

mengatasi masalah pengisian KIP di seluruh Malaysia. KPM akan menilai anggaran kos penyelenggaraan kerosakan setiap unit KIP yang tidak terurus dan yang mengalami kerosakan. Terdapat juga cadangan untuk menyewakan unit-unit yang kosong kepada

**SOALAN NO.: 461**

Kementerian atau agensi-agensi lain atau menjadikan unit-unit yang kosong sebagai pusat penginapan untuk kursus yang akan dilaksanakan oleh Pusat Kegiatan Guru (PKG) atau ditukar guna kepada asrama pelajar untuk sekolah-sekolah yang berdekatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BUKAN LISAN**

**DARIPADA                      DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**SOALAN**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :**

**(a) apakah yang membezakan Program PERMATA Negara dengan Program Penjagaan Kanak-Kanak anjuran Kementerian Pelajaran; dan**

**(b) bagaimanakah kementerian kendalian permasalahan Program PERMARA Negara yang bersifat ekslusif sedangkan kementerian mengamalkan pendekatan inklusif.**

**JAWAPAN: YB. DATUK SERI MOHAMED NAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Program PERMATA Negara dilaksanakan untuk menawarkan satu pendekatan alternatif dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Kementerian Pelajaran telah pun mewujudkan Dasar Pendidikan Awal untuk kanak-kanak berumur dari 4 hingga 6 tahun dikenali sebagai Pendidikan Pra Sekolah. Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. Sehingga kini, masih belum ada satu dasar yang komprehensif yang menggabungkan aspek asuhan dan didikan awal kanak-kanak berumur di bawah 4 tahun di negara ini. Dengan yang demikian, kewujudan program PERMATA dilihat sebagai asas bagi menentukan hala tuju Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak. Penekanan diberi kepada rangsangan minda dengan kaedah

meneroka, mencuba dan mengalami (*experimentation, exploration and experiential*) melalui permainan. Pendekatan ini telahpun dilaksanakan di negara-negara maju dan telah terbukti berupaya merangsang perkembangan pesat kebolehan intelek, kognitif dan komunikasi kanak-kanak serta meningkatkan kestabilan emosi mereka.

Pelaksanaan Program PERMATA Negara buat masa ini dilaksanakan secara Projek Perintis menfokuskan kepada kanak dari umur 1 hingga 4 tahun dari keluarga berpendapatan rendah dan berbilang kaum dan agama samada di pinggir atau luar bandar. Sehingga kini, pelaksanaan Program PERMATA di 52 buah lokasi di seluruh adalah berdasarkan kepada demografi penduduk yang berpendapatan rendah, terletak di pinggir/luar bandar dan kawasan penduduk yang berbilang kaum dan agama. Pemilihan tapak lokasi adalah secara kerjasama dengan pentadbiran kerajaan negeri dan wakil-wakil agensi di negeri berkenaan. Salah satu komponen utama Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak adalah penyediaan kemudahan fizikal dan infrastruktur yang menyokong

proses pembelajaran kanak-kanak. Ini sebagai satu tanda aras (*benchmark*) untuk pusat asuhan dan didikan awal kanak-kanak di Malaysia. Di bawah pelaksanaan projek perintis, PERMATA Negara tidak mempunyai perbandingan setara terhadap pusat asuhan dan didikan awal kanak-kanak di Malaysia.

Di samping itu bagi memastikan pelaksanaan Program PERMATA Negara ini diperluaskan secara menyeluruh, ianya telahpun digunakan di hampir 313 buah TASKA PERMATA KEMAS dibawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang memberikan penumpuan kepada pelaksanaan Program PERMATA di kawasan luar bandar. Sebanyak 27 buah TASKA PERMATA PERPADUAN juga melaksanakannya bagi keluarga di kawasan pinggir bandar.

Pelaksanaan Program PERMATA juga telah juga diluaskan merangkumi TASKA Tempat Kerja dan TASKA Komuniti bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak akan mendapat peluang untuk diberi permulaan terbaik dalam kehidupan mereka sebagai

**persediaan menghadapi cabaran masa hadapan.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA YB DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**SOALAN**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Adakah Kementerian berhasrat untuk mencadangkan agar diwujudkan akta khas bagi mereka yang melempar fitnah, seperti menuduh Menteri merogol dan bekas Timbalan Perdana Menteri meliwat, dikenakan tindakan sekerasnya kerana ini bukan budaya Melayu dan melanggar syariat Islam; dan**
  
- (b) Jika ada perancangan adakah pakar-pakar perundangan Islam akan dijemput sama untuk memberikan input sebelum rang undang-**

**SOALAN NO: 464**

**undang dikemukakan di Parlimen.**



**JAWAPAN:** **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ.**  
**MENTERI DI JABATAN PERPANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Akta khas bagi mereka yang melempar fitnah, seperti menuduh Menteri merogol dan bekas Timbalan Perdana Menteri meliwat kerana Akta dan undang-undang yang sedia ada di Negara ini adalah mencukupi untuk menangani isu-isu sedemikian.

Terdapat beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan di Negara ini untuk mengekang kesalahan berkaitan dengan fitnah. Contohnya, seksyen 499 Kanun Keseksaan [Akta 574] memperuntukkan mengenai kesalahan fitnah yang memburukkan reputasi seseorang. Seseorang yang didapati bersalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 499 Kanun Keseksaan boleh dihukum di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan iaitu hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Selain tindakan jenayah di bawah seksyen 499 Kanun Keseksaan, tindakan sivil juga boleh diambil terhadap orang yang melemparkan fitnah iaitu di bawah Akta Fitnah 1957 [Akta 286]. Seksyen 5 Akta 286 memperuntukkan mengenai kesalahan ‘*slander*’ iaitu fitnah yang menyentuh reputasi perjawatan, profesional atau perniagaan seseorang. Seksyen 10 Akta 286 juga membolehkan pihak yang difitnah itu menuntut pihak yang menyebarkan fitnah itu supaya memohon maaf.

Sekiranya enggan, pihak yang difitnah itu bolehlah mengambil tindakan mahkamah.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] turut memperuntukkan hukuman ke atas kesalahan bagi penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian dan lain-lain termasuklah unsur fitnah yang dibuat terhadap seseorang melalui kemudahan atau perkhidmatan rangkaian tersebut. Perkara ini diperuntukkan dalam seksyen 233 Akta iaitu orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini boleh dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Selain itu, kesalahan fitnah juga diperuntukkan di bawah Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Sebagai contoh, seksyen 41 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] memperuntukkan bahawa seseorang itu boleh dituduh melakukan kesalahan ‘qazaf’ iaitu membuat fitnah dengan menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan empat orang saksi lelaki mengikut hukum Syarak.

Berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada, Kerajaan mendapati bahawa undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk membendung perbuatan melempar fitnah di Negara ini. Justeru, Kerajaan berpandangan bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan suatu Akta khas bagi mereka yang melempar fitnah.

**Memandangkan Kerajaan tidak merancang untuk mewujudkan suatu Akta khas bagi mereka yang melempar fitnah, input daripada pakar perundangan Islam adalah tidak perlu buat masa ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk mewujudkan Akta sedemikian, Kerajaan tidak ada halangan untuk menjemput pihak yang berkenaan termasuklah pakar perundangan Islam untuk memberikan input sebelum sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan di Parlimen.**

**Sekian. Terima kasih.**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**BUKAN JAWAB LISAN**  
**PERTANYAAN DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**DARIPADA NO.465**  
**SOALAN**

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-**

- a) Berapaka jumlah sasaran pasca-siswazah antarabangsa diseluruh universiti di Malaysia untuk tahun 2005 hingga 2012; dan
- b) Adakah jumlah tersebut tercapai, jika tidak apakah masalah-masalah menyumbang kepada kegagalan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, enrolmen pelajar pasca-siswazah antarabangsa (sarjana dan PhD) pada tahun 2010 adalah seramai 15,686 orang di IPTA dan 4,490 di IPTS . Sehingga Disember**

**2010, seramai 86,919 orang pelajar antarabangsa dari lebih 150 negara sedang mengikuti pengajian di IPT tempatan yang mana telah melebihi sasaran 80,000 pelajar antarabangsa pada tahun 2010. Untuk memastikan kejayaan sasaran untuk menarik seramai 150,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2015, pertambahan konsisten purata tahunan sebanyak 13.5% pelajar antarabangsa perlu dicapai. Untuk itu, Kementerian telah mengenal pasti negara-negara**

sasaran yang sesuai untuk pasaran baharu dalam bidang pengajian tinggi Malaysia. Negara-negara tersebut adalah Kurdistan (Iraq), India, Korea Selatan, Turki, Tartarstan (Rusia), Menado (Indonesia), Chile dan juga Brazil.

Usaha-usaha promosi untuk menarik pelajar antarabangsa di pelbagai peringkat termasuk sarjana muda, sarjana, doktor falsafah, dan *open and distance learning* akan terus dipergiat dan dilaksanakan. Kementerian juga akan memulakan sistem kalendar akademik IPT yang baharu, iaitu peralihan permulaan kuliah pada bulan Julai kepada bulan September secara berperingkat sehingga sesi 2013/2014. Selain itu, kementerian akan menonjolkan 4 bidang pengajian iaitu Kejuruteraan Lanjutan, Sains Kesihatan, Kewangan dan Perbankan Islam serta Pelancongan dan Hospitaliti sebagai bidang pengajian taruhan untuk pasaran antarabangsa.

6

#### **SOALAN NO. 469**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**BUKAN LISAN**

**DARIPADA**

**PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
[RANTAU PANJANG]**

**SOALAN**

**PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG]** Minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci projek pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan dalam Parlimen Rantau Panjang sejak tahun 2008, 2009, 2010 dan 2011 oleh Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN:**

**Bagi Parlimen Rantau Panjang, sebanyak 49 projek pembangunan bernilai RM124.65 juta telah dan akan dilaksanakan mulai tahun 2008 hingga 2011.**

**Agihan pelaksanaan projek tersebut adalah seperti berikut:**

- a) 39 projek pembangunan bernilai RM100.12 juta dilaksanakan di bawah RMKe9 (tahun 2006 hingga 2010); dan**
- b) 10 projek pembangunan yang bernilai RM24.53 juta dilaksanakan di bawah senarai *Rolling Plan* Pertama RMKe10 (tahun 2011 hingga 2012).**



**LAMPIRAN**

**SENARAI PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KE-9 (RMK9) BAGI PARLIMEN RANTAU PANJANG**

BI L	KEMENTERIAN	NAMA AGENSI	NAMA PROJEK	SILING PROJEK (RM)	STATUS PELAKSANAAN
1	Jabatan Perdana Menteri	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	PEMBINAAN MARKAS TAKTIKAL BRIGED SERTA SETOR BARANG PASUKAN GERAK AM (PGA) OPS WAWASAN NEGERI KELANTAN	21,241.00	SIAP
2	Kementerian Belia & Sukan	Bahagian Kewangan dan Pembangunan	GELANGGANG RAKYAT KBS MERANTI	159,000.00	DALAM PELAKSANAAN
3	Kementerian Belia & Sukan	Bahagian Kewangan dan Pembangunan	GELANGGANG RAKYAT KBS GUAL PERIOK	318,000.00	DALAM PELAKSANAAN
4	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Bahagian Infrastruktur	NAIKTARAF JALAN BANGGOL KULIM KE RANTAU PANJANG, PASIR MAS, KELANTAN.	5,251,115.00	SIAP
5	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK DAERAH RANTAU PANJANG	441,000.00	DALAM PELAKSANAAN
6	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) Pasir Mas, Kelantan	6,000,000.00	SIAP
7	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	PENAIKTARAFAN BANGUNAN INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) DI KELANTAN	588,000.00	DALAM PELAKSANAAN
8	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	PUSAT GIAT RANTAU PANJANG	700,000.00	SIAP

**LAMPIRAN**

<b>BI L</b>	<b>KEMENTERIAN</b>	<b>NAMA AGENSI</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>SILING PROJEK (RM)</b>	<b>STATUS PELAKSANAAN</b>
9	Kementerian Kesihatan	Bahagian Perancangan dan Pembangunan (MOH)	KD 2G BAROH PIAL PASIR MAS.KELANTAN	732,000.00	SIAP
10	Kementerian Kesihatan	Bahagian Perancangan dan Pembangunan (MOH)	KLINIK KESIHATAN (JENIS 3) MERANTI PASIR MAS KELANTAN(12CE.5DCE)	19,949,349.00	DALAM PELAKSANAAN
11	Kementerian Kesihatan	Bahagian Perancangan dan Pembangunan (MOH)	KD 2G KAMPONG RAHMAT PASIR MAS, KELANTAN	796,000.00	SIAP
12	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pelajaran Islam	SMKA LATI	8,003,149.00	DALAM PELAKSANAAN
13	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK BAKONG, 17000 PASIR MAS	25,004.00	SIAP
14	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK BANGGOL PETAI, 17000 PASIR MAS.	40,717.00	SIAP
15	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK BAROH PIAL, P.SURAT 603, 17050 PASIR MAS	40,815.00	SIAP
16	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK BAYU LALANG, 17000 PASIR MAS.	40,719.00	SIAP
17	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK KEDAI TANJONG,17000 PASIR MAS.	50,000.00	SIAP
18	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK KOK PAUH,17200 PASIR MAS.	50,000.00	SIAP
19	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK KUBANG KUAU, 17200 RANTAU PANJANG.	50,000.00	SIAP
20	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK LATI,17000 PASIR MAS.	50,000.00	SIAP
21	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK LUBOK SETOL, 17200 RANTAU PANJANG.	50,000.00	SIAP

**LAMPIRAN**

BIL	KEMENTERIAN	NAMA AGENSI	NAMA PROJEK	SILING PROJEK (RM)	STATUS PELAKSANAAN
22	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK MERANTI	100,000.00	SIAP
23	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SK SRI RANTAU PANJANG	100,000.00	SIAP
24	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pendidikan Khas	SMK RANTAU PANJANG	100,000.00	SIAP
25	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK LUBOK SETOL	100,000.00	SIAP
26	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK GUAL PERIOK	4,400,640.00	SIAP
27	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK LUBOK SETOL	5,470,800.00	DALAM PELAKSANAAN
28	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK KAMPONG BARU	4,824,180.00	DALAM PELAKSANAAN
29	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK SRI KIAMBANG	2,173,080.00	DALAM PELAKSANAAN
30	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK GUAL TINGGI	158,232.00	SIAP
31	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK SRI RANTAU PANJANG 2	11,065,351.00	SIAP
32	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK GUAL TO' DEH	5,602,567.00	SIAP
33	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK GUAL TINGGI BARU	17,637.00	SIAP
34	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK GELANG MAS	1,476,042.00	DALAM PELAKSANAAN
35	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SK BARUH PIAL	660,812.00	SIAP
36	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	SMK KEDONDONG	439,307.00	SIAP

**LAMPIRAN**

BIL	KEMENTERIAN	NAMA AGENSI	NAMA PROJEK	SILING PROJEK (RM)	STATUS PELAKSANAAN
37	Kementerian Pelancongan	Bahagian Pembangunan (TOURISM)	PENINGKATAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DI PINTU MASUK RANTAU PANJANG, PASIR MAS KELANTAN	4,420,000.00	DALAM PELAKSANAAN
38	Kementerian Pengajian Tinggi	Jabatan Pengajian Tinggi	KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS	15,253,294.00	SIAP
39	Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	PEMBELIAN RUMAH SIAP KUARTERS RANTAU PANJANG	400,000.00	SIAP

**JUMLAH KESELURUHAN**

**100,118,051.00**

**SENARAI PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (RMK10) BAGI PARLIMEN RANTAU PANJANG**

**LAMPIRAN 5**

BIL	KEMENTERIAN	NAMA AGENSI	NAMA PROJEK	SILING PROJEK (RM)	STATUS PELAKSANAAN
1	Jabatan Perdana Menteri	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)	ECER - TAMAN INDUSTRI MAKANAN HALAL, PASIR MAS (PH II)	15,000,000.00	DALAM PELAKSANAAN
2	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah	Bahagian Infrastruktur	JALAN BANGGOL KULIM KE RANTAU PANJANG, PASIR MAS, KELANTAN	100,000.00	SIAP
3	Kementerian Kesihatan	Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, BAROH PIAL, PASIR MAS, KELANTAN	10,000.00	SIAP
4	Kementerian Kesihatan	Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan	KLINIK KESIHATAN (JENIS 3) DENGAN KUARTERS, MERANTI, PASIR MAS, KELANTAN	4,700,000.00	DALAM PELAKSANAAN
5	Kementerian Kesihatan	Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan	KLINIK DESA DENGAN KUARTERS, KAMPONG RAHMAT, PASIR MAS, KELANTAN	8,500.00	SIAP
6	Kementerian Pelajaran	Bahagian Pembangunan	PROJEK NAIKTARAF PADANG SEKOLAH DI SK CHICHA TINGGI, KELANTAN	245,434.00	DALAM PELAKSANAAN
7	Kementerian Pelajaran	Bahagian Sekolah	PEMBINAAN 1 KELAS PRASEKOLAH DI BAWAH SUB NKRA PRASEKOLAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN BAROH PIAL, PASIR MAS, KELANTAN	300,000.00	DALAM PELAKSANAAN
8	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	PEMBINAAN BLOKTAMBAHAN 12 BILIK DARJAH DI SEKOLAH KEBANGSAAN LUBOK SETOL DI PASIR MAS, KELANTAN	2,558,278.00	DALAM PELAKSANAAN

**LAMPIRAN 5**

BIL	KEMENTERIAN	NAMA AGENSI	NAMA PROJEK	SILING PROJEK (RM)	STATUS PELAKSANAAN
9	Kementerian Pelajaran	Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan	PEMBAYARAN AKAUN MUKTAMAD PROJEK NAIK TARAF PADANG DI SEKOLAH KEBANGSAAN GELANG MAS, PASIR MAS, KELANTAN	611,500.00	DALAM PELAKSANAAN
10	Kementerian Pelancongan	Bahagian Pembangunan (TOURISM)	PENINGKATAN KEMUDAHAN PELANCONGAN DI PINTU MASUK RANTAU PANJANG, PASIR MAS, KELANTAN	1,000,000.00	DALAM PELAKSANAAN
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>24,533,712.00</b>			

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH  
BINTI MOHD. YUSOFF  
(RANTAU PANJANG)

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah langkah untuk menyelesaikan keperluan asas rakyat dalam Parlimen Rantau Panjang sama ada bekalan elektrik, air dan jalan-jalan kampung untuk 2011.

**Tuan Yang di Pertua,**

Sehingga Disember 2010, liputan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia adalah 99.5% berbanding di Sabah 81.5% dan Sarawak 71.4%. Manakala liputan bekalan air bersih pula di Semenanjung adalah 91% berbanding di Sabah 63% dan Sarawak 60%. Justeru itu, Kerajaan perlu memberikan perhatian segera untuk meningkatkan liputan bekalan air, elektrik dan pembinaan jalan di kedua-dua negeri di Sabah dan Sarawak bagi mengimbangkan pembangunan prasarana asas untuk seluruh rakyat Malaysia di luar bandar. Dengan yang demikian, tiada peruntukan dapat disediakan khususnya di kawasan Parlimen Rantau Panjang bagi menambah bekalan elektrik, air dan jalan-jalan kampung bagi tahun 2011.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**TARIKH :**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF**

**[ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN :**

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah perbelanjaan Kerajaan untuk Program Perdana Menteri dan Isteri dalam dan luar negara sejak 2008, 2009, 2010 dan 2011.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan bagi rombongan Perdana Menteri dan Isteri ke luar negara mulai tahun 2008 hingga 2011 adalah berjumlah RM14,012,220.65.

Pecahan mengikut tahun dan perbelanjaan adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. LAWATAN</b>	<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>
2008	7	1,739,332.85
2009	33	4,811,837.48
2010	21	5,140,307.99
2011	7	2,320,742.33
<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>	<b>14,012,220.65</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
SOALAN**

**BUKAN JAWAB LISAN  
PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
NO.469**

**Puan Siti Zailah Binti Mohd. Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kes-kes yang melibatkan salah laku pelajar Universiti seluruh negara sejak tahun 2000 hingga 2011.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara kes salah laku pelajar IPTA pada tahun 2010 adalah 22 kes plagiat, 191 kes kesalahan peperiksaan, 4 kes merosakkan harta universiti, 907 kes kesalahan di kolej dan 68 kes khalwat.**

**SOALAN N0.470**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN                  JAWAB LISAN**

**DARIPADA    PUAN SITI ZAILAH BT MOHD    YUSOF**

**( RANTAU PANJANG )**

**TARIKH    8 MAC 2011 ( SELASA)**

**SOALAN**

**YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang kelewatan bayaran penerima bantuan dan berapa banyak peruntukan yang telah diberikan di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah sejak tahun 2009 hingga 2011 di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat peka dan prihatin terhadap isu kelewatan bayaran bantuan bulanan yang berlaku. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah melaksanakan langkah-langkah penambahan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan bantuan dilaksanakan dengan cekap, cepat dan berkesan kepada golongan yang memerlukan. Antara usaha tersebut yang dilaksanakan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuklah:

- i)        kuasa meluluskan bantuan diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berkuat kuasa 28 April 2006 dan seorang pegawai tambahan yang terdiri dari pegawai kanan (Gred S32) di peringkat daerah berkuat kuasa 19 Mac 2010;
- ii)      Pembayaran bantuan kebajikan telah ditetapkan pada 1 hari bulan setiap bulan melalui

Surat Arahan Ketua Setiausaha KPWKM berkuat kuasa 31 Julai 2009. Bagi pembayaran melalui bank, tarikh pembayaran adalah mematuhi ketetapan berkenaan. Bagi pembayaran tunai sama ada di pejabat, di rumah atau di pusat bayaran setempat ia dilaksanakan mulai 15 hari bulan sehingga 1 hari bulan berikutnya bergantung kepada jadual yang telah ditetapkan;

- iii) mewujudkan Tabung Bantuan Segera bagi memastikan kes-kes yang memerlukan bantuan segera dapat dibantu serta merta berkuat kuasa 24 April 2008;
- iv) melaksanakan kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) terhadap proses dan prosedur kerja bantuan kewangan di enam buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu PKMD Kuala Terengganu, PKMD Hilir Perak, PKMD Kinta, PKMD Seremban, PKMD Port Dickson dan PKMD Melaka Tengah. Melalui PPPK ini, permohonan bantuan diproses terus di pejabat dan keputusan permohonan dimaklumkan terus kepada klien pada hari yang sama selepas siasatan atau temu duga dijalankan; dan
- v) Usaha-usaha sedang giat diambil oleh JKM untuk meningkatkan lagi bilangan penerima melalui bank daripada 60% pada masa ini sehingga 90% manakala bayaran secara tunai hanya dihadkan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu ke bank seperti pesakit kronik dan terlantar.

Bagi tahun 2009, sebanyak RM758,798,663 telah dibelanjakan bagi tujuan bantuan, RM1,188,881,729 pada tahun 2010 dan bagi tahun 2011 (sehingga bulan Februari 2011) perbelanjaan bantuan adalah sebanyak RM229,585,145. Perbelanjaan tersebut melibatkan sebanyak 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara.

Mv Cf 'j  
1SJ.B/(TULIS)/(35)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT  
[KUALA TERENGGANU]**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**TARIKH : 07.03.2011 - 07.04.2011**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pemberian dan geran Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 1991 hingga 2010 mengikut jenis-jenisnya di bawah Peruntukan Perbendaharaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemberian dan geran Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dari tahun 1991 hingga 2010 ialah RM2.209.398.464, Butiran terperinci adalah seperti di bawah:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PEMBERIAN</b>
1991	19,549,410
1992	20,170,000
1993	23,331,700
1994	27,298,606
1995	40,787,688
1996	83,865,944
1997	81,572,075
1998	83,765,412
1999	95,938,319
2000	94,153,696
2001	107,763,192
2002	112,796,632
2003	118,576,559
2004	107,511,873
2005	148,005,459
2006	153,292,656
2007	205,177,921
2008	213,767,490
2009	240,069,608
2010	232,004,224
<b>JUMLAH</b>	<b>2,209,398,464</b>

**Pecahan mengikut jenis-jenis di bawah Peruntukan Perbendaharaan dari tahun 1991 hingga 2010 adalah seperti di Lampiran A.**



LAMPIRAN A

PEMBERIAN DAN GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (TAHUN 1991-2010)

BI	JENIS PEMERIKSAAN	JUMLAH PEMBERIAN (1991 -2010)	PECAHAN MENGikut TAHUN									
			1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000
1	Pemberian Mengikut Bilangan Orang ( <i>Capitation Grant</i> )	262,752,678	6,514,095	6,700,000	9,767,700	9,500,000	10,098,443	10,458,370	10,595,350	11,148,000	11,374,591	11,520,498
2	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	927,247,603	13,035,315	13,470,000	13,564,000	14,303,104	22,030,547	29,988,597	30,755,322	32,081,700	40,356,130	39,115,005
3	Pemberian Pertambahan Hasil	79,796,707	-	-	-	3,495,502	3,548,459	3,560,313	3,568,169	3,568,169	3,590,885	3,590,885
4	Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Geran Tahunan Berdasarkan Kaedah Keseimbangan)	179,331,435	-	-	-	-	5,110,239	5,017,782	5,017,782	5,018,497	5,390,126	5,017,781
5	Bayaran Perkhidmatan	145,665,372	tb	tb	tb	tb	tb	5,651,158	3,096,274	3,857,653	6,928,712	7,709,586
6	Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	340,526,732	tb	tb	tb	tb	tb	19,919,724	19,269,178	18,821,393	19,027,875	17,929,941
7	Pemberian Bantuan Bil Lampu Kepada PBT	9,294,246	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb
8	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	222,113,691	tb	tb	tb	tb	tb	9,270,000	9,270,000	9,270,000	9,270,000	9,270,000
9	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus	42,670,000	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>2,209,398,464</b>	<b>19,549,410</b>	<b>20,170,000</b>	<b>23,331,700</b>	<b>27,298,606</b>	<b>40,787,688</b>	<b>83,865,944</b>	<b>81,572,075</b>	<b>83,765,412</b>	<b>95,938,319</b>	<b>94,153,696</b>

BI L	JENIS PEMBERIAN	PECAHAN				AN MENGikut TAHUN	TAHUN					
		2001	2002	2003	2004		2005	2006	2007	2008	2009	2010
1	Pemberian Mengikut Bilangan Orang ( <i>Capitation Grant</i> )	11,678,460	15,998,852	16,243,145	16,493,300	16,760,400	17,022,970	17,291,841	17,567,166	17,857,380	18,162,117	
2	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	45,208,830	45,501,090	46,088,725	46,087,101	45,915,293	51,934,981	83,016,587	95,344,627	106,489,833	112,960,816	
3	Pemberian Pertambahan Hasil	3,588,970	3,455,258	3,459,614	3,458,053	3,465,871	3,479,178	10,636,521	10,939,756	12,391,104		
4	Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Geran Tahunan Berdasarkan Kaedah Keseimbangan)	5,017,782	5,017,782	2,027,022	5,017,781	5,017,781	25,332,216	25,332,216	25,332,216	25,332,216	25,332,216	
5	Bayaran Perkhidmatan	11,100,127	15,699,805	25,395,926	10,687,090	3,354,637	4,081,686	15,088,468	7,400,192	15,764,821	9,849,237	
6	Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	21,899,023	17,853,845	19,639,230	20,598,548	21,551,477	23,706,625	26,077,288	28,524,651	31,377,116	34,330,818	
7	Pemberian Bantuan Bil Lampu Kepada PBT	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	2,538,088	3,122,138	3,634,020	
8	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	9,270,000	9,270,000	5,722,897	5,170,000	9,270,000	27,735,000	27,735,000	26,120,794	27,735,000	27,735,000	
9	Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus	-	-	-	-	42,670,000	-	-	-	-	-	
<b>JUMLAH</b>		<b>107,763,192</b>	<b>112,796,632</b>	<b>118,576,559</b>	<b>107,511,873</b>	<b>148,005,459</b>	<b>153,292,656</b>	<b>205,177,921</b>	<b>213,767,490</b>	<b>240,069,608</b>	<b>232,004,224</b>	

PEMBERIAN DAN GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU (TAHUN 1991-2010)

BI L	JENIS PEMBERIAN	JUMLAH PEMBERIAN (19c1)	PECAKAN WERSIKUT TAHUN												LAMPIRAN A									
			1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998*	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010		
1	Pemberian Mengikut Bilangan Orang (CaDitation Grant)	262,752,678	6,514,095	6,700,000	9,767,700	9,500,000	10,098,443	10,458,370	10,595,350	11,148,000	11,374,591	11,520,498	11,678,460	15,998,852	16,243,145	16,493,300	16,760,400	17,022,970	17,291,841	17,857,380	18,162,117			
2	Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	927,247,603	13,035,315	13,470,000	13,564,000	14,303,104	22,030,547	29,988,597	30,755,322	32,081,700	40,356,130	39,115,005	45,208,830	45,501,090	46,088,725	46,087,101	45,915,293	51,934,981	83,016,587	95,344,627	106,489,833	112,960,816		
3	Pemberian Pertambahan Hasil	79,796,707	-	-	-	3,495,502	3,548,459	3,560,313	3,568,169	3,568,169	3,590,885	3,590,885	3,588,970	3,455,258	3,459,614	3,456,053	3,465,871	3,479,178	10,636,521	10,939,756	12,391,104			
4	Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkusa Tempatan (Geran Tahunan Berdasarkan Kaedah Keseimbangan)	179,331,435	-	-	-	5,110,239	5,017,782	5,018,497	5,390,126	5,017,781	5,017,782	5,017,782	2,027,022	5,017,781	5,017,781	25,332,216	25,332,216	25,332,216	25,332,216	25,332,216	25,332,216			
5	Bavarai Perkhidmatan	145,665,372	tb	tb	tb	tb	tb	5,651,158	3,096,274	3,857,653	6,928,712	7,709,586	11,100,127	15,699,805	25,395,926	10,687,090	3,354,637	4,081,686	15,088,468	7,400,192	15,764,821	9,849,237		
6	Pemberian Di Bawah Senarai Bersama	340,526,732	tb	tb	tb	tb	tb	19,919,724	19,269,178	18,821,393	19,027,875	17,929,941	21,899,023	17,853,845	19,639,230	120,598,548	21,551,477	23,706,625	26,077,288	28,524,651	31,377,116	34,330,818		
7	Pemberian Bantuan Bil Lampu Kepada PBT	9,294,246	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	tb	2,538,088	3,122,138	3,634,020	
8	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	222,113,691	tb	tb	tb	tb	tb	9,270,000	9,270,000	9,270,000	9,270,000	9,270,000	9,270,000	5,722,897	5,170,000	9,270,000	27,735,000	27,735,000	26,120,794	27,735,000	27,735,000			
9	Pemberian Kekurangan Akaun Menaik	42,670,000	-	-	-	*	*	*	-	-	-	-	-	-	-	42,670,000	-	-	-	-	-			
	JUMLAH	2,209,398,464	19,549,410	20,170,000	23,331,700	27,298,606	40,787,688	83,865,944	81,572,075	83,765,412	95,938,319	94,153,696	107,763,192	112,796,632	118,576,559	107,511,873	148,005,459	153,292,656	205,177,921,	213,767,490,	240,069,608	232,004,224		

**SOALAN NO.: \*f72-**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :              BERTULIS**

**DARIPADA :              Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID  
BIN                            ENDUT**

**KAWASAN :              KUALA TERENGGANU**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dalam projek membina, memperelok dan menaik taraf Jalan Persekutuan di negeri Terengganu dari tahun 1991 hingga 2010 (RMK-6 hingga RMK-9). Sila nyatakan projek-projek tersebut mengikut tahunnya dan jumlah Wang Ehsan/Dana Khas yang terlibat.  
Tuan Yang Di-Pertua;**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh antara tahun**

## **JAWAPAN**

**1990 hingga 2010 terdapat sebanyak 71 projek pembinaan dan naik taraf jalan raya yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya di Negeri Terengganu, melibatkan kos projek keseluruhan ialah sebanyak RM6.28 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35 projek dengan kos sebanyak RM3.38 bilion atau 53.8% dilaksanakan menggunakan peruntukan Dana Khas Negeri Terengganu manakala baki 36 projek lagi dibiayai menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia 5 Tahun Kerajaan Persekutuan.**

**Senarai projek-projek Dana Khas Negeri Terengganu di bawah Kementerian Kerja Raya mengikut tahun disiapkan dan peruntukan Dana Khas yang terlibat ialah seperti berikut:**

- (1) Pembinaan Jambatan Kg La, UIu Besut, Terengganu (2002, RM4.43 juta);**
- (2) Meninggikan Aras Jalan Di Jalan FT03, KM19.6-KM21, Rhu Muda, Marang Terengganu (2003, RM3.11 juta);**
- (3) Jalan Ke Kampung Air Sejuk, Setiu, Terengganu (2004, RM4.36 juta);**
- (4) Jalan Bukit Gerai, Mercang, Marang, Terengganu (2004, RM4.6 juta);**

- (5) **jalan Kg. Fikri - Gong Batu - Saujana, Setiu. Terengganu (2004, RM9.87 juta);**
- (6) **Jambatan Jerangau Felda Sec. 123 Laluan 14 Dungun, Terengganu (2005, 2.17 juta);**
- (7) **jalan Surau Haji Yaakub - Darul Falah Kedai Buluh, Daerah Marang, Terengganu - Fasa 1 (2005, RM6.54 juta);**
- (8) **Menaiktaraf Jalan Gong Badak Ke Bukit Berangan Terengganu (2005, RM9.62 juta);**
- (9) **Menggantikan Jambatan Sedia Ada Di Sungai Buaya Kampong Banggol Pauh, Kuala Terengganu (2005, RM3.64 juta);**
- (10) **Jalan Payoh - Bujal - Padang Kemunting, Kemaman, Terengganu (2005, RM 14.51 juta);**
- (11) **Menaiktaraf Laluan 3, Seksyen 421-423, Rantau Petronas Kerteh, Terengganu (2005, RM18.54 juta);**
- (12) **Memperelok FT3 Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu - Kota Bharu, KM62-KM68, Pak Kancil, Setiu, Terengganu, Fasa 2 (2005, RM 10.88 juta);**
- (13) **Jalan Raya Simpang Pulai - Lojing - Gua Musang - Kuala Berang, Pakej 7, Jambatan Pasir Pulau Ke Kuala Teris, Terengganu : Kerja-Kerja Membaik Pulih Cerun Runtuh Di Ch.6225 (2005, RM0.77 juta);**
- (14) **Memperelok Laluan 3, Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu, KM41 - KM45, Sg Tong Setiu, Terengganu (2005, RM12.15 juta);**
- (15) **Naiktaraf jalan Lingkaran Kuala Terengganu, Terengganu (2006, RM31.36 juta);**

- (16) Meninggikan Aras Jalan Chukai - Air Putih, KM18 - KM22 (Sg Musang), Kemaman, Terengganu (2006, RM7.93 juta);
- (17) Membaiki Jalan Bandar Al-Muktafibillah Shah ke Pasir Raja, Dungun (2006, RM3.67 juta);
- (18) Naiktaraf Laluan 3, Jalan Kuala Terengganu - Kuantan, KM75 - KM86, Dungun (Fasa 2), KM81 - KM86, Terengganu ((2006, RM41.45 juta);
- (19) Memperelok Jalan dari Bulatan Sultan Mansor Ke Kuala Berang, Terengganu : Pakej 2B: Dari Padang Midin Ke Bukit Payung. KM10 -KM14 (2006, RM59.85 juta);
- (20) Pembinaan Jambatan Barn dari Atas Sungai Dungun, Laluan 127, Dungun, Terengganu (2007, RM59.6 juta);
- (21) Jalan Tok Adis, Fasa 2, Kuala Terengganu (2007, RM 14.55 juta);
- (22) Jalan Raya Simpang Pulai Lojing ■ Gua Musang - Kuala Berang. Pakej 6: Dari Aring Ke Jambatan Pasir Pulai, (2007, RM314.14 juta);
- (23) Memperelokkan Jalan dari Bulatan Sultan Mansor Ke Kuala Berang, Terengganu. Pakej 3: Dari Bukit Payung ke Binjai Rendah, KM14 - KM20, (2008, RM43.27 juta);
- (24) Jalan Padang Tapong ke Durian Telor, Besut (2008, RM27.3 juta);
- (25) Jalan Airport Kerteh ke Santong, Dungun, Terengganu (2008, RM16.1 3 juta);
- (26) Projek Menaiktaraf / Meninggikan Aras Jalan Chukai ke Air

**Putih, KM 11 - KM 14, Sungai Pinang, Kemaman, Terengganu (2008, RM5.08 juta);**

- (27) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan KM 11 - KM 18 Laluan 3, Jalan Kuala Terengganu/Kuantan Daerah Marang, Terengganu (2009, RM92.76 juta);**
- (28) Menaiktaraf Laluan 3, KM97.4 - KM108, Jalan Kuala Terengganu-Kuantan, Terengganu (2009, RM117.17 juta);**
- (29) Menaiktaraf Jalan T1/T3 dari Merang ke Kuala Besut (2009, RM29.63 juta);**
- (30) Projek Menaiktaraf Laluan 3, Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu, di Pekan Permaisuri, Setiu, Terengganu (2009, RM 154.39 juta);**
- (31) Projek Menaiktaraf Jalan Bukit Besi (Laluan Persekutuan 132) Dungun, Terengganu (2009, RM140.8 juta);**
- (32) Projek Menaiktaraf Laluan 3, Jalan Kuala Terengganu - Kota Bharu, Terengganu (2010, RM88.4 juta);**
- (33) Membina Jambatan dari Kampung Binjai Ke Kampung Mak Lagam, Kemaman, Terengganu (jangkaan siap 2011, RM27.52 juta);**
- (34) Jalanraya Simpang Pulai - Lojing - Gua Musang - Kuala Berang. Pakej 6A: Dari Aring Ke Sempadan Kelantan / Terengganu - Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai (jangkaan siap 2012, RM151.85 juta); dan**
- (35) Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa 2: Jabur - Kuala Terengganu (jangkaan siap 2013, RM1.85 bilion).**

**Sekian. Terima kasih.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA :** **Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID  
BIN ENDUT**

**KAWASAN :** **KUALA TERENGGANU**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT (KUALA TERENGGANU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah jalan yang dibina sejak mantan Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Sarny Vellu yang menghubungi Bandar Simpang Pulai di Perak ke Kuala Berang di Terengganu akan siap sepenuhnya.**  
**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Membina jalan Raya dari Simpang Pulai - Lojing - Gua Musang, Kelantan merupakan projek pembinaan rangkaian jalan raya berkeutamaan tinggi Kerajaan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sejak dari tempoh RMKe-6 lagi. Ini kerana pelaksanaan projek ini melibatkan kos yang sangat tinggi, iaitu

**melebihi RM2 bilion bagi pembinaan jalan sepanjang 311 kilometer.**

**Sehingga tempoh berakhir RMKe-9, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan hampir RM1.8 bilion untuk melaksanakan pembinaan 7 dari 10 pakej yang terlibat dengan jajaran projek ini. Pada masa kini pakej-pakej yang sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi projek berkenaan ialah Pakej 6(A): Aring ke Sempadan Negeri Kelantan/Terengganu; Pakej 8(A): Kg. Teris ke Kuala Telemong (Fasa 1) dan Pakej 10: Jambatan Telemong, Kuala Terengganu yang dilaksanakan sebagai sebahagian dari skop Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 Negeri Terengganu. Berdasarkan kepada perancangan, ketiga-tiga pakej ini dijangka akan siap sepenuhnya dalam Tempoh Separuh Pertama, RMKe-10.**

**Walau bagaimanapun, pelaksanaan bagi 2 pakej lagi iaitu pakej 8(B): Kg. Teris ke Kuala Telemong (Fasa 2 dan 3) sepanjang 22.3 kilometer dan Pakej 9: Membina jalan dari Kuala Betis ke Gua Musang, Kelantan sepanjang 20 kilometer dicadang akan dilaksanakan dalam Tempoh Separuh Kedua, RMKe-10, tertakluk kepada kelulusan peruntukan dari Agensi Pusat.**

**Sekian. Terima kasih.**

**MtK**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN**

**ENDUT [ KUALA TERENGGANU]**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**TARIKH**

**8.3.2011 - 7.4.2011**

Tuan Mohd Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat yang dibina di Terengganu sehingga September 2010 oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) serta nyatakan jumlah duit dana khas dari Royalti Petroleum Terengganu yang telah digunakan oleh SPNB dari tahun 2000 hingga September 2010 untuk membina rumah di seluruh Negara dan bilakah jumlah kewangan tersebut akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) belum lagi melaksanakan program Rumah Mampu Milik (RMM) di Terengganu. Walau bagaimanapun, bagi program Rumah Mesra Rakyat (RMR) pula, sehingga Januari 2011 SPNB telah meluluskan sebanyak 2,307 permohonan di Terengganu dimana 2,011 unit rumah telah diserah kunci manakala sebanyak 296 unit sedang dalam pembinaan.

Peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan yang telah disalurkan kepada SPNB bagi pembinaan RMR di seluruh negara adalah berjumlah RM873.4 juta. Peruntukan ini akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri Terengganu setelah *Settlement Agreement* dimuktamadkan antara pihak PETRONAS, Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Persekutuan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :                  BUKAN LISAN**

**DARIPADA                  Y.B. TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**SOALAN**

Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [ Kuala Terengganu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan keluasan tanah Wakaf Am dan tanah Wakaf Khas seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri dan berapakah nilai tanah wakaf tersebut. Apakah usaha untuk memajukan tanah wakaf di seluruh negara.

**JAWAPAN :**                  (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN), sehingga 28 Februari 2011, terdapat sebanyak 13,397.97 hektar tanah wakaf di Malaysia dengan anggaran nilai berjumlah RM1.177 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,113.35 hektar merupakan

**tanah wakaf am dan 6,284.62 hektar tanah wakaf khas. Senarai tanah wakaf am dan wakaf khas mengikut negeri adalah seperti berikut:**

S^EGERI'	KELUASAN TANAH WAKAF (HEKTAR)		JUMLAH KELUASAN (HEKTAR)	NILAI TANAH WAKAF (RM)
	AM	KHAS		
Johor	1,422.80	1,729.50	3,152.30	7,000,500.00
Kedah	158.62	1,086.25	1,244.88	1,997.00
Kelantan	16.01	157.04	173.06	56,443,073.00
Melaka	11.65	21.60	33.25	66.50
Negeri Sembilan	1.01	14.19	15.5	36.00
Pahang	0.00	723.82	723.82	18,000,000.00
Perak	116.12	0.00	116.12	383.00
Perlis	2.74	14.49	17.23	1,337,998.00
Pulau Pinang	220.03	559.23	779.26	850,000,000.00
Sabah	4,339.73	82.17	4,401.90	79.00
Sarawak	6.86	4.04	10.90	1,416,781.90
Selangor	235.63	31.82	267.45	200,000,000.00
Terengganu	581.66	1,878.58	2,460.24	42,623,196.19
W. Persekutuan	0.49	1.59	2.08	16.00
<b>JUMLAH</b>	<b>7,113.35</b>	<b>6,284.62</b>	<b>13,397.97</b>	<b>1,176,824,126.59</b>

\*Sumber maklumat: Sistem e-Bayanat ([www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my))

Di bawah Program Pembangunan Hartanah Wakaf RMKe-9, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM256.4 juta bagi membangunkan tanah-tanah wakaf di seluruh negara yang melibatkan 20 projek iaitu 16 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal. Manakala di bawah *1<sup>st</sup> Rolling Plan RMKe-10 (2011 -2012)*, sebanyak RM72.76 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan 10 projek sambungan (fizikal) daripada RMKe-9. Kesemua pelaksanaan projek ini mencakupi 5 tema utama konsep pembangunan iaitu keagamaan, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan perumahan. Projek pembangunan ini dilaksanakan dengan kerjasama sepenuhnya antara JAWHAR dan MAIN. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 projek fizikal dan 4 projek bukan fizikal telah berjaya disiapkan seperti berikut:

Bil	Nama Projek
<b>PROJEK FIZIKAL</b>	
1.	Asrama Anak Yatim Mukim Derga, Kedah
2.	Asrama Anak Yatim Machang, Kelantan
3.	Ruang Niaga Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak
4.	Kompleks Pendidikan Al-Mashoor, Balik Pulau, Pulau Pinang
5.	Pusat Saudara Baru Seremban, Negeri Sembilan
6.	Rumah Kedai Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis

Bil	Nama Projek
7.	Ruang Niaga & Pusat Dialisis Batu Pahat, Johor
8.	Rumah Perlindungan Wanita, Johor Bahru
9.	Pembelian Peralatan Untuk Kompleks Islam Kuching, Sarawak
10.	Pembinaan Kompleks Wakaf Di Atas Lot PT 45531 Seksyen 9, Kajang, Ulu Langat, Selangor (Kerja Awalan)
PROJEK BUKAN FIZIKAL	
11.	Entiti Wakaf Kebangsaan - Sumbangan Modal
12.	Gerakan Pemantapan Baitulmal Kebangsaan
13.	Pembangunan Sistem e-Wakaf & Kajian Pewakafan
14.	Penyusunan Semula Masyarakat di Kawasan Tanah Wakaf, Pulau Pinang

Berdasarkan kepada pencapaian pembangunan harta tanah wakaf di bawah RMKe-9 dan *1st Rolling Plan* RMKe-10, JAWHAR akan terus berusaha membantu MAIN dalam membangunkan harta tanah wakaf yang berpotensi serta berdaya maju bagi mengoptimumkan harta umat Islam di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, JAWHAR dijangka akan mengemukakan semula cadangan projek baru serta projek sambungan dengan anggaran peruntukan berjumlah RM450 juta di bawah *2nd Rolling Plan* RMKe-10 (2012 - 2013) untuk kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

**Sekian, terima kasih.**



**NO. AUM NO.**

**AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO\* SERI MOHAMMAD NIZAR  
BIN JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN : 3549**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kedudukan sebenar anggota Polis dan Tentera yang telah diberi MyKad walupun setiap mereka ada kad pengenalan anggota masing-masing. Kenapa kad pengenalan MyKad ini tidak ditarik balik.**

**Tuan Yang Dipertua ,**

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri telah membenarkan anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memohon MyKad sebagai kad pengenalan diri bermula pada tahun 2010.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan yakin pengeluaran MyKad kepada anggota Polis dan Tentera tidak akan mendatangkan masalah kerana Kerajaan hanya mengiktiraf satu kad pengenalan diri iaitu MyKad sahaja dan lain-lain kad adalah kad kuasa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Polis atau Tentera.

**NO SOALAN: 477**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]**

**SOALAN:**

**DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]**  
minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa masih tiada siasatan dan

**penjelasan dibuat ke atas seorang Tuan Syed Husin yang didedahkan oleh Ketua Pembangkang pada sesi Parlimen yang lepas, kerana ditawarkan projek melalui rundingan dengan Kementerian berjumlah lebih RM1 bilion.**

**NO SOALAN: 477**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Bukit Gantang, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ambil perhatian berhubung perkara ini dan pihak SPM berharap sekiranya Y.B. mempunyai sebarang maklumat tentang jenayah rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan dalam isu yang dibangkitkan tersebut, Y.B. adalah dialu-alukan untuk menyalurkan maklumat terperinci mengenainya untuk tindakan lanjut SPM.

Sekian, terima kasih.

**NO.AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                  DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN  
                                  JAMALUDDIN [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH**

**RUJUKAN                  3531**

**NO. AUM : 478**

**SOALAN:**

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [ Bukit Gantang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah rasionalnya meletakkan begitu ramai anggota dan kenderaan polis disetiap kali pilihanraya kecil. Berapakah yang dibelanjakan oleh polis dalam Pilihanraya Kecil DUN Tenang

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PDRM sentiasa memberi perhatian yang serius kepada perjalanan setiap Pilihanraya Kecil (PRK) yang diadakan agar proses pengundian berjalan lancar dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan. Selain daripada itu juga, keselamatan rakyat yang keluar mengundi adalah dibawah tanggungjawab PDRM dan adalah menjadi tugas mereka untuk memastikan mereka keluar tanpa rasa takut dan diganggu gugat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa PRK DUN Tenang di jalankan, pihak PDRM telah memperuntukkan sebanyak RM9,763,768.20 dan melibatkan seramai 3,376 orang anggota sepanjang musim berkempen sehingga ke hari pengundian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :                  BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA                      TUAN KAMALANATHAN A/L  
                                    PANCHANATHAN  
                                    [HULU SELANGOR ]**

**SOALAN:**

Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [ Hulu Selangor ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah Lap-Top 1 Malaysia yang telah diagihkan berdasarkan kepada kawasan Parlimen dengan pecahan berdasarkan kaum. Apakah masalah yang dialami dalam proses pemberian Lap-Top 1 Malaysia ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

Melalui pelaksanaan Fasa 1 pengagihan Komputer 1 Malaysia, sebanyak 117,575 unit komputer telah diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah yang tinggal berdekatan dengan Pusat Jalur Lebar

**Komuniti (PJK) di 246 lokasi terpilih seluruh negara. Pengagihan dilakukan kepada semua tanpa mengira kaum. Pengagihan berdasarkan negeri dan kawasan Parlimen adalah seperti berikut:**

### **Selangor**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Sabak Bernam</b>	<b>1,000</b>
<b>Sungai Besar</b>	<b>1,000</b>
<b>Hulu Selangor</b>	<b>1,000</b>
<b>Tanjong Karang</b>	<b>1,000</b>
<b>Kuala Selangor</b>	<b>500</b>
<b>Kuala Langat</b>	<b>1,000</b>
<b>Sepang</b>	<b>500</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>6,000</b>

### **Perlis**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Padang Besar</b>	<b>1,500</b>

### **Kedah**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia '3:</b>
<b>Kubang Pasu</b>	<b>1,000</b>
<b>Padang Terap</b>	<b>1,500</b>
<b>Pendang</b>	<b>2,000</b>
<b>Jerai</b>	<b>1,000</b>

<b>Sik</b>	<b>1,500</b>
<b>Baling</b>	<b>1,500</b>
<b>Kulim-Bandar Baharu</b>	<b>1,500</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>10,000</b>

### Perak

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Gerik</b>	<b>1,000</b>
<b>Lenggong</b>	<b>500</b>
<b>Larut</b>	<b>500</b>
<b>Sungai Siput</b>	<b>500</b>
<b>Tanjong Malim</b>	<b>5,000</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>7,500</b>

### Negeri Sembilan

<b>Kawasan Parlimen</b>	
<b>Jelebu</b>	<b>2,000</b>
<b>Jempol</b>	<b>2,500</b>
<b>Kuala Pilah</b>	<b>500</b>
<b>Rembau</b>	<b>500</b>
<b>Tampin</b>	<b>2,500</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>8,000</b>

### Melaka

<b>"r /asan Pairiimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Masjid Tanah</b>	<b>2,188</b>

<b>Alor Gajah</b>	<b>3,312</b>
<b>Kota Melaka</b>	<b>500</b>
<b>Jasin</b>	<b>500</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>6,500</b>

### **Kelantan**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Tumpat</b>	<b>1,500</b>
<b>Bachok</b>	<b>1,500</b>
<b>Tanah Merah</b>	<b>1,000</b>
<b>Machang</b>	<b>1,500</b>
<b>Jeli</b>	<b>1,500</b>
<b>Kuala Krai</b>	<b>1,500</b>
<b>Gua Musang</b>	<b>1,500</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>10,000</b>

### **Terengganu**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Besut</b>	<b>1,500</b>
<b>Setiu</b>	<b>1,000</b>
<b>Marang</b>	<b>2,000</b>
<b>Hulu Terengganu</b>	<b>1,000</b>
<b>Dungun</b>	<b>2,000</b>

<b>Kemaman</b>	<b>1,000</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>8,500</b>

**Pahang**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Cameron Highland</b>	<b>500</b>
<b>Lipis</b>	<b>1,000</b>
<b>Raub</b>	<b>2,000</b>
<b>Jerantut</b>	<b>2,460</b>
<b>Kuantan</b>	<b>200</b>
<b>Paya Besar</b>	<b>800</b>
<b>Pekan</b>	<b>1,400</b>
<b>Maran</b>	<b>1,500</b>
<b>Kuala Krau</b>	<b>2,390</b>
<b>Temerloh</b>	<b>750</b>
<b>Bentong</b>	<b>2,540</b>
<b>Bera</b>	<b>1,400</b>
<b>Rompin</b>	<b>1,560</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>18,500</b>

**Johor**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Segamat</b>	<b>1,500</b>
<b>Sekijang</b>	<b>2,000</b>
<b>Labis</b>	<b>2,000</b>
<b>Pagoh</b>	<b>3,500</b>

<b>Ledang</b>	<b>493</b>
<b>Simpang Renggam</b>	<b>750</b>
<b>Sembrong</b>	<b>1,500</b>
<b>Mersing</b>	<b>1,000</b>
<b>Tenggara</b>	<b>1,439</b>
<b>Kota Tinggi</b>	<b>1,562</b>
<b>Pengerang</b>	<b>1,499</b>
<b>Tebrau</b>	<b>1,000</b>
<b>Kulai</b>	<b>1,757</b>
<b>Pontian</b>	<b>1,939</b>
<b>Tanjong Piai</b>	<b>561</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>22,500</b>

### **Sabah**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Kudat</b>	<b>1,501</b>
<b>Ranau</b>	<b>1,365</b>
<b>Keningau</b>	<b>489</b>
<b>Pensiangan</b>	<b>991</b>
<b>Beluran</b>	<b>1,684</b>
<b>Libaran</b>	<b>0</b>
<b>Batu Sapi</b>	<b>0</b>
<b>Sandakan</b>	<b>0</b>
<b>Kinabatangan</b>	<b>3,187</b>
<b>Silam</b>	<b>1,283</b>

**JUMLAH** **10,500**

**Sarawak**

<b>Kawasan Parlimen</b>	<b>Bilangan Komputer 1 Malaysia</b>
<b>Mas Gading</b>	<b>667</b>
<b>Santubong</b>	<b>500</b>
<b>Kota Samarahan</b>	<b>750</b>
<b>Mambong</b>	<b>333</b>
<b>Serian</b>	<b>500</b>
<b>Batang Sadong</b>	<b>750</b>
<b>Batang Lumar</b>	<b>300</b>
<b>Sri Aman</b>	<b>500</b>
<b>Lubok Antu</b>	<b>1,000</b>
<b>Betong</b>	<b>200</b>



<b>Saratok</b>	<b>500</b>
<b>Igan</b>	<b>1,000</b>
<b>Sarikei</b>	<b>1,000</b>
<b>Julau</b>	<b>1,000</b>
<b>Kanowit</b>	<b>1,000</b>
<b>Mukah</b>	<b>1,000</b>
<b>Selangau</b>	<b>500</b>
<b>Kapit</b>	<b>1,000</b>
<b>Hulu Rajang</b>	<b>500</b>
<b>Bintulu</b>	<b>500</b>
<b>Baram</b>	<b>500</b>
<b>Limbang</b>	<b>500</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>14,500</b>

Antara masalah utama yang dihadapi dalam pengagihan komputer 1 Malaysia adalah capaian kepada perkhidmatan jalur lebar oleh penerima komputer. Bagi menangani masalah ini, bagi fasa-fasa berikutnya, pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang memperluaskan liputan perkhidmatan jalur lebar melalui pelaksanaan beberapa program/projek termasuk pelaksanaan program Kampung Tanpa Wayar (WiFi), penambahan Pusat Telekomunikasi Jalur Lebar iaitu Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) dan Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) serta pembinaan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan yang kurang liputan.

PEMBERITAHUAN  
 PERTANYAAN DEWAN  
 RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

BERTULIS

**SOALAN NO. ( 480 )**

DARIPADA [ Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN  
HULU SELANGOR]

**SOALAN**

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan untuk menyenaraikan projek-projek perumahan yang terbiar dan terbengkalai di kawasan Parlimen Hulu Selangor dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk menghidupkan semula projek-projek tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lima (5) projek perumahan swasta yang telah diisyiharkan terbengkalai di kawasan Hulu Selangor. Buat masa ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang dalam usaha untuk mendapatkan pemaju penyelamat untuk menghidupkan semula projek-projek tersebut.

Perincian mengenai kelima-lima projek tersebut adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Bil Unit
1	Lem bah Bering in (FLORA)	113
2	Lembah Beringin (HEART)	252
3	Lembah Beringin (IRIS)	235
4	Lembah Beringin (JASMINE)	302
5	Desa Beruntung, Ulu Yam	875

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2011



**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA            Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L  
                          PANCHANATHAN**

**KAWASAN            HULU SELANGOR**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN (HULU  
SELANGOR) minta MENTERI KERJA RAYA**

**menyatakan bahawa Daerah Hulu Selangor mempunyai  
masalah kerosakan bangunan yang kritikal, ianya  
disebabkan kerana projek terbiar atau terbengkalai. Pada  
tahun 2007, Y.B. Mantan Menteri ada menyatakan bahawa  
satu akta Juru Ukur Bangunan akan di laksanakan.**

**Apakah status akta tersebut.**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil  
maklum tentang keperluan dan peranan Juru Ukur  
Bangunan di negara ini. Ini kerana profesion tersebut  
memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti**

~~JAWAPAN~~ bangunan di negara kita sentiasa mematuhi piawaian dan standard yang ditetapkan di samping memastikan bangunan itu diselenggarakan dengan baik.

Walau bagaimanapun, pada masa kini terdapat beberapa disiplin profesional lain yang terlibat dengan bidang tersebut, seperti arkitek dan jurutera civil. Oleh itu, cadangan bagi mewujudkan Akta juru Ukur Bangunan perlu diteliti dari pelbagai aspek, khususnya melibatkan pertindihan dengan bidang profesi dan undang-undang yang sedia ada, seperti Akta Arkitek 1966. Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya melalui Jawatankuasa Khas yang telah ditubuhkan masih sedang meneliti dan mengkaji cadangan mewujudkan Akta Juru Ukur Bangunan tersebut. Ini kerana Kerajaan perlu mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat, khususnya pengguna akhir, iaitu orang ramai sentiasa terpelihara.

Sekian. Terima kasih.



**SOALAN NO. ( 482 )**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN                              BERTULIS**

**DARIPADA                              Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN  
[    HULU SELANGOR]**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan setakat ini berapa Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan Tapak Pelupusan Sampah Bukit Tagar dan apakah insentif yang diberi kepada PBT berkenaan. Berapa PBT yang masih belum menggunakan tapak tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan PBT menggunakan tapak tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, Tapak Pelupusan Bukit Tagar telah digunakan oleh 2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Tiada insentif kewangan yang diberikan kepada PBT yang menggunakan tapak pelupusan ini. Namun tindakan melupuskan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Bukit Tagar akan membolehkan PBT berkenaan tidak dibebani isu aduan awam mengenai pencemaran udara dan bau, masalah penyakit bawaan vektor dan lesapan air *leachate* daripada tapak pelupusan. Ini kerana tapak pelupusan sisa pepejal di Bukit Tagar dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan moden dan mesra alam yang dapat menangani masalah-masalah tersebut.

Walaupun Kementerian amat mengharapkan PBT-PBT menggunakan tapak

pelupusan ini, tetapi oleh kerana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) masih belum dikuatkuasakan lagi, tiada peruntukan undang-undang yang membolehkan Kementerian mengambil tindakan terhadap PBT yang tidak menghantar sisa pepejal ke tapak pelupusan berkenaan.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

April 2011

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**BERTULIS**

**YB TUAN  
KAMALANATHAN A/L**

**DARIPADA**

**PANCHANATHAN**

**KAWASAN**

**HULU SELANGOR**

**NO. SOALAN**

**483**

**TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah rancangan yang telah dirancang untuk memastikan para usahawan terus mendapat galakan dan sokongan, selain dari bantuan kewangan yang disediakan. Apakah kadar kejayaan dan keuntungan para usahawan yang menerima bantuan kewangan. Apakah bentuk program khidmat nasihat yang disediakan untuk syarikat/individu yang gagal.

**Jawapan**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pembangunan PKS di Malaysia secara keseluruhannya adalah berdasarkan kepada tiga (3) teras strategik.** iaitu

pengukuhan infrastruktur, pembangunan kapasiti dan keupayaan serta peningkatan akses kepada pembiavaan. Pada tahun 2010, sejumlah RM6.2 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan kepada lebih 15 Kementerian dan 60 agensi untuk melaksanakan 267 program pembangunan PKS di Malaysia di bawah ketiga-tiga teras strategik tersebut.

Daripada 267 program tersebut, sebanyak 28 program berkaitan penambahbaikan infrastruktur fizikal melibatkan peruntukan sebanyak RM193 juta, disasar memberi faedah kepada 8,000 PKS. Manakala di bawah pembangunan kapasiti dan keupayaan pula, sebanyak RM786 juta diperuntukkan bagi melaksanakan 200 program berkenaan penambahbaikan pengetahuan dan kemahiran yang memberi faedah 270,000 PKS.

Kerajaan turut menyediakan 39 program meningkatkan akses kepada pembiavaan yang mensasarkan manfaat untuk 280,000 PKS dengan peruntukan sebanyak RM5.93 bilion. Di antara program utama bagi meningkatkan akses pembiayaan adalah seperti Dana Pinjaman PKS yang ditawarkan oleh SME Bank, Skim Pembiavaan TEKUN oleh Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) dan Tabung untuk Makanan (3F) oleh Agro Bank.

Di bawah RMK-10, SME Corp. Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM78 juta bagi tahun 2011 untuk melaksanakan program pembangunan PKS. Dua program baru telah diperkenalkan iaitu Business Accelerator Programme (BAP) dan Enrichment & Enhancement Programme (Ef) yang

merupakan program bersepadu untuk meningkatkan pembangunan PKS secara meneluruh. Melalui program BAP dan E<sup>2</sup>, syarikat yang terlibat akan dibimbing secara bersepadu meliputi pengukuhan perniagaan, pembinaan kapasiti dan keupayaan serta kemudahan akses kepada pembiavaan, Pelaksanaan program BAP dan E<sup>2</sup> meliputi empat (4) komponen, iaitu diagnistik melalui kaedah SME Competitiveness Rating for Enhancement (SCORE), membina kapasiti melalui latihan dan kesedaran penjenamaan, khidmat nasihat dan sokongan teknikal serta akses kepada pembiavaan di Pusat Khidmat Nasihat Setempat (ORC).

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, SCORE merupakan satu kaedah untuk menilai prestasi dan tahap keupayaan syarikat melalui beberapa parameter yang telah dikenalpasti. antaranya keupayaan kewangan, teknikal, pengurusan serta inovasi. Syarikat yang dinilai akan diberi penarafan (rating) sistem bintang di antara 0 ke 5 bintang berdasarkan parameter yang telah ditentukan tersebut. Kaedah ini selain digunakan untuk Program BAP dan E2, turut juga digunakan oleh agensi lain yang melaksanakan program PKS mengikut kumpulan sasaran masing-masing, seperti Permodalan Usahawan Nasional berhad (PUNB),

Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDEC) dan SME Bank. Sehingga Februari 2011, sejumlah 1,824 syarikat atau 34 peratus telah diberikan penarafan 3 hingga 5 bintang daripada 5,365 syarikat yang telah dinilai.

Berdasarkan kepada penilaian semula SCORE ke atas PKS, didapati bahawa 48.1 peratus PKS yang dinilai mencatatkan peningkatan taraf bintang dan 37 peratus mengekalkan penarafan sepetimana semasa penilaian kali pertama. Ini merupakan satu indikator bahawa program yang disertai oleh PKS telah menvumbang dan mengekalkan peningkatan keupayaan serta secara tidak langsung memberikan keuntungan kepada PKS.

SME Corp. turut mempunyai mekanisma pemantauan secara berterusan terhadap prestasi syarikat-syarikat yang memperolehi bantuan kewangan. Sehingga suku ketiga 2010, sejumlah 2.8 juta permohonan untuk bantuan kewangan kepada PKS telah diluluskan berjumlah RM56.1 bilion dimana peningkatan keuntungan juga dapat diukur berdasarkan keupayaan PKS membuat pembavaran semula keatas pinjaman yang telah diluluskan.

Selain daripada itu, khidmat nasihat perniagaan termasuk kepada PKS yang mengalami kegagalan turut disediakan oleh SME Business Counsellors di One Referral Centre, SME Corp. Malaysia. Manakala khidmat nasihat teknikal oleh



pakar industri kepada PKS pula disediakan melalui Program SME Expert Advisory Panel fSEAP). Panel ini yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang, antaranya kejuruteraan, pembungkusan dan penambahbaikan proses akan membantu mengenalpasti kelemahan dan mencadangkan langkah-langkah pembetulan atau penambahbaikan perniagaan bagi meningkatkan keupayaan syarikat PKS.

Sesungguhnya Kerajaan akan terus mengambil usaha-usaha secara berterusan untuk membantu dan memaiukan PKS kerana menyedari peranan sektor tersebut sebagai salah satu sektor utama yang akan menjana pertumbuhan ekonomi yang mapan sepetimana disasarkan dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUANWONG HO LENG  
[SIBU]**

**SOALAN :**

**TUAN WONG HO LENG [SIBU] Minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai kesemua 107 program dan projek yang bernilai RM37.7 juta yang diluluskan semasa pilihan raya kecil Sibu pada Mei 2010. Senaraikan kos bagi setiap program dan projek dan tahap pelaksanaan.**

#### **JAWAPAN**

Sebanyak 107 projek bernilai RM37.7 juta telah diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri menjelang Pilihan raya Kecil

**SOALAN NO. 488^**

**Parlimen Sibu pada tahun lalu.**

**Sehingga 14 Mac 2011, 104 projek bernilai RM36.5 juta telah siap dilaksanakan manakala 3 projek bernilai RM1.2 juta telah dibatalkan kerana masalah tapak.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA :            Y.B. TUAN WONG    HO LENG**

**KAWASAN :            SIBU**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN WONG HO LENG (SIBU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan projek-projek yang telah dilakukan atau dilaksanakan oleh JKR Sibu, Sarawak bagi tahun 2005, 2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang telah dilaksanakan di kawasan Sibu, Sarawak dalam tempoh RMKe-9 (2006 - 2010) di bawah butiran Kementerian Kerja Raya ialah seperti berikut:**

- (1) Membina jalan Sibu / Bawang Assan / Seredeng, Fasa 1 dan 2 (RM186.9 juta);**
- (2) Menaik Taraf Jalan Kuching / Sibu dari Simpang Julau ke Persimpangan Lapangan Terbang Sibu, Fasa 1 dan 2 (RM376.2 juta);**
- (3) Program Penggantian dan Membaik Pulih Jambatan: di Sg Pedai dan Sg. Menyan, Sibu; dan**
- (4) Program Penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sibu, Sarawak (RM72.6 juta).**

**Sekian. Terima kasih.**

RT 49/  
No.  
486

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN WONG HO LENG

[SIBU]

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Y.B. TUAN WONG HO LENG [ SIBU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru yang berasal dari Sarawak yang dihantar bertugas ke Semenanjung Malaysia dan bilangan guru dari Semenanjung Malaysia yang dihantar bertugas ke Sarawak. Mengapa langkah sedemikian ini dibuat.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan penempatan guru di sekolah-sekolah adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kesesuaian pengkhususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut. Di samping itu, dalam proses penempatan guru juga akan mengambil kira anak kelahiran tempatan di kawasan tersebut terutama di kawasan pedalaman.

Bilangan guru-guru dari Semenanjung yang dihantar bertugas ke Sarawak dari Tahun 2006 - 2011 boleh dirujuk pada Jadual 1 dan Jadual 2. Langkah sedemikian dibuat oleh KPM atas sebab-sebab berikut:

- i. Intergrasi Nasional;
- ii. Mengisi kekosongan guru di Sarawak terutama opsyen Pendidikan Agama Islam dan guru j-QAF;

Mengikut pasangan yang berkhidmat di Sarawak;  
Memenuhi keperluan guru yang bertambah akibat pelaksanaan akademik seperti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Literasi Dan Numerasi Screening (LINUS).

**SOALAN NO. 487**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN                  BUKAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA :                  YB TUAN WONG HO LENG (SIBU)**

**TARIKH                  8 MAC 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB Tuan Wong Ho Leng (Sibu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah anak yang mengidap penyakit autistik (autistic children) di Sibu dan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan mutu dan taraf hidup mereka, termasuk peruntukan kewangan untuk keluarga mereka, AGAPE dan institusi lain.**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyakit autistik tidak tersenarai sebagai ketidakupayaan yang khusus di bawah kategori ketidakupayaan yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebaliknya ia termasuk dalam kategori masalah pembelajaran. Sehingga November 2010 seramai 1,159 orang kurang upaya (OKU) kategori masalah pembelajaran termasuk kanak-kanak autistik telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bahagian Sibu, Negeri Sarawak.

Bagi meningkatkan mutu dan taraf hidup golongan OKU termasuk golongan yang menghidap autistik, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah seperti berikut:

\*

\*

\*

\*